

[Senarai Ahli-Ahli Parlimen dilampirkan]

[Kandungan dilampirkan di m/surat terakhir]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 19 Julai 1999

Mesyuarat dimulakan pada 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]** minta Menteri Pendidikan menyatakan seperti berikut:-

- (a) jumlah penuntut masuk universiti-universiti dalam negeri dalam 1999/2000; dan
- (b) jumlah penuntut di luar negeri.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan,

- (a) Bagi sesi pengajian 1999-2000 jumlah pelajar yang ditawarkan tempat untuk program ijazah ialah 33,870, manakala pelajar lepasan SPM/SPVM yang berjaya ke program matrikulasi, diploma dan ijazah ialah seramai 41,052 orang.
- (b) Jumlah pelajar tajaan di luar negara sehingga Disember 1998 ialah seramai 12,794 orang, manakala pelajar persendirian ialah seramai 14,661 orang.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan, bagi masa yang sama iaitu tahun 1999-2000 berapakah anggarannya pada hemat

kementerian bilangan pelajar-pelajar kita yang akan keluar daripada pusat pengajian tinggi dan apakah dalam keadaan ekonomi sekarang bahawa siswazah-siswazah kita mampu diterima oleh pasaran kerajaan?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan yang tepat iaitu bilangan graduate yang akan keluar dari universiti-universiti tempatan dan yang akan pulang dari luar negara saya boleh jawab secara bertulis. Berkaitan dengan peluang pekerjaan untuk mereka yang telah keluar dari universiti tempatan, kolej dan sebagainya dari segi keseluruhannya didapati tidak ada banyak masalah. Mereka yang graduate dalam bidang yang amat diperlukan seperti sains komputer, kejuruteraan, elektronik dan juga di bidang-bidang yang kritikal seperti perubatan, pergigian dan sebagainya tidak ada masalah. Hanya ada segelintir kumpulan graduate yang dapat ijazah mereka dalam bidang seperti sastera dan sebagainya yang menghadapi sedikit masalah memandangkan bahawa sektor swasta sekarang menghadapi masalah yang masih belum pulih seperti dahulu. Namun demikian, Kementerian Pendidikan yakin bahawa masalah ini semua boleh diselesaikan memandangkan bahawa ekonomi kita sekarang semakin lama semakin baik dan kita yakin bahawa menjelang akhir tahun ini keadaan dari segi pekerjaan untuk mereka yang akan keluar dari universiti akan menuju ke satu era yang lebih cerah.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu benarkah kali ini lebih kurang 60,000 orang murid telah mohon untuk masuk ke sesi ini tetapi tidak ada cukup tempat untuk menempatkan mereka dan adakah kuota-kuota seperti yang tertakluk mengikut kaum diikuti dan apakah kuota-kuota untuk masuk ke universiti. Pelajar-pelajar dari luar negara yang datang ini, berapakah yang anjurkan oleh kerajaan luar negeri dan Kerajaan Malaysia?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana setiap tahun ada calon-calon yang membuat permohonan yang memang melebihi dari segi tempat yang kita adakan, memang ada sekumpulan yang tidak dapat

ditawarkan untuk mendapatnya. Namun demikian, Kementerian Pendidikan sudah izinkan memperluaskan pewujudan kolej-kolej swasta mengadakan program 3 + 0 dan pewujudan universiti-universiti swasta dan branch campus dan sebagainya. Kementerian Pendidikan yakin bahawa sekumpulan besar ini akan dapat ditawarkan tempat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuota yang kerajaan tetapkan memang kita ikuti. Dari segi bilangan pelajar yang kita hantar ke luar negara kumpulan itu semakin kecil kerana Kementerian Pendidikan masih menghadapi masalah peruntukan yang tidak cukup. Namun demikian, kita akan terus galakkan kumpulan ini memasuki universiti-universiti tempatan, kolej-kolej swasta di negara ini supaya peluang untuk mendapat ijazah mereka tidak akan terjejas.

2. **Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:-

- (a) berapa kontrak minyak sawit telah tidak ditunaikan oleh pembeli-pembeli negara asing berikutan harganya jatuh daripada RM2,300 satu tan kepada RM1,300 satu tan tahun lepas; dan
- (b) bagaimanakah kementerian bercadang untuk menghadapi saingan pengeluar-pengeluar kacang soya dan bunga matahari di Amerika Syarikat, Brazil dan Argentina yang dikatakan telah menyumbang kepada kejatuhan harga minyak sawit.

Timbalan Menteri Kementerian Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya juga ingin mengucap setinggi-tinggi tahniah di atas pemilihan Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ketua Pemuda MCA yang baru. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Terima kasih.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Perusahaan Utama dan PORLA telah mempunyai angka-angka rasmi mengenai pembatalan kontrak seperti yang dimaksudkan, kerana pada amalannya pembatalan seperti itu tidak dilaporkan kepada PORLA. Apabila sesuatu kontrak

jual-beli minyak sawit dibatalkan pihak yang terlibat iaitu penjual dan pembeli akan berunding sesama mereka untuk menyelesaikan melalui kaedah-kaedah yang sesuai seperti direct deliveries, dengan izin. Jika gagal mereka akan merujukannya kepada Jawatankuasa Timbang Tara Forum atau Forum Arbitration Committee, dengan izin, sekiranya mereka berusaha niaga dengan menggunakan kontrak forum.

Untuk menghadapi saingan pengeluar-pengeluar kacang soya dan bunga matahari pula kementerian mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) menjalankan aktiviti-aktiviti promosi minyak sawit dengan lebih agresif di mana penekanan akan diberikan kepada harga yang kompetitif dan kelebihan tekno-ekonomi minyak sawit di pasaran baru yang mempunyai potensi;
- (ii) menggunakan sepenuhnya Skim Peraturan Kredit dan Pembiayaan Minyak Sawit (POCPA) bagi membiayai eksport produk-produk minyak sawit terutamanya ke negara-negara yang berpotensi tetapi menghadapi masalah kekurangan tukaran wang asing;
- (iii) memperkenalkan kegunaan baru bagi minyak sawit di dalam sektor makanan dan juga bukan makanan. Di antara produk baru makanan yang telah dihasilkan adalah 'transfee', vanaspati, margerin dan santan dari minyak sawit, manakala produk baru bukan makanan seperti shampoo serta hasil barangan oleokimia akan dan telah pun diberi penekanan. Penyelidikan pula akan terus dijalankan bagi menghasilkan produk-produk baru berasaskan minyak sawit dan akhir sekali menggalakkan pelaksanaan dengan timbal balas atau barter-trade, dengan izin, iaitu cara pertukaran barang dengan negara-negara yang menghadapi masalah kekurangan tukaran wang asing.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Pada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri nampaknya amat yakin sekali untuk menjaga kepentingan kita dan nampaknya begitu keyakinan kita dan jaminan kerajaan dan

juga keyakinan sebagai Ketua Pemuda juga hendak adakan perbahasan, tetapi PAS tidak jawab lagi – wakil PAS ada ataupun dia sendiri hendak bercakap bagi pihak Pemuda PAS tidak tahulah.

Saya hendak bertanya sedikit bagaimana dari segi outlook untuk akan datang sama ada dari segi kedudukan di pasaran di Amerika Syarikat dan pasaran dunia, bagaimana dengan suasana pendekatan-pendekatan yang dikatakan oleh Timbalan Menteri, bagaimana outlook masa depan yang berharga ini, sebab sekarang ini banyak masyarakat di luar bandar telah keluh-kesah sedikit tentang kejatuhan harga kelapa sawit. Saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat dari Rompin. Outlook dari segi sektor ini kalau kita tanya kepada pihak PAS memang mereka mengambil jalan senang lelong sahaja ladang-ladang kelapa sawit kita atau keluarkan estet-estet kelapa sawit daripada negara jadi republik sendiri. *[Ketawa]* Tetapi bagi Kerajaan yang lebih realistik banyak faktor yang boleh melemahkan harga CPO di pasaran seperti pengeluaran dan stok tempatan yang meningkat; paras eksport yang sederhana; harga minyak kacang soya yang menurun; kelewatan pengumuman kuota import minyak sayuran oleh negara China; ura-ura cukai-cukai eksport minyak sawit Indonesia akan diturunkan lagi; pembatalan kontrak oleh pengimportan kesan daripada harga yang turun mendadak dan hujan musim tengkujuh yang baik di negara India bagi penanaman bijian tempatan. Ini faktor-faktor yang akan membawa kesan kepada masa depan dan arah aliran harga CPO pada setengah tahun yang kedua. Yang pentingnya ialah bagaimana faktor-faktor ini seperti pasaran tempatan dari segi paras pengeluaran dan stok CPO dan bagaimana penanaman dan perancangan kacang soya di Brazil dan China untuk musim-musim akan datang dan sama ada Indonesia akan cukai eksport minyak sawitnya kita kena tunggu dan lihat perkembangan semasa.

Tetapi kementerian akan memberi jaminan bahawa kita di Malaysia merupakan pengeluar kelapa sawit dan barangan kelapa sawit yang ulung dan ini memberikan kita sedikit 'lack time' dan ini memberikan kita sedikit kelebihan untuk memastikan bahawa sektor ini dapat kita pertahankan, dapat kita mampu bersaing dengan sektor-sektor lain dan juga persaingan daripada kacang soya yang lain. Menteri, saya dan kementerian cukup yakin bahawa masa depan sektor kelapa sawit ini masih lagi boleh kita pertahankan.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adalah difahamkan para saintis di negara Amerika Syarikat telah menemui satu grain kacang soya yang baru, yang boleh mengeluarkan hasil minyak kacang soya enam kali ganda daripada grain yang sedia ada. Dengan itu kita akan menghadapi satu persaingan yang lebih hebat kepada minyak sawit kita pada masa yang akan datang.

Jadi, saya ingin bertanya, adakah kementerian sedar akan perkara ini dan untuk menghadapi cabaran baru ini, adakah kerajaan mengambil inisiatif yang sama untuk mencari grain kelapa sawit yang lebih baik.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sama ada kementerian sedar atau tidak mengenai grain ini, sebenarnya saya tidak tahu tetapi secara peribadi, saya sendiri tidak tahu sama ada ada grain baru yang boleh keluar enam kali ganda. Tetapi yang jelas, persaingan daripada kacang soya merupakan subsidi daripada Kerajaan Amerika Syarikat sendiri yang berjumlah berjuta-juta ringgit.

Dalam keadaan semasa mereka menuntut pasaran dan keadaan ekonomi liberalisasi dan globalisasi, sekiranya kesan pasaran antarabangsa adalah buruk kepada penanam-penanam mereka sendiri, mereka tidak teragak-agak menggunakan subsidi yang besar untuk membantu penanam-penanam kacang

soya. Ini yang telah menyebabkan pembanjiran kacang soya yang begitu murah dan juga persaingan yang begitu hebat kepada kelapa sawit kita.

Saya rasa ini, kita akan terus memantau dan saya cukup yakin apa yang dilakukan oleh PORIM dan untuk Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dari segi spesies, klon-klon baru sesungguhnya bertepatan untuk sektor-sektor tertentu, pentingnya sekarang untuk fokus melihat kepada apa keperluan pasaran antarabangsa dan memberi keutamaan untuk memasarkannya mengikut kaedah-kaedah yang canggih.

Mengenai grain baru kacang soya, saya akan menjawab secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

3. **Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan masalah hakmilik tanah masih berterusan kerana kerajaan-kerajaan negeri tidak berminat menyelesaikannya, apakah langkah berwibawa yang akan dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bagi menyelesaikan, masalah itu dalam masa yang singkat.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana sedia maklum, urusan pemberian pemilikan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Sungguhpun begitu, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah mengambil inisiatif dengan mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar, untuk menyelesaikan masalah tanah bagi masyarakat Orang Asli. Pada dasarnya kerajaan-kerajaan negeri adalah prihatin terhadap masalah tanah Orang Asli dan memberikan kerjasama dalam mengatasinya.

Sehubungan dengan ini, dasar pelupusan tanah untuk pemberian hak milik kepada Orang Asli telah diwujudkan di beberapa buah negeri dan tindakan-tindakan untuk tujuan tersebut sedang diusahakan oleh kerajaan-kerajaan negeri.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Suka saya bertanya apakah perjumpaan-perjumpaan yang dinyatakan

tadi, dikepalai oleh Yang Berhormat Menteri sendiri atau Timbalan dan apakah respond dari pihak negeri-negeri mereka menyediakan satu jadual bagi mencapai matlamat memberikan hak milik ini dalam masa yang singkat, sebab kalau tidak, mungkin sepuluh atau dua puluh tahun lagikah?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, perjumpaan-perjumpaan ini diketuai oleh Yang Berhormat Menteri sendirilah, sebab saya sendiri merasa begitu bertanggungjawab mengenai penyelesaian masalah ini dan semasa perjumpaan-perjumpaan Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar, semuanya memberikan jaminan dan misalnya di negeri Pahang sudah ada pun rancangan untuk menyusunatur kampung-kampung Orang Asli sebanyak 275 kampung.

Dengan susunatur itu, setiap ketua isi rumah masyarakat Orang Asli akan diberikan tanah tapak rumah dan juga tanah-tanah untuk diusahakan keluasanya akan ditentukan oleh kerajaan negeri dan saya merasakan ini satu langkah ke hadapan, langkah yang begitu positif, yang patut dicontohi oleh negeri-negeri lain.

Di negeri-negeri lain juga, sebahagian besar daripada tanah-tanah Orang Asli, sudah pun diwartakan sebagai rizab Orang Asli dan untuk menjadikan atau untuk melaksanakan hak milik individu, ianya mempunyai proses yang agak sukar sedikit, mengambil masa, iaitu diperlukan peruntukan yang cukup untuk mengukur keliling dan mengukur lot-lot, bayangkanlah 275 kampung, misalnya di negeri Pahang ada 35,000 penduduk Orang Asli.

Yang keduanya, mesti disediakan pelan tataatur oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan juga perlu didapatkan persetujuan daripada masyarakat Orang Asli sendiri kerana bila hak tanah-tanah ini disusunatur, bererti setiap keluarga atau ketua keluarga akan mendapat ruang atau luas tanah yang sama dan pada ketika ini keluasan tanah yang diterokai ataupun yang diusahakan oleh Orang-orang Asli ini berbeza-beza, ini juga adalah satu masalah sosial yang begitu rumit juga untuk diselesaikan.

Permohonan Orang-orang Asli secara individu telah pun ada yang diluluskan oleh kerajaan-kerajaan negeri, misalnya di negeri Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu, Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor, Negeri Sembilan dan Melaka, sudah pun ada seramai 164 Orang-orang Asli diberikan hak milik individu.

Jadi, ini bererti bahawa saya terpaksa mengulang selalu, mengingatkan pihak-pihak yang berkenaan ini, usaha akan saya terus jalankan.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bukan ada Orang Asli di kawasan itu! Kawasan saya banyak Orang Asli. *[Ketawa]* DAP hendak menjuarai Orang Asli pula? Teluk Intan ada Orang Aslikah?

Tuan M. Kulasegaran: Semua, saya tidak kisah bangsa dan keturunan. Dia bertanya soalan ditujukan kepada saya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya bersimpati dengan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat ya, apa soalnya?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Cakap tentang estet begini sahaja, ada pengundi estet, saya ada 5,000 pengundi Orang Asli, berilah.

Saya bersimpati dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Menteri tadi, bahawa mengambil proses yang panjang untuk menyelesaikan masalah geran ataupun ownership Orang Asli tetapi saya bimbang sedikit dan suasana hendak menyelesaikan isu tanah ini, bermakna Orang Asli ini akan juga mengambil masa yang panjang atau menjadi penghalang juga kepada mereka memasuki mainstream ekonomi negara kita.

Saya berkata begitu sebab semua, katalah baru-baru ini saya balik ke kawasan, ada di antara mereka yang hendak membuat kolam ikan, dan dua buah kolam telah dibuat sendiri, tetapi mereka hendak buat sepuluh kolam lagi, tetapi mereka hendak membuat pinjaman, pergi ke Bank Pertanian, Bank Pertanian kata

boleh diberi pinjaman tetapi hendakkan geran. Bermakna kalau lima atau sepuluh tahun lagi kita hendak menyelesaikan masalah tanah ini, bermakna Orang Asli ini tidak mendapat akses kepada pinjaman, tidak boleh mendapat peluang dari dana pinjaman wang yang disediakan oleh kerajaan, namun demikian mereka tidak boleh mendapat pinjaman ini kerana mereka tidak ada geran.

Saya hendak minta juga kepada Yang Berhormat Datuk Menteri, minta timbang kembali di mana, mungkin Orang Asli ini diberi pinjaman yang tidak ada cagaran, mungkin melalui CGC ataupun cara-cara yang lain, yang tidak memerlukan mereka ini memberikan cagaran untuk pinjaman yang mereka pohon.

Saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat Datuk Menteri, bagaimanakah dan suasana kita hendak menyelesaikan masalah cagaran ini tetapi usaha-usaha untuk pembangunan usahawan atau usaha-usaha lain untuk membangunkan ekonomi mereka tidak terhalang sementara menunggu isu tanah ini diselesaikan. Minta sedikit pandangan Yang Berhormat Datuk Menteri.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, memanglah seperti kita maklum, kalau kita hendak membuat pinjaman di mana-mana institusi kewangan, kita mesti ada cagaran. Cagaran itu mungkin cagaran tanahnya ataupun FD ataupun saham dan sebagainya. Sudah tentulah kalau tanah Orang Asli ini yang belum diberi hak milik ataupun tanah rizab Orang Asli kepunyaan seluruh masyarakat, tidak bolehlah dijadikan cagaran.

Tetapi di bawah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli diadakan juga peruntukan-peruntukan untuk projek-projek sosio-ekonomi. Kalau hendak terlalu besar sangat itu mungkinlah agaknya tidak mencukupi, tetapi memang sudah diadakan projek-projek yang berbentuk projek sosio-ekonomi di mana mereka ini bukan sahaja diberi pinjaman, tetapi diberikan peruntukan untuk menjalankan projek-projek itu.

Saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada pengundi-pengundi Orang Asli dalam kawasan masing-masing, mengemukakan kalau ada cadangan-cadangan untuk projek-projek seperti itu. Terima kasih.

[Soalan No. 4 – Y.B. Tuan Radin Malleh [Tenom] tidak hadir]

5. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sejauh manakah kejayaan Kempen Belilah Barangan Buatan Tempatan yang dilancarkan pada tahun 1998 demi memulihkan ekonomi negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan yang mulia ini, Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia/Tempatan adalah dijalankan oleh pelbagai pihak termasuk pihak kerajaan, swasta dan parti politik. Kegiatan-kegiatan ini adalah sentiasa dibimbing dan digalakkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Dalam satu kajian secara tidak rasmi, bahawa kempen tersebut telah dapat meningkatkan kesedaran pengguna terhadap barangan dan produk-produk tempatan serta meningkatkan permintaan bagi barangan buatan tempatan. Peningkatan permintaan untuk barangan buatan tempatan telah membantu untuk merangsangkan aktiviti pengeluaran dan mendorong sektor pembuatan meningkatkan pengeluarannya.

Kesedaran untuk meningkatkan permintaan terhadap barangan buatan tempatan juga dapat membantu negara mengurangkan barangan import dan dengan itu telah dapat membantu usaha kerajaan menjimatkan pengaliran mata wang asing. Di samping itu, pihak-pihak pengeluar bekerjasama dengan kerajaan melabelkan semua produk tempatan dengan label 'Buatan Malaysia' dan pihak peruncit walau di gedung kecil atau di gedung besar seperti supermarket atau hypermarket memberi ruangan khas untuk menempatkan barang-barang keluaran tempatan dengan meletak label dengan besar dan jelas akan 'Barangan Buatan Malaysia'.

Kegawatan yang melanda, kempen-kempen yang dijalankan telah benar-benar menyedarkan masyarakat kita untuk berbelanja dengan bijak serta menumpukan perhatian kepada barang-barang buatan Malaysia. Di samping itu,

ia mewujudkan perasaan kekitaan yang kuat dan semangat kenegaraan yang kukuh. Ini terbukti kalau kita lihat keuntungan imbalan perdagangan Malaysia pada tahun 1997 hanya RM11.3 bilion atau RM11,300 juta kepada RM69.3 bilion atau RM69,300 juta pada tahun 1998 dan bagi tempoh empat bulan iaitu Januari hingga April 1999 pula, keuntungan imbalan perdagangan telah mencapai RM22 bilion atau RM22,000 juta. Setakat bulan Jun, ia telah menjangkau RM33,000 juta. Ini telah menunjukkan satu fenomena yang baru bagi masyarakat kita yang mana mengiktiraf barang-barang tempatan adalah lebih baik atau setanding dengan barang-barang yang diimport. Jika pandangan ini berterusan maka masa depan Malaysia dari segi imbalan perdagangan adalah begitu cerah.

Oleh yang demikian, kementerian saya yakin bahawa Kempen Belilah Barangan Malaysia telah mendapat sokongan dan tindakan positif dari seluruh pengguna. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menyampaikan penghargaan saya kepada seluruh pengguna di negara ini.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri sendiri datang untuk menjawab satu soalan yang sangat mustahak. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa bila kita menggalakkan membeli 'Barang-barang Buatan Malaysia', kerap kali standardnya sangat kurang, kebanyakan barang di negara ini sangat unmerchantable quality.

Saya beri satu contoh, di mana buatan adalah di negara ini, dikatakan 'Made in Malaysia' tetapi benda yang sama dieksport ke luar negara. Kenapa taraf, standard dan sebagainya sangat tinggi kalau bandingkan dengan benda-benda buatan di negara ini dan apakah tindakan yang diambil supaya perkara ini dapat dielak di mana konsepsi rakyat Malaysia yang selalunya 'buy foreign' – beli benda-benda di luar negara kerana dari kecil kita selalu dikatakan lebih mengiktiraf standard dari luar negeri. Macam mana kerajaan dan kementerian Yang Berhormat dapat mengelak mentaliti ini supaya kita ada satu suasana yang

berbeza di mana kerap kali kita membeli barang 'Buatan Malaysia' sahaja, satu konsep yang tidak diterima pakai oleh rakyat Malaysia.

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, 'kalau tidak kenal, maka tidak cinta'. Masalahnya ini soalan mentaliti, anggapan tetapi kalau kita gunakan, maka perasaan bahawa barang 'Buatan Malaysia' itu standardnya rendah akan dapat kita kikis. Saya beri satu contoh, kerana Yang Berhormat sendiri tidak memberikan apa-apa contoh benda yang spesifik yang boleh saya terangkan.

Ada sebuah hotel chain di Kuala Lumpur ini yang baru dibuka. It is international chain. Sabun di hotel itu dulunya buatan daripada sebuah negara Barat yang cukup maju. Harganya US\$2.00 satu sabun tetapi bila hotel chain buat di Kuala Lumpur, satu syarikat tempatan telah mengeluarkan sabun yang sama dan ditawarkan ke hotel tersebut, diterima, akhirnya sabun yang buatan Malaysia itu telah mengisi semua hotel chain tersebut di seluruh dunia dan harganya hanya RM1. Bermaknanya it is international standard barang-barang kita. Oleh kerana kita tidak cuba, kita tidak tahu.

Begitu juga seluar dalam. Kita selalu beli seluar dalam jenis St. Michael, keluar pergi Oxford Street beli tetapi bila saya tukar kerana terlalu mahal sekarang – tiga helai seluar dalam harganya RM120, I change into a local product, very nice and cheap. Jadi, kalau sekiranya kita tidak guna kita tidak kenal. Masalahnya ialah mentaliti kita. Yang sebenarnya barang-barang buatan kita setanding dengan negara-negara lain. Cubalah Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Teluk Intan pun jarang beli barang-barang tempatan ini. Pertama sekali saya hendak ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memenangi jawatan Ketua Pergerakan Pemuda MCA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Terima kasih.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kita dapati, kalau kita pergi ke luar negara, banyak barang yang berjenama terutamanya pakaian yang ada ‘nama’ ini dijual di supermarket-supermarket di luar negeri. Kadang-kadang kita tengok Polo ‘Made in Malaysia’ dan banyak lagi jenama lain tetapi malangnya jenama-jenama tersebut ada dijual di Malaysia tetapi bukan buatan Malaysia. Jadi, ini menyebabkan kadang-kadang kita terfikir bahawa barang-barang berjenama ini tidak mampu dibuat oleh Malaysia sendiri sedangkan hakikatnya banyak barang yang ‘under licence’ ini mampu dibuat oleh Malaysia dan dieksport ke luar negara. Jadi, mengapakah perkara ini boleh berlaku dan adakah kerajaan bercadang supaya barang-barang ‘under license’ ini juga dijual di Malaysia supaya membuktikan bahawa Malaysia sesungguhnya mampu mengeluarkan barang-barang yang berjenama?

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perniagaan ini merupakan global exercise, dengan izin, Bonia dan Polo ini adalah bertapak di negara kita di Malaysia. Ia macam juga kasut Bally – ia ada Bally London, ada Bally Switzerland, ada Bally Italy, ada Bally Thailand [*Ketawa*] ha, ada! Jadi, begitu juga barang-barang kita ini. kalau kita lihat Arrow, bukan bertapak di sini tetapi Arrow di Amerika bila kita beli dan buka – ‘Made in Bukit Mertajam’. Jadi, barang-barang Bonia, Polo dan sebagainya walaupun ia bertapak di Malaysia, dihasilkan di Malaysia tetapi franchisenya telah diberi kepada negara-negara lain juga untuk dibuat. Jadi, menunjukkan bahawa jenama kita, barang kita sudah menembusi global standard. Ini satu petanda yang baik. Jadi, kalau kita hendak beli, belilah Bonia atau Polo buatan kita. Dalam fikiran saya ini adalah satu gerakan perniagaan yang sudah sampai ke taraf antarabangsa.

6. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) jumlah operasi dan tangkapan yang berhubung dengan kegiatan lumba motosikal haram di seluruh negara; dan

- (b) apakah langkah-langkah konkrit jangka panjang yang telah diambil bagi mengurangkan kegiatan ini dan adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan denda punitif bagi pelumba yang mengulangi tabiat buruk ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sepanjang tahun 1998 hingga Mei 1999, sejumlah 53 operasi cegah lumba motosikal haram telah dijalankan di seluruh Malaysia membabitkan penangkapan seramai 1,786 pelumba;
- (b) Kementerian Dalam Negeri memandang berat masalah ini dan sedang menyemak peruntukan undang-undang sedia ada termasuk Kanun Keseksaan bagi mengenakan hukuman-hukuman yang lebih berkesan dalam menangani kegiatan yang tidak beretika ini. Sementara itu operasi-operasi cegah lumba haram yang dijalankan pada setiap malam minggu dan cuti umum serta operasi-operasi khas akan dipergiatkan termasuk menggunakan perakam video bagi memudahkan pengesanan identiti pelumba-pelumba yang terlibat.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah kebenaran laporan yang mengatakan bahawa pelumba-pelumba haram ini dikendalikan oleh sindiket-sindiket yang mana sindiket ini menawarkan pelbagai hadiah termasuk menghadiahkan wanita-wanita yang cantik. *[Ketawa]* Jadi, saya ingin tahu adakah pihak polis dapat mengesan sindiket-sindiket tersebut kerana ini salah satu daripada gejala dan fenomena yang mana kalau sekiranya tidak dikawal terutamanya pada hujung minggu, masalah ini tidak dapat dibendung.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak polis belum ada bukti kukuh menunjukkan lumba haram ini beroperasi secara bersindiket. Memang satu gejala yang biasa yang pelumba ini macam hero. Jadi, yang hero ini selalu diiringi oleh wanita cantik – teman wanita mereka. Walau bagaimanapun, pihak

polis akan mempergiatkan lagi tindakan. Saya hendak menasihatkan terutama ibu bapa yang selalunya tidak tahu apa yang dibuat oleh anaknya di luar terutamanya mereka yang mempunyai motor-motor yang canggih untuk berlumba dan balik tengah malam ataupun pagi esok. Jadi, kita perlukan kerjasama daripada keluarga mereka ini. Itu pun salah satu cara yang berkesan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, pelumba haram ini sudah lama, dekat sepuluh tahun saya dengar dalam Dewan ini, pihak kementerian tidak dapat menanganinya. Kalau pihak kementerian kata mereka tidak dapat mengenal pasti pelumba haram, pelik! Saya sendiri pun boleh kenal pelumba-pelumba haram ini. Tidak bolehkah kita tangani mereka dengan cara yang lain iaitu dengan mereka yang terlibat dalam perlumbaan haram ini, kita kenal pasti, pihak anggota polis pergi ke rumah mereka, jumpa ibu bapa mereka dan kalau degil juga, keluarkanlah gambar dalam surat khabar seperti kerajaan keluarkan gambar terhadap orang-orang yang terlibat demonstrasi reformasi. Keluarkan gambar dan menyatakan orang-orang ini bahaya, misalnya dan ini boleh sebab soal pelumba haram ini bahaya. Bukan setakat orang ramai, polis pun dia blah... dan menghadapi kecederaan yang teruk. Kita harap pihak kementerian jangan lagi datang ke Dewan menjawab kami belum kenal pasti pelumba haram itu. Itu tidak betul, polis Malaysia cukup cekap mengenal orang. Jadi, mereka boleh mengambil tindakan dengan cara-cara yang saya sebut tadi.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan Yang Berhormat. Dia sudah pusingkan jawapan saya. Saya tidak kata tidak dapat mengesan pelumba. Saya kata belum ada bukti kukuh yang mengatakan ada sindiket yang mengendalikannya dan jawapan asal saya mengatakan 1,786 pelumba telah ditangkap dan didakwa serta dihukum. Jadi, itulah jawapan saya. Harap Yang Berhormat kena dengar betul-betul apa yang saya cakap dan saya sudah jawab kita guna perakam video. Kalau ibu bapa mahu tengok kita tengok perakam video, tengok betapa bahaya anaknya. Memang hasrat kerajaan lebih kuat daripada Yang Berhormat. Kita mahu tangkap semua kalau boleh dan

bolehlah Yang Berhormat juga bantu kita. Kalau dia ada maklumat, beri dan kita akan terus tangkap.

7. **Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan kerajaan dalam menangani kemerosotan pegangan bumiputera dalam syarikat-syarikat di negara ini iaitu merosot kepada 19.4 peratus dalam tahun 1998 berbanding kira-kira 20.6 peratus pada tahun 1995.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya kemerosotan pegangan ekuiti bumiputera dalam syarikat-syarikat tempatan boleh dikaitkan dengan kedudukan ekonomi semasa terutama kegawatan yang melanda rantau ini bermula pertengahan tahun 1997. Di antara faktor yang mendorong kepada penjualan share milik bumiputera kepada bukan bumiputera dan pihak asing ialah seperti berikut:

- (i) kesukaran untuk membayar balik pinjaman kepada institusi kewangan yang membiayai perolehan share tersebut;
- (ii) untuk menarik pelabur lain yang mempunyai kepakaran atau sumber kewangan untuk menyertai projek atau aktiviti syarikat berkenaan;
- (iii) ketiadaan minat untuk meneruskan aktiviti syarikat dan ingin beralih ke sektor lain yang lebih menguntungkan.

Pengagihan saham syarikat tersenarai kepada bumiputera sebelum diapungkan di Bursa Saham Kuala Lumpur ditentukan oleh kerajaan melalui peruntukan saham di bawah Kementerian Kewangan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Walau bagaimanapun, setelah syarikat disenaraikan BSKL tiada mempunyai peruntukan perundangan untuk memastikan tahap pegangan bumiputera dan syarikat tersenarai dikekalkan. Perubahan dalam pegangan bumiputera dalam syarikat tersenarai ditentukan oleh penjualan dan pembelian saham di pasaran oleh pelabur-pelabur yang merangkumi bumiputera dan bukan bumiputera.

Namun begitu, kerajaan pada amnya memperuntukkan saham kepada pelabur-pelabur institusi bumiputera tertentu seperti Permodalan Nasional Berhad,

Lembaga Tabung Haji, Koperasi Polis Berhad dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dengan tujuan agar institusi-institusi bumiputera tersebut memegang ekuiti untuk jangka masa panjang.

Dalam usaha membantu pemilikan bumiputera dalam sektor ekonomi, kerajaan memberi keutamaan untuk menyusun dan melaksanakan langkah-langkah serta dasar lebih strategik bagi memulihkan ekonomi semasa supaya dapat membantu syarikat-syarikat yang terjejas. Kerajaan juga akan terus mempergiatkan usaha untuk mewujudkan masyarakat perniagaan dan perusahaan bumiputera dengan memberi penekanan kepada kualiti dan tidak hanya kepada menambah bilangan semata-mata.

Program-program pembangunan usahawan dirangka dalam bentuk package dengan menggabungkan pelbagai jenis kemudahan seperti latihan formal, pengalaman praktikal, saluran pemasaran, penyediaan ruang niaga, nasihat teknikal di samping bantuan kewangan. Galakan diberi supaya golongan ini menceburi bidang ekonomi yang strategik seperti industri berteknologi tinggi dengan nilai tambah yang tinggi dan industri aerospace.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat dari Kubang Kerian begitu prihatin dengan masalah penurunan kadar partisipasi bumiputera dalam perdagangan dan perusahaan tadi. Baguslah itu tetapi yang saya hendak tanya ialah sejak sembilan setengah tahun PAS memerintah negeri Kelantan, apakah usaha-usaha tegas yang dijalankan oleh kerajaan Kelantan dalam usaha untuk membantu, bukan sahaja peningkatan bumiputera dalam perdagangan dan perusahaan tetapi peniaga-peniaga kecil yang ada di Kelantan. Pernahkah Kerajaan Kelantan datang berunding dengan Kerajaan Pusat untuk menggalakkan bumiputera Kelantan yang sekarang ini telah dinafikan hak asasinya untuk terlibat sama dalam perniagaan ini?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sebelum ini tetapi selama enam bulan saya menjawat jawatan Timbalan

Menteri Kewangan satu habuk pun tidak mari jumpa saya hendak membincangkan tentang masalah ekonomi orang Melayu di Kelantan ini.

Jadi, saya memang nampak bahawa mereka tidak berkemampuan untuk memikir cara mana untuk meningkatkan taraf kedudukan ekonomi orang Melayu di Kelantan melainkan untuk bergantung kepada dasar-dasar kerajaan yang mereka kutuk pada tiap-tiap kali mereka ada ceramah. Jadi, sebab itu saya rasa kalau hendak menjawab soalan Yang Berhormat apakah yang dilakukan oleh mereka selama sembilan setengah tahun, jawapannya tidak ada. Sebenarnya orang Kelantan keluar dari negeri Kelantan untuk berniaga di negeri-negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional [*Tepuk*]. Jadi, lebih baiklah tukar negeri Kelantan itu kepada Kerajaan Barisan Nasional dalam pilihan raya akan datang ini. [*Tepuk*]

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Orang Kelantan cerdik pergi menyerah di luar. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, [*Disampuk*] Orang luar pergi ke Kelantan, orang Kelantan pergi berniaga di luar.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah di atas jawatan Ketua Pemuda MCA. Saya melihat bahawa kenaikan ekuiti bumiputera kebanyakannya dibuat melalui Rancangan Dasar Ekonomi Baru iaitu menggalakkan bumiputera melabur dalam Tabung Haji, dalam Koperasi Polis, Koperasi Tentera dan lain-lain koperasi ASN dan sebagainya. Tetapi kebelakangan ini usaha-usaha itu agak kurang, banyak diberikan syer kepada individu. Oleh itu apabila ekonomi jatuh individu ini juga rugi, maka peratus bumiputera berkurangan. Apakah langkah kerajaan supaya kita giatkan semula untuk membina tabung-tabung tadi, ia dapati lebih kukuh untuk mewakili bumiputera dibandingkan dengan pengagihan syer bumiputera kepada individu. Itu soalan saya, tidaklah saya hentam UMNO macam-macam.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Orang Kelantan dia memang pandailah, dia berniaga di luar, yang bodohnya kerajaan itu. Pasal tidak

dapat hendak fikir macam mana hendak bantu [*Ketawa*] orang Melayu di sana. Itu yang menyusahkan, orang Kelantan terpaksa keluar.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak betul untuk Yang Berhormat dari Kubang Kerian mengatakan iaitu bahawa kita telah mengurangkan galakan kepada pembentukan dana-dana di mana pemegang-pemegang saham individu Melayu dapat melabur di sana. Ini tidak benar, kalau Yang Berhormat dapat melihat bahawa bertambahnya dana-dana yang dibentuk oleh kerajaan, sebagai contoh ASN2 baru-baru ini dibentuk lagi dana di mana untuk memberi kesempatan kepada orang Melayu untuk melabur menerusi dana ini. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak berhajat untuk menghentikan pemberian saham kepada individu-individu bumiputera kerana kadangkala kalau kita lihat apabila sesebuah syarikat itu diapungkan, dianya memerlukan kepada individu-individu Melayu yang sebelum itu telah pun menjadi pemegang saham ataupun duduk sebagai Ahli Lembaga Pengarah.

Jadi, kita tidak boleh menghalang individu-individu bumiputera daripada mendapat secara langsung saham-saham ini kerana dasar kita ialah bagi mereka yang telah pun berada dalam syarikat ini sebelum diapungkan. Mereka berhak untuk mendapat saham-saham yang diperuntukkan untuk bumiputera. Walau bagaimanapun, selain daripada mereka, MITI mengekhaskan beberapa peratusan saham-saham ini untuk diberikan kepada dana-dana yang mempunyai kepentingan bumiputera.

[Soalan No. 8 - Y.B. Tuan Liew Ah Kim (Seputeh) tidak hadir]

[Soalan No. 9 - Y.B. Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) tidak hadir]

10. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Perdana Menteri menyatakan kadar kemiskinan dari segi peratus dan bilangan di setiap negeri sebelum dan sesudah krisis ekonomi melanda negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, kadar kemiskinan di semua negeri telah berkurangan dalam tempoh 1995/1997 hasil daripada pertumbuhan ekonomi

negara yang pesat dan pelaksanaan pelbagai Program Pembasmian Kemiskinan oleh Kerajaan Pusat. Sebagaimana yang dilaporkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh kadar kemiskinan mengikut negeri pada tahun 1997 adalah seperti berikut.

Yang tertinggi kadar kemiskinannya ialah:

Kelantan	-	19.2%;
Terengganu	-	17.3%;
Sabah	-	16.5%;

Yang terendah kadar kemiskinannya ialah:

Wilayah Persekutuan	-	0.1%;
Selangor	-	1.3%;
Johor	-	1.6%;
Kedah	-	11.5%;
Melaka	-	3.5%;
Negeri Sembilan	-	4.7%;
Pahang	-	4.4%;
Perak	-	4.5%;
Perlis	-	10.7%;
Pulau Pinang	-	1.7%;
Sarawak	-	7.3%.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi yang melanda negara pada pertengahan tahun 1997 telah menjejaskan kedudukan ekonomi dan pendapatan isi rumah. Akibatnya bilangan isi rumah miskin meningkat. Anggaran awal menunjukkan kadar kemiskinan negara pada tahun 1998 meningkat kepada 7% hingga 8%. Adalah juga dijangkakan semua negeri mengalami peningkatan kadar kemiskinan. Bagi mengetahui kesan kegawatan ekonomi ke atas kemiskinan kerajaan telah menjalankan satu penyiasatan pendapatan isi rumah pada awal tahun ini. Penemuan penyiasatan ini masih dalam peringkat akhir penyediaan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana di antara negeri-negeri yang mengalami tahap kemiskinan yang tinggi adalah negeri-negeri yang dikatakan ataupun yang mempunyai hasil petroleum yang menjadi sumber daripada buminya dan mendapat royalti yang begitu besar daripada Kerajaan Pusat, adakah kerajaan dapat mengenal pasti ataupun membuat satu kajian penyiasatan mengapa pendapatan yang begitu rupa yang diberikan kepada negeri yang berkenaan tidak boleh mengatasi masalah kemiskinan di negeri masing-masing dan adakah kerajaan bercadang untuk menambah royalti kepada negeri-negeri bagi mengatasi masalah kemiskinan di negeri-negeri yang berkenaan seperti negeri Terengganu, negeri Sarawak dan negeri Sabah.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pada mula-mula kita mencapai kemerdekaan, negeri Terengganu kalau yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Marang tadi adalah di antara negeri yang paling ketara kadar kemiskinannya. Dan oleh kerana ada hasil yang dikatakan hasil petroleum, saya percaya berasaskan kepada pendapatan itulah negeri Terengganu berjaya mengeluarkan dirinya daripada keketaraan 'incident of poverty' yang amat tinggi.

Yang kedua, hasil petroleum adalah bukannya hasil kepada Kerajaan Negeri, ianya adalah Kerajaan Pusat. Hanya diberikan royalti yang dikatakan tadi sama ada ia boleh diberikan kepada semua negeri mengikut kadar-kadar tertentu. Kerajaan belum bercadang untuk melaksanakan program sedemikian tetapi inilah kelebihan negara kita. Bahawasanya, Tuhan turunkan rezeki kepada kita ini dengan banyak punca. Ada rezeki dari langit, ada dari bumi, ada dari laut, yang dapat dari laut, negeri Terengganu, minyak dapat ke negeri Terengganu. Yang daripada bumi umpamanya, Kuala Lumpur, Perak dengan bijih-bijih dan sebagainya. Daripada langit umpamanya, rezeki dicurahkan kepada negeri-negeri lain dimakmurkan, disuburkan tanah-tanah dan boleh dijadikan tanah-tanah pertanian yang subur.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita menggunakan semua rezeki dan kita gunakan dengan sebaik mungkin itu semua termasuk orang-orang miskin.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya berminat untuk diberitahu apakah peratusan dan juga bilangan keluarga yang dianggap miskin di pelbagai kaum dalam negeri dan juga apakah perbezaannya definisi kemiskinan di kawasan bandar dan kawasan luar bandar. Saya tertarik kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan hanya 0.1% penduduk atau keluarga di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur itu dianggap miskin kerana apa yang ternyata dan benar di Kuala Lumpur ini kita nampak begitu ramai warga kota yang benar-benar miskin yang tinggal di kawasan-kawasan, misalnya rumah panjang yang berkeadaan teruk dan berpendapatan rendah. Berpuluh-puluh keluarga di Kuala Lumpur pun tidak memiliki apa-apa rumah, baik rumah kos rendah ataupun setingan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan satu penjelasan yang lebih meyakinkan mengenai realiti ini.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan boleh diberi tetapi untuk meyakinkan itu terpulang kepada bukan hanya yang memberi penjelasan tetapi yang menerima penjelasan. Kalau yang menerima penjelasan dia mempunyai minda dan hati yang tertutup memang susah hendak jelas.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, kadar kemiskinan dikira berasaskan kepada pendapatan garis kemiskinan ataupun dalam istilah ringkasnya PGK atau dalam bahasa Inggerisnya Poverty Line Income (PLI). Bagi tahun 1997, PGK yang digunakan ialah sebanyak RM460 sebulan di Semenanjung Malaysia, RM633 di Sabah, RM543 sebulan di Sarawak. Bermakna, kita meletakkan satu tahap yang cukup tinggi dengan izin, 'we beyond three hundred and fifty poverty line index'.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian dikatakan tadi diragui sama ada benar angka yang dikatakan 0.1% di Kuala Lumpur. Memang kalau kita tengok dari segi absolute angka iaitu ramai tetapi kita mesti bandingkan kalau kita nampak

sepuluh orang di Kuala Lumpur ataupun 100 orang di Kuala Lumpur berbanding dengan population penduduk dua juta orang umpamanya, peratusannya rendah berbanding kalau dengan sebuah kampung ada 50 buah keluarga, 10 buah keluarga miskin, bererti bahawa angka itu tinggi. Tetapi ini adalah satu kajian yang dilaksanakan oleh kerajaan dengan sesungguhnya-sungguhnya dengan izin, 'we do not intend to cheat ourselves'.

Jadi, kita mahu angka yang tepat untuk kita mengambil tindakan-tindakan yang wajar dan relevan untuk kita mengatasi masalah kemiskinan secara efektif. Berkenaan dengan pecahan kaum, kita tidak simpan tetapi kalau boleh saya mengatakan secara kasar, bahawasanya yang didapati ramai miskin adalah penduduk di luar bandar khususnya rakyat pribumi ataupun rakyat bumiputera sama ada di Sabah, di Kelantan, di Terengganu dan di mana juga. Jadi, adalah satu hakikat yang nyata bahawasanya kita telah berjaya mengatasi masalah kemiskinan tetapi ramai lagi masyarakat di luar bandar yang masih miskin.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Gene coefficient yang menggambarkan the relative poverty antara mereka yang berada dan mereka yang tidak berada bertambah baik pada tahun-tahun ke belakangan ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, angka ini saya tidak ada. Saya tertarik dengan soalan ini, saya percaya kalau tidak silap daripada pemahaman saya sama ada yang miskin itu mendapat sekian banyak tetapi yang kaya, 'average income' per kapita meningkat lebih ketara, yang ini saya akan minta satu angka yang tepat untuk saya sampaikan kepada Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

11. Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang] minta Menteri Pertanian menyatakan kesan pada harga beras dan harga padi hasil daripada peraturan yang tidak membenarkan padi dari Selangor dijual ke Kedah dan Perlis.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, sekatan pemilihan padi dari negeri Selangor ke negeri-negeri lain telah membolehkan padi dibeli pada harga yang berpatutan. Dalam hubungan ini, harga padi semasa yang dikenakan sekatan ialah RM630 hingga ke RM690 setan metrik di peringkat ladang dan RM680 di pintu kilang di negeri Selangor. Harga tersebut tidak termasuk bayaran dan subsidi harga padi sebanyak RM248.10 setan metrik. Memandangkan harga beras tempatan telah ditetapkan pada kadar RM1.70 sekilogram di peringkat runcit di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan, sekatan pemilihan padi tersebut telah membantu mengawal kenaikan harga beras dan menstabilkan harga padi. Ini disebabkan oleh kerana 8% daripada kos pengeluaran beras adalah bergantung kepada harga belian padi. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini persatuan kedai-kedai runcit ada menghantar satu rombongan berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan memberi satu memorandum untuk menghapuskan syarat-syarat bahawa mereka perlu menyimpan rekod-rekod perniagaan beras. Apakah keputusan kerajaan sehingga setakat ini?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, kita hendakkan penyimpanan rekod jualan beras dan sebagainya semata-mata untuk mengawal penggunaan beras, sekarang kalau kita sorok susahlah kita, Yang Berhormat sendiri pun susah, disebabkan benda ini benda makan dan harga kawalan telah ditetapkan. Jadi patuhilah segala yang diarahkan oleh kerajaan. Terima kasih.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih. Walaupun sekatan ini boleh menstabilkan harga padi dan beras tetapi adakah pihak kementerian sedar bahawa dengan adanya sekatan ini telah menjejaskan pendapatan Pertubuhan Peladang Kawasan iaitu PPK yang merupakan pembeli padi kerana dengan peraturan ini telah menghalang PPK menjual dengan harga yang lebih tinggi, kerana kalau kita bandingkan penjualan ini dengan BERNAS dan juga pihak swasta sudah tentu pihak swasta akan membeli harga yang lebih tinggi. Tetapi oleh kerana beras ini

tidak boleh dijual keluar daripada Selangor maka pihak swasta tidak boleh membeli padi tersebut.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, apakah pihak kementerian ingin memberikan pengecualian kepada PPK supaya PPK yang merupakan pembeli padi mewakili peladang-peladangnya diberikan kebenaran untuk mereka menjual padi ini keluar negeri Selangor ataupun kalau tidak boleh bagi kebenaran pun, sekurang-kurangnya memberikan kuota tertentu kepada PPK supaya hasil daripada pembelian padi mereka ini sekurang-kurangnya 50% boleh dijual di luar negeri Selangor, kerana kalau kerajaan menunggu sehingga kuota di negeri Selangor ini penuh baru dibenarkan PPK ini mengeluarkan padi daripada negeri Selangor maka ianya akan merugikan kepada petani-petani yang menuai terlebih dahulu. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk menghapuskan sama sekali peraturan-peraturan ini yang kita lihat menyekat kebebasan ekonomi bagi petani-petani?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Pihak kerajaan tidak bercadang hendak mengadakan sekatan terus, tetapi kita mengeluarkan kuota, malahan kuota yang kita keluarkan sehingga 4 Jun 1999, kita membenarkan pengeluaran padi di luar dari negeri Selangor, kita membenarkan ke negeri Perak sebanyak 13,500 tan, ke negeri Melaka sebanyak 900 tan, negeri Johor sebanyak 1,000 tan, Pulau Pinang sebanyak 11,500 tan dan Kedah sebanyak 9,000 tan. Jadi, ini telah dilakukan dari masa ke semasa. Sebabnya, dari segi ini, kita menstabilkan harga padi dan juga harga beras dan juga menentukan kilang-kilang di negeri Selangor dapat membeli padi dengan secukupnya. Jadi, pihak kerajaan akan memantau perkara ini dan insya-Allah, kita akan memberi pendekatan yang sebetulnya.

12. **Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) kemajuan terakhir terhadap pembinaan 2 buah aerobridge untuk Lapangan Terbang Sibu; dan
- (b) sama ada kementerian dapat mempertimbangkan agar MAS mengurangkan harga tiket penerbangan domestik supaya dapat mempromosikan industri pelancongan di Sarawak dan Sabah.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi:

- (a) Projek pemasangan dua buah aerobridges di Lapangan Terbang Sibu telah pun bermula pada 7 Jun 1999. Skop kerja pemasangan aerobridge ini melibatkan kerja-kerja pembinaan kawasan koridor baru serta pengubahsuaian kepada balai pelepasan dari aras 1 ke aras 2 dalam lapangan tersebut, tempoh projek ini akan mengambil masa selama 10 bulan dan projek ini dijangka akan selesai pada bulan April 2000.
- (b) Penerbangan Malaysia ataupun MAS pada masa sekarang tidak ada cadangan untuk mengurangkan tambang-tambang domestik. Walaupun demikian, MAS sememangnya ada pelbagai tambang istimewa dan diskaun untuk mempromosikan pelancongan termasuk ke Sarawak dan Sabah.

Di samping itu MAS kini sedang buat kajian atas kemungkinan mewujudkan tambang-tambang istimewa baru untuk menggalakkan lebih ramai pelancong masuk ke Sabah dan Sarawak khususnya MAS dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Sarawak, Malaysian Association of Hotels Sabah dan Sarawak dan juga Malaysian Association of Tours and Travels Agents baru-baru ini telah pun melancarkan satu pakej percutian dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dan pakej ini dinamakan 'Let's Do It in Sarawak' di mana harga-harga pakej adalah sangat berpatutan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Masa untuk soal jawab telah pun tamat. *[Ketawa]*

[Masa untuk pertanyaan bagi jawab Lisan talah cukup dan jawapan bagi pertanyaan No. 4, 8, 9 dan 13 hingga 64 akan dijilid dalam buku berasingan.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 1999

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang” *[15 Julai 1999]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Batang Lupar diminta sambung.

11.07 pagi

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya juga sebagai rakan-rakan yang lain ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah dilantik sebagai Ketua Pemuda Parti MCA dan saya percaya dengan kedudukan yang sedemikian boleh memperjuangkan lagi untuk semua rakyat kita dan kestabilan negara ini dan bukan untuk Tuan Yang di-Pertua sendiri. Jadi, perkataan saya ini ada relevan dengan ucapan saya tentang soalan human rights. Tuan Yang di-Pertua, perjuangan kita adalah untuk semua dan bukan untuk individu tetapi untuk masyarakat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks human rights ataupun hak asasi manusia, kita akan membawa satu konsep kemasyarakatan ataupun apa yang

dikenali di England, beberapa dekad sebagai 'The Common Rights'. Jadi itulah yang kita ajukan tetapi di sebelah pula Convention of Human Rights yang dianggap sebagai satu pendapat sejagat ialah hak asasi individu. Jadi dengan keadaan demikian kita ada perbezaan sedikit. Hak Asasi Human Rights dalam konteks negara kita yang telah kita masukkan dalam Perlembagaan negara yang telah kita gunapakai di negara ini dan telah mendatangkan nikmat yang begitu melimpah ruah di negara kita.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, perbincangan yang sama telah dan masih dibuat di seluruh negara terutama sekali di England, di mana perbincangan persoalan yang pertama iaitu hak-hak individu dan yang kedua ialah persoalan dan hak common rights ataupun hak kepada community before diberi kepada hak individu. Jadi, perbincangan ini bukan sahaja di mulut, dewan dan sebagainya tetapi juga telah dimasukkan ke dalam beberapa buku untuk mempertunjukkan kepada dunia, memang tidak ada satu asas yang boleh mengatakan yang satu ini lebih superior daripada yang lain.

Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, konteks hak asasi manusia secara individu tidak boleh dikatakan sebagai lebih superior daripada hak asasi dan kita praktik yang memberi nikmat dan penentuan atau kemudahan kebaikan kepada masyarakat sebelum kita memikir persoalan individu. Ini, banyak disebutkan dalam soalan human rights. Saya ingin membaca sedikit apa yang dipetik daripada buku Lord Hailsham, 'The Dilemma of Democracy – Diagnosis and Prescription', katanya, persoalan demokrasi, *"in my view at least a more authoritarian regime than we now process should be needed with all that also imply in the field of restriction on personal freedom and fundamental rights."*

Maknanya Lord Hailsham yang telah 30 tahun menjadi pemimpin di England pernah menjadi seorang profesor undang-undang dan menjadi pengamal undang-undang, menjadi Treasurer kepada British dan menduduki kedudukan-kedudukan yang tinggi dalam kerajaan Britain menjadi Lord Privi-council. Lord Chancellor di United Kingdom mempunyai satu idea iaitu jikalau hak-hak yang

diberi kepada individu itu tidak dihadkan nescaya masalahnya akan melibatkan kepada negara. Oleh kerana beliau pernah bertanya, *“if we allow the citizen the right of free speech, does that mean that at election times or even at others, he is entitled to wake me up with the distasteful and deafening noise of the loud-speaker van? Is conscription in war or peace, a breach of fundamental human rights? Is defamation consistent with a right of free speech? Is there a fundamental right of privacy and, if so, what are its limits? How far is there a fundamental human right of sexual freedom? To these questions, and to innumerable others, there is really no answer.*

Dengan persoalan sedemikian, orang yang seperti Lord Hailsham mempunyai satu kedudukan yang tinggi bukan sahaja daripada soalan government tetapi juga dari segi undang-undang dan sebagainya, mempunyai pendapat iaitu hak asasi individu itu patut dihadkan di satu-satu taraf yang tertentu. Jadi, dalam keadaan demikian, kita dalam memajukan negara ini telah berjaya hampir 40 tahun dan membawa kedudukan ekonomi negara ini ke taraf yang sedemikian sepatutnya tidak lagi mempersoalkan hak asasi ini di peringkat mana dan cara mana. Yang penting ialah memajukan negara ini dari segi kemerdekaannya, dasarnya supaya kita sendiri boleh menjalankan dasar kita, kita boleh

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah Yang Berhormat setuju dengan intipati ‘Universal Declaration of Human Rights’ iaitu ‘all persons are born free and equal in dignity and rights, adakah Yang Berhormat setuju? Walaupun Yang Berhormat kata semua itu berjalan dengan beres di negara ini, memang ada sesetengahnya baik dan sesetengahnya tidak, misalnya adakah rasional orang seperti saya ditahan di bawah ISA pada tahun 1987? Apakah kesalahan saya dan hak asasi saya dicabuli, adakah Yang Berhormat setuju?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Itulah Yang Berhormat, dengar cakap orang baik-baik. Saya bersetuju dengan soalan hak asasi. Saya

bukan kata tidak setuju, soalan ini dibincang seluruh dunia. Ada orang berpandangan mengatakan hak asasi individu itu tidak ada batasan. Yang satu itu mengatakan ada batasan-batasan tertentu. Kalau Yang Berhormat baca perlembagaan kita, ada mengatakan yang hak asasi manusia itu dijaga tetapi ada batasan berlandaskan undang-undang yang dibuat di negara ini sendiri untuk kebaikan negara ini sendiri. Maknanya Yang Berhormat, melainkan kita mempersoalkan semua hak dan kemudahan yang telah kita dapati selama ini baru kita mengatakan apa yang dibuat dan dijalankan di negara ini tidak betul?

Jadi, persoalannya Yang Berhormat, orang yang ditangkap di bawah ISA, Yang Berhormat, saya tahu saya seorang peguam, saya belajar undang-undang, saya telah dilatih mengetahui soalan hak asasi, tidak seorang pun boleh dimasukkan dalam penjara setelah hakim itu menjatuhkan hukuman kepadanya dan hakim menjatuhkan hukuman menggunakan garis undang-undang yang sebaiknya. Undang-undang yang kita gubal menggunakan undang-undang yang berlandaskan rules of law, there is bad law and there is good law dan sebagainya, tetapi Yang Berhormat kita juga mesti kena lihat satu perkara dalam keadaan sebuah negara, setiap negara mesti bebas mempraktikkan dasar dan cara mereka sendiri. Ini disebut juga dalam piagam United Nation, Yang Berhormat, mengatakan, kalau inilah untuk kebaikan untuk negara itu mesti negara itu bebas mempraktikkan apa yang mereka buat untuk kebaikan mereka sendiri.

Jadi, umpamanya, oleh kerana seorang yang ditangkap di bawah ISA tidak boleh dimasukkan dalam jail oleh kerana tidak ada evidence yang mencukupi, kita kena lihat, Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat baca buku ditulis oleh seorang hakim, Judge Burton S. Katz. Dia menjadi hakim selama 15 tahun, selepas itu public defender, kemudian menjadi public commentator dan kritik dengan dasar di Amerika. Dia mengatakan, kebanyakan masalah berlaku crime dan sebagainya ialah oleh kerana beberapa undang-undang telah dibinakan yang menyebabkan banyak criminal yang terlepas daripada tangkapan daripada yang masuk dalam penjara. Kerana dasarnya is better to release ten criminals than to put one in

jailed, unjudgely. Jadi banyaklah undang-undang, kalau Yang Berhormat baca amendments yang keempat dan kelima di bawah Perlembagaan Amerika, baca apa yang dikatakan marinda bill and 'marinda doctrine', tak pernah dengar marinda doctrine.

Kalau Yang Berhormat dengar marinda doctrine, satu exclusionary prohibition dalam Evidence Rule di Amerika. Jadi, sebab itu banyak criminal terkeluar dari penjara. Jadi, kata judge ini, sepatutnya criminal ini tidak berkeliaran di jalan raya, sepatutnya di dalam jail dan dasar kita menyimpan orang oleh kerana Exclusionary Rule dalam evidence kita oleh kerana hak evidence tidak boleh disimpan di bawah ke mahkamah dalam keadaan yang genting, negara perlu orang ini ditahan. I don't telah apologize for that, Yang Berhormat. Saya rela seorang masuk penjara kalau negara ini tidak terlibat dengan apa yang kita lihat di negara jiran, berkeliaran orang, merusuh dan sebagainya.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Dia bangun lagi Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah dengan hujah tadi Yang Berhormat percaya dengan kita menahankan semua, salah ataupun tidak kerana kita takut mungkin ada salah seorang itu tidak begitu baik untuk negara ini. Jadi kita tahanlah semua termasuk Yang Berhormat dari Kota Tinggi kerana kita mengesyaki beliau boleh memudaratkan negara, kita menahan Yang Berhormat dari Kota Tinggi kerana ISA, ikut doctrine yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lepar tadi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, orang yang hendak menjadi Ahli Parlimen ini ada tugas dan tanggungjawab dan pengetahuan yang tertentu. Orang yang hendak menjadi menteri ataupun hendak memegang teraju kerajaan itu lebih berat lagi tugas dan tanggungjawab mereka Yang Berhormat, mereka lihat keseluruhannya. Yang Berhormat fikir kalau orang itu dianggap tidak baik, polis terus tangkap masuk dalam Kamunting ataupun

penjara di sana, saya tidak percaya langsung. Perkara ini adalah dakyah dan tuduhan yang melulu Yang Berhormat.

Bukan bermakna saya di dalam polis dan saya pernah bekerja di Jabatan Polis dan saya membela polis dalam tindakan ini. Saya cukup percaya bukan sahaja Jabatan Polis tetapi kerajaan mempunyai tugas dan tanggungjawab dan meneliti tindakan-tindakan mereka dengan teratur, sebelum seseorang itu di bawah mana-mana menghadkan perjalanan ataupun pergerakan mereka.

Yang Berhormat, jangan membuat satu assumption kerana Yang Berhormat, saya hendak memberi satu cerita. Ini pernah berlaku pada diri saya sendiri. Ada hamba Allah, beliau ini seorang kulit putih, beliau menjadi ahli parti politik di Sarawak, sudah neutralized citizen di Sarawak pada tahun 1970-an. abelau ini apa sahaja benda yang dia nampak, tidak baik satu beliau kompelin, tidak baik di sini, beliau kompelin apa sahaja benda memang tidak satu pun pekerjaan kerajaan, pegawai kerajaan dan kementerian itu betul, padanya semua salah.

Di jabatan, saya terima setiap hari, kalau tidak ada lima surat yang kompelin ini, kompelin itu, saya rasa hari ini adalah hari yang paling baik sekali. Jadi, ada seorang hamba Allah berkata - beliau di luar Jabatan Polis, beliau berkata, "Can we do something to this guy, can we look into his background what he is thinking". Boleh kita buat satu penyiasatan supaya eventually, dia boleh ditangkap di bawah Internal Sarawak Security Ordinance (ISSO) pada ketika itu, di Sarawak. Jawapan dari atasan Yang Berhormat mengatakan, "This is not that easy to get somebody di sana". Buat apa yang difikirkan betul, walaupun mengacau pegawai kerajaan, kementerian dan sebagainya, hendak dimasukkan ke dalam jail.

Jadi kerajaan Yang Berhormat, semasa bertindak tidak sesenang itu, bukan semudah itu difikirkan. Tanggungjawab mereka ini profesional Yang Berhormat kalau salah langkah, beliau sendiri masuk jail bukan orang lain yang masuk jail.

Sebelum Yang Berhormat membuat satu assumption, inilah saya sebut kenapa orang yang mengatakan individu itu mesti diberi kebebasan dan group itu tidak boleh diberi kebebasan dan sebagaimana yang saya sebutkan tadi kerana mereka Yang Berhormat, sebelum dia menggubalkan mana-mana dasar, dia membuat satu assumption dahulu, assumption yang dia kata, ‘Kalau awak buat satu dasar umpamanya, tidak diberi kebebasan kepada individu’. Inipun dia mengulas lagi. Saya memang minat dengan Lord Hailsham punya buku, beliau menyebut katanya, kalau kebebasan itu diberi, *“It will end in a rigid economic plan, and, I believe, in a siege economy, it curbed subservient judiciary and regulated press. It will impose uniformity on the whole nation in the interest of what claims to be social justice. It will insist on equality. It will distrust all forms of eccentricity and distinction. It will crush local autonomy. It will dictate structure form and contained of education. It may tolerate, but will certainly do its best to either corrupt or destroy religion”*.

Yang Berhormat, kalau daripada konteks ini, Yang Berhormat tengok dalam negara kita adakah religion yang dilarang orang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, Kepong bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dilarang orang bersekolah dan sebagainya. Jadi, semasa mereka membuat sesuatu pemikiran itu, mereka turun dengan satu assumption that what they say is all correct and they’ll superiors and they must be followed. Yang Berhormat, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Lord Hailsham Quentin Hogg, seorang Lord Chancellor, iaitu pada zaman 1950-an yang merupakan seorang peguam yang terkemuka di United Kingdom. Walau bagaimanapun, beliau ini adalah seorang yang sangat konservatif dan sekarang

saya baru tahu Yang Berhormat dari Batang Lupar ini sangat konservatif kerana mirip kepada Lord Hailsham. Adakah Yang Berhormat setuju seorang ini sangat konservatif dari segi fikiran?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, kalau orang konservatif tidak pakai macam ini Yang Berhormat. Orang konservatif itu pakai pakaian konservatif, ini saya jumpa menteri berkata, “Awak hendak pergi night club?”. Orang yang konservatif, Yang Berhormat, tie dia pun tidak tukar. Jadi, pandangan Yang Berhormat itu soalan konservatif daripada pandangan, badan dan fikiran sama serentak dia berjalan. Saya mengambil jalan tengah Yang Berhormat, saya tidak mengikut cara yang liberal sangat ataupun pandangan daripada labour. Saya membaca dalam buku ini ada mengulas, apa kata Michael Ban, banyak nama ahli politik daripada Labour Party disebut di dalam buku ini juga.

Oleh kerana masalah mereka dan kalau Yang Berhormat melihat, katanya di sini, *“Our society is not stable. Whole geographical units show signs of wishing to opt out. Organized minorities clamour to be heard, and, they cannot win in the ballot box, seek to extract by violence or by depriving the population of their rightful needs. In the world of universal franchise, loyalty is at a discount. Self discipline is a dirty word. Law and order have become objects of ridicule. Every restraint must be removed, and the anarchic total described as liberation, permissiveness, or even humanism. Worst of all, society is divided as never before”*.

Yang Berhormat dalam keadaan negara kita ini homelessness society, dalam keadaan negara kita yang mana pelbagai culture, pelbagai agama dan sebagainya, jika kita tidak boleh entertain their total liberalization Yang Berhormat, kita tidak boleh entertain their ideal total freedom kepada individu.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kepong minta jalan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua, tidak silap saya buku ini ditulis pada tahun 1950-an, 1960-an semasa tahun 1940-an kerana Perang Dunia II dan juga semasa itu pihak United Kingdom di zaman peralihan, wind of change. Itulah buku hasil daripada wind of change ini. Adakah Yang Berhormat menganggap kita sekarang ada di dalam keadaan wind of change? [Ketawa].

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: You are very unfortunate person, Yang Berhormat. Betul-betul saya minta maaf sebut you macam ini oleh kerana I admire you for your skin expertise dan sebagainya. You moderate dalam pandangan, mungkin lain kali hendak menjadi Ketua Pembangkang, kemungkinan Yang Berhormat boleh menerajui DAP lebih bijak daripada Ketua Pembangkang yang sedia ada sekarang ini. Oleh kerana awak punya pandangan yang creditable dan sebagainya tetapi dalam keadaan yang demikian Yang Berhormat, kita menerima hakikat keadaan ekonomi sedemikian, kita tidak melalui agriculture revolution, industrial revolution dan sebagainya. Sekarang kita berhadapan dengan keadaan yang mana semua benda ini baru. Kemungkinan dalam kita menghala ke gedung yang baru ini, the wind of change itu berlaku dalam negara kita, mungkin berlaku juga.

Jadi, ada Yang Berhormat membaca, *Can Asians Think?* oleh Kishore Mahbubani, ini pun menyebut hampir sama dengan Lord Hailsham, Yang Berhormat. Saya membaca kata-katanya, "The West has used the pretext of human rights abuses to abandon Third World allies that no longer serve Western interests" kata Kishore Mahbubani. Beliau ini orang Singapura, orang Asia dan buku ini dicetak pada tahun 1997 Yang Berhormat, very latest and one of the Asian intellectual, dia pun mengatakan sedemikian Yang Berhormat. Yang West hanya pentingkan kepada dasar human rights, it will serve their purpose. Oleh kerana dia kata, kalau kamu lihat kenapa semasa Cold War, macam Mohamad Said Barre daripada Somalia, Mobutu dari Zaire, Daniel Arap Moi daripada Kenya, yang disokong oleh pihak West dan sekarang drop that selepas hilang cerita daripada Cold War ini.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat duduk, saya bercakap Yang Berhormat dengar dahulu. Selepas itu apabila semua ini because he doesn't serve their purpose anymore.

Jadi, mereka ini Yang Berhormat ada agenda-agenda yang tertentu, Yang Berhormat melulu ke kiri, ke kanan hendak membawa agenda mereka, tidak tahu keadaan negara kita sendiri, that mean Yang Berhormat, you are not fighting for Malaysian, you are fighting for the American dan Western ideas.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan, terlebih dahulu pada bulan Mei dan bulan Jun 1999, saya di bidang antarabangsa, saya ada membangkitkan masalah Amerika Syarikat dan juga negara-negara dunia yang pertama yang menggunakan alasan-alasan termasuk hak asasi dan sebagainya untuk mengongkong Dunia Ketiga. Itu semuanya saya menyebutkan dengan terus terang termasuk pada tahun 1970-an, 1960-an, Amerika Syarikat bersekongkol dengan Marcos. Itu pun saya sebutkan. Jadi tuduhan ini tidaklah begitu berasas. Kishore ialah bekas duta Singapura, nampaknya sekarang Yang Berhormat berminat dengan dasar Singapura.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Okay, Yang Berhormat sudah?.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya bersetuju kerana ada sebahagian kita tidak boleh meniru orang Barat dengan begitu sahaja kerana ada kelemahan-kelemahan di dunia Barat juga, cuma kita ceduk yang baik sahaja. Kelebihan pada mereka kita tiru, yang lemah kita tidak akan mengikut, itu memang dasar yang baik.

Walau bagaimanapun Kishore bekas Duta Singapura dan sekarang saya pun hairan Yang Berhormat dari Batang Lupar berminat kepada dasar Singapura sekarang ini. Belum lama, seminggu yang lepas membidas Singapura, sekarang baik sekali. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, I tidak hendak ulanglah kata you are the unfortunate personlah, Yang Berhormat". Tadi

Yang Berhormat kata iaitu human rights is universal. Intelektual itu juga universal, Yang Berhormat. Education itu juga universal. Kalau you hendak tahu di kiri, you kena tahu di kanan juga, Yang Berhormat. You got to see the views from all over the world in order to get the good one. Bila you dapat balance Yang Berhormat, yang mana satu good for your country, itulah kita pakai. You nasiblah tidak jadi pemimpin negara, tidak jadi menteri, kalau tidak habis negara.

Jadi Yang Berhormat, ilmu yang disebut dalam buku ini masih saya percaya, Yang Berhormat. Tetapi bukanlah bermakna saya hendak ambil sepenuh 100% yang disebut di sini kerana dalam buku Lord Hailsham ini dia mengatakan soalan limited government bukan dia kata yang free individu itu must be worshipped, dia katakan common goods itu is the best, tidak ada. Dia kata tidak ada. It's up to you, Orang yang bijaksana memikirkan yang mana satu boleh digunakan.

Walaupun dia sendiri bersetuju iaitu kita mesti gunakan limited government maknanya dia mesti ada freedom, mesti juga ada batasannya. Kita mesti ada menggunakan dasar, mesti ada juga batasan dasar itu. Beginilah seterusnya Yang Berhormat. Itu bermakna, undang-undang kita, Perlembagaan kita masih betul dan masih relevan dan dasar kerajaan kita masih relevan untuk membawa negara kita lebih maju setapak demi setapak. Lord Hailsham juga, mungkin kalau di sini Datuk, juga berkata, Yang Berhormat ini dia kata, saya hendak suruh dia dengan ini, sebab Yang Berhormat kalau benda itu the wisdom yang dibuat, human rights wisdom was 1948, Yang Berhormat, buku ini ditulis 1976, kenapa gunakan Human Rights Convention 1948 United Nations, tidak payah pakailah. Kalau yang lama jangka tidak boleh pakai, you got to learn history sebelum you guna untuk menerajukan kerajaan yang ada pada masa sekarang. We got to learn daripada history supaya kita tidak membuat kesalahan yang sama.

Yang Berhormat, dia kata, "we have lost sight of our destiny, because we have lost our independence", Britain yang mengatakan "we have lost our independence. We have lost our independence, because since 1945 we have been

content to borrow money, spend it on current consumption and not to pay it back. With loss of independence comes lost of self-respect. Without independence, there can be no foreign policy, and there can be no self-respect without financial independence. Our loss of independence, has nothing to do with loss of empire”, dia kata Yang Berhormat.

Inilah kerajaan negara kita. Kita lihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuatkan dasar sendiri yang mungkin dianggap tidak sejajar dan tidak selaras dengan pendidikan orang lain. Kita tidak borrow daripada IMF supaya kita hendak retained kita punya independent kerana apa yang disebut di dalam buku ini masih relevan, masih betul kerana kalau kita hendak masih independent kita tidak berhutang banyak sangat, hutang kita, kita boleh bayar. Kalau kita dah pinjam daripada IMF, pinjam daripada World Bank, World Bank dan IMF akan bagi dictation kepada kita. Jadi di mana letaknya kemerdekaan kita. Kita hilang kemerdekaan kerana kita tidak lagi memegang dasar luar negara kita, kita tidak lagi memegang dasar dalaman negara kita, kita tidak lagi memegang dasar financial dan fiscal kita.

Ini kita kena elak, Yang Berhormat. Sebelum itu jangan bercakap soalan unlimited hak asasi, unlimited freedom dan sebagainya kerana asas ekonomi mestilah dilihat dahulu hingga kita mencapai satu tahap, Yang Berhormat. Inilah dalam Wawasan 2020, kalau Yang Berhormat baca betul-betul, pandang betul di antara line, between the line you baca, tujuannya daripada tahun 2002, Yang Berhormat tolong, saya sudah banyak menjawab, selepas ini kalau ada masa you cakap.

Dalam tahun 2020 nanti kita akan mencapai satu tahap yang mana kita mungkin akan menggunakan semua hak asasi sebagai hak asasi manusia yang lain di mana ekonomi kita sudah mencapai ke tahap semua restructuring society kita di bawah Dasar Ekonomi Baru kita telah tercapai dan kita telah mencapai satu tahap dunia yang maju yang mana baru kita boleh bercakap soalan demokratik, liberal demokratik principle baru kita bercakap soalan liberal human rights, hak

asasi manusia dan sebagainya. Sebelum itu Yang Berhormat, saya masih bersetuju orang di Kapit, orang di Batang Lupar, orang di Rompin, orang yang di hulu-hulu mesti diberi dahulu peruntukan pemakanan dan sebagainya, kalau perut masih lapar, Yang Berhormat, don't talk about rights.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat duduklah, saya dekat hendak habis juga ini, kerana kawan-kawan ramai hendak bercakap, selepas ini baru boleh bercakap. Jadi, buat masa sekarang Yang Berhormat, saya masih bersetuju, saya hendak komen sedikit sahaja, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, persoalan Polis.

Yang Berhormat, Polis adalah Jabatan Kerajaan yang bukan sahaja profesional tetapi bertanggungjawab. Jadi, apa yang telah berlaku pada masa sekarang, Yang Berhormat, kes-kes ini masih dalam peringkat penyiasatan. Mungkin Yang Berhormat kata kenapa lambat sangat. Penyiasatan kalau hendak teliti, hendak rapi, hendak mendapat semua bukti yang tertentu, mendapatkan fakta-fakta yang tertentu mesti dibuat dengan rapi, dibuat dengan teliti dan sebelum laporan itu didapati, sebelum penyiasatan itu siap kita tidak boleh menuduh dengan melulu yang Polis ini menembak dengan sebarang, Polis ini menembak dengan sesuka hati kerana pihak Polis sebelum memetik trigger akan memikir sama ada orang itu mati ataupun saya sendiri yang masuk jel, dia sendiri juga akan memikirkan anak dan isterinya di rumah kerana tindakannya itu boleh menghantar dia ke penjara. It's always two-way traffic, Yang Berhormat.

Yang kedua, orang yang memetik trigger itu juga akan memikir kalau saya tidak petik orang itu akan tembak saya, saya sudah pernah beri misalan-misalan yang mana Polis berfikir dua kali sama ada saya hendak tembak ataupun tidak tembak, lepas itu peluru menyasar dada. Mati terlentang di sana siapa yang tanya. Kenapa Polis ini mati kerana dia bertindak dalam masa yang sekelip mata dia perlu berfikir dan bertindak, dalam sekelip mata itu memikirkan jangan tembak

dahulu, sampai peluru menyasar dada dia mati. Jadi, Yang Berhormat jangan letakkan kesalahan itu sebelum kita mengetahui dengan fakta-fakta yang tertentu.

Jadi, dengan keadaan yang sedemikian saya tidak setuju dengan kata-kata Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan yang Polis ini buat sesuka hati. Polis itu profesional, cukup terlatih, ada garis-garis panduan yang tertentu untuk menggunakan senjata dan mereka juga tahu kalau tersalah silap mereka mungkin akan masuk jel, hilang kerja, mungkin umur sudah tua tidak boleh cari kerja lagi, macam mana hendak jaga anak, hendak jaga isteri. Jadi, sebelum tuduhan dibuat di Dewan ini saya berharap tiap-tiap Ahli Pembangkang memikirkan dahulu jangan buat tuduhan-tuduhan melulu dan dengan perkataan sedemikian.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, hendak bagi jalan atau tidak?. Kepong bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Okaylah, bagi jalan dengan youlah, kasihan dengan orang ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya setuju ada kebanyakan yang dibuat oleh pihak Polis itu profesional. Tetapi ada kadang kala itu salah juga seperti bekas Ketua Polis Negara yang melebamkan bekas Timbalan Perdana Menteri. Adakah ini dianggap satu perkara yang betul dan boleh mempertahankan semua yang dibuat oleh Polis itu betul belaka. Tidak ada yang salah termasuk yang tertinggi sekali, bekas Ketua Polis Negara yang boleh melebamkan orang tahanan. Inilah Yang Berhormat perlu fikir dengan masak-masak dan saya hendak tekankan di sini saya hanya tanya Yang Berhormat sama ada setuju bahawa, dengan izin, all persons are born free and equal indignity and rights, itu sahaja yang saya tanya. Kalau setuju maka di dalam perbahasan tadi itu mesti diubah sedikit sebanyak untuk menyesuaikan kepercayaan kepada hak-hak seumpama ini.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat sendiri sudah tahu dalam komuniti manusia biasa memang ada salah seorang daripada

mereka membuat kesalahan, kesilapan. Ini tidak seorang boleh menafikan, Yang Berhormat. Apa yang telah dibuat oleh Ketua Polis Negara telah juga berlaku kepada Ketua Polis Negara yang berkenaan. Jadi, dia terpaksa melepaskan kerja, meletak jawatan, diselidik dan siasat dan sebagainya dan soalan sama ada dia akan dituduh dalam mahkamah, itu persoalan bukan saya yang jawab Yang Berhormat, saya tidak boleh jawab. Itu kerajaan akan menentukan.

Jadi persoalannya saya menerima hakikat di dalam golongan manusia yang ramai itu memang ada yang buruk tetapi janganlah semuanya buruk, Yang Berhormat. Cakap semua itu buruk tidak adil. Dia orang ini sudah ramai berkorban, ramai yang mati dan sebagainya.

Jadi, saya hendak baca sedikit, ini buku tahun 1999 yang tulis oleh Hakim yang disebut Judge Burton S. Katz, Former Prosecutor and Superior Court Judge, Los Angeles – Justice Overruled. Saya baca panjang, minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

“In roll call, cops are constantly reminded the dangers out there - from us, from you and me. Who is armed? Who is no?, Who is dangerous? Who is not? I don’t know one street cop who does not have at least one harrowing story of how his or his partner’s life was on line in a day’s work. Cops are marked men and women. They wear badges and uniforms. We all know who they are. No cop, however, knows who among us is the next predator who will try to take his or her life, the life of a partner, or the life of one of our fellow citizens.

This is not theoretical for cops. Even routine traffic stops are potentially lethal. Any driver could have a gun, and might use it. That is part of what cops are thinking and when they stop you or me for driving too fast. It’s nothing personal, it’s just that if they let their guard down, they can die. So there is always a line between cops and us.

Corps face more than mere danger, however. They also know we entrust them with the license to carry and, if need be, to use a gun. Every

cop I know takes that responsibility very seriously. They know that if they make a bad judgement call with the gun, innocent blood will flow and they will replay the shooting in their nightmares for the rest of their lives. Bad judgement could also cost them their career or, worse, jail. Real life is not always clear-cut. Bad calls happen in fast-moving street situations especially when cops are scared. Yes, cops get scared. This should not be so hard to relate to, if we think about it.”

Yang Berhormat fikir. Jadi, Yang Berhormat sebelum membuat tuduhan, membuat apa-apa sahaja, fikirlah, gunakan akal fikiran yang waras dalam keadaan negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Marang.

12.43 tengahari

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan dan para pemerhati, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menegaskan bahawa kita tidak boleh melupakan peranan Islam di dalam pengisytiharan hak asasi manusia yang mendahului beratus-ratus tahun daripada apa yang disebut dengan Paris Principles yang diilhamkan daripada revolusi Perancis yang menjadi kebanggaan Barat kerana apa yang disebut dengan perisytiharan sejagat Universal Declaration on Human Rights yang diperjuangkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Apabila Allah s.w.t menurunkan satu ayat sejak 1,400 tahun lebih yang lalu kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang menegaskan [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud, “Wahai manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu berkenal-kenalan di antara satu sama lain dan yang paling mulia di kalangan kamu di sisi Allah ialah yang paling patuh kepada perintah Allah dan yang paling bertaqwa.

Islam mengakui hak individu dan hak masyarakat, mengakui hak lelaki dan wanita, mengakui hak bangsa, hak negara dan lain-lain lagi yang menjadi keperluan dalam kehidupan manusia. Walaupun manusia itu berbagai-bagai bangsa dan bahasa dan tinggal di bermacam-macam negeri, Tuhan menyatakan (*Membaca sepotong ayat dalam Bahasa Arab*) yang bermaksud, “di antara tanda-tanda kebesaran Tuhan ialah Dia mencipta kamu, mencipta langit dan bumi dan mencipta kamu daripada pelbagai bahasa dan pelbagai warna kulit”, itu adalah merupakan ciptaan Allah yang maha agung.

Manusia tidak boleh menjalankan peranan mereka di atas muka bumi tanpa diberi kebebasan. Manusia dinalurikan dengan individualistik mesti mempunyai kepentingan diri masing-masing dan dinalurikan dengan hidup bermasyarakat. Kedua-dua perkara ini adalah naluri manusia maka kita tidak boleh menahan seseorang itu untuk beragama mengikut pandangan masing-masing. Kita tidak boleh menahan seseorang itu bekerja di mana-mana sahaja mengikut hak masing-masing dan seseorang yang bekerja yang hidup seorang individu tidak boleh mengganggu hak-hak masyarakat.

Kita perlu menyedari bahawa baju yang kita pakai, makanan yang kita makan, walaupun di sana ada individu yang bekerja mengikut bidang masing-masing tetapi sehelai baju yang kita pakai ini tidak boleh dihasilkan oleh seorang individu. Bagi menghasilkan sehelai baju kita memerlukan kain, kain daripada benang, benang daripada kapas, kapas mesti ditanam. Untuk ditanam sekurang-kurangnya cangkul, cangkul daripada besi, besi mesti dilombong, ditempa dan sebagainya.

Adalah tidak mungkin bagi kita untuk menghasilkan sehelai baju hanya seorang yang melombong, orang itu juga yang menjadi tukang besi, orang itu juga yang menanam kapas, orang itu juga yang memintal benang bertenun kain sehingga menjahit sehelai baju. Mati dahulu barulah berjumpa dengan sehelai baju. Mestilah ada yang melombong, mestilah ada yang berniaga dan seterusnya.

Di dalam hubungan ini mesti ada yang mentadbir dan yang memerintah. Masing-masing hendaklah diberi hak dan bidang masing-masing.

Perkara ini diakui oleh Islam, Islam mengakui hak asasi beragama, *[Membaca sepotong ayat dalam Bahasa Arab] yang bermaksud, “Tidak ada paksaan dalam agama”*. Di dalam negara Islam yang pertama yang didirikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dimeteraikan perjanjian yang dikenali dengan Piagam Madinah membenarkan orang Yahudi Bani Khainuha, Bani Nazir, Bani Quraizah dan lain-lain. Membenarkan orang kristian Najran, membenarkan orang-orang Khuzaah, yang masih musyrikin untuk berada dan berlindung di bawah negara Islam. Mereka yang berlindung di dalam negara Islam ini, Islam telah menegaskan dengan jelas sebagaimana yang dinyatakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. *[Membaca sepotong ayat dalam Bahasa Arab] yang bermaksud, “Sesiapa yang menyakiti orang yang bukan Islam, yang berada di dalam negara Islam, maka dia menyakiti aku sendiri”*. Tidak boleh dipaksa seseorang itu menganut agama. Untuk melakukan upacara agama mereka dengan syarat tidak mengganggu orang lain, tidak mengganggu kententeraman orang awam, masyarakat. Hendaklah dibenarkan mereka melakukan istiadat yang diizinkan oleh agama mereka, ini termasuk di dalam perkara hak asasi manusia yang telah dinyatakan oleh Islam. Termasuk dalam hak berpolitik di mana rakyat dalam negara diberi bukan sahaja untuk menerima keadilan, hak kebendaan dan sebagainya, diberi hak untuk mengkritik dan menegur kerajaan.

Untuk menegur dan mengkritik kerajaan dalam apa-apa perkara yang membina dan kerajaan hendaklah menerima dengan dada yang terbuka. Ada yang mengatakan bahawa mengapa Islam tidak memberi hak kepimpinan negara kepada orang yang bukan Islam. Ini menjadi adat dunia, mana-mana negara dalam dunia yang menjadi kepimpinan negara mestilah mereka yang menganut ideologi negara. Negara komunis dia tidak melantik parti demokrat di Amerika menjadi Ketua Negara Rusia.

Begitulah Republikan yang menang dia tidak lantik orang demokrat menjadi Presiden dan begitulah bila Islam yang memerintah mestilah orang Islam yang memimpin negara, tetapi diberi hak bersuara kepada orang-orang yang bukan Islam yang merupakan sebahagian daripada hak asasi manusia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Machang bangun.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya tidak beri kerana banyak perkara yang saya hendak cakap, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Dia tak mahu beri.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Dalam hak berekonomi, Tuan Yang di-Pertua, kita membenarkan rakyat bekerja untuk mencari kepentingan ekonomi mereka, bukan sahaja kepada orang-orang Islam, termasuk orang-orang yang bukan Islam dibenarkan mereka berniaga dalam barangan yang diharamkan oleh Islam. Yang dibenarkan oleh agama mereka, kita tidak boleh melarang, ini termasuk di dalam hak asasi manusia, bahkan di dalam hubungan dagangan Islam membenarkan kita menerima individu daripada negara asing yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dan yang bermusuhan dengan negara kita. Kita hanya bermusuhan dengan kerajaan, tidak bermusuhan dengan rakyat. Ini hukum yang ditetapkan oleh Islam. Dibenarkan rakyat daripada negara yang bermusuhan dalam hubungan dagangan. Ini adalah hak ekonomi yang diberi kepada individu walaupun ketika tercetusnya peperangan, Islam tidak lupa di dalam mempertahankan hak asasi manusia [*Membaca sepotong ayat dalam Bahasa Arab*]) yang bermaksud, “berperanglah pada jalan Allah akan orang-orang yang memerangi kamu dan jangan kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak mengasihi orang-orang yang melampaui batas”.

Mereka yang menggembar-gemburkan Islam, menggalakkan peperangan hendaklah menyedari bahawa peperangan yang berlaku dalam sejarah Islam apabila rakyat tidak dibenarkan menganut Islam. Apabila dakwah Islam diganggu

dan sebagainya, maka Islam perlu memberi perlindungan kepada dakwahnya, kepada pendakwahnya dan kepada penganutnya. Ini suatu hak dipunyai oleh Islam, Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tanjung Karang bangun, hendak beri jalan atau tidak.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Nanti sekejap, tidak habis apa yang saya hendak terangkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam peperangan Nabi Muhammad s.a.w. menegaskan di dalam peperangan jangan melampaui batas bagi merealisasikan apa yang dinyatakan oleh Allah di dalam Al-Quran [*Membaca sepotong ayat dalam Bahasa Arab*]. Diberi pesanan kepada pemimpin tentera Islam, jangan kamu membunuh kanak-kanak, membunuh orang perempuan, membunuh orang tua, jangan kamu membunuh sami-sami yang sedang beribadat di rumah-rumah ibadat mereka, jangan memotong pokok-pokok yang berbuah, jangan mengganggu mereka yang berniaga, mereka yang menjadi sasaran di dalam peperangan hanyalah mereka yang terlibat di dalam peperangan.

Inilah hak yang diberi oleh Islam kepada manusia dan termasuk mereka yang ditawan, tidak boleh diperlakukan orang yang ditawan dengan zalim, dengan kejam. Hendaklah diberi layanan yang sebaik-baiknya, diberi makanan yang cukup, jangan dihina. Ini adalah sebahagian daripada perkara yang diwajibkan oleh agama. Islam telah mendahului Bangsa-bangsa Bersatu dalam perkara tawanan perang.

Hatta mereka yang telah meninggal dunia, yang terbunuh di dalam peperangan, Islam tidak membenarkan kita mengelar mayat, menyungkil matanya, melakukan sesuatu dengan secara geram setelah dia meninggal dunia, mayatnya dibiarkan, jangan dicincang, jangan diperlakukan. Inilah perkara-perkara yang telah ditetapkan oleh Islam, termasuk ketika perang, kita boleh mengawal diri. Begitu juga Islam telah menegaskan hak asasi manusia di dalam bidang kehakiman. Mereka yang menjadi hakim, hendaklah diberi hak kebebasan

kehakiman, jangan diganggu hak kehakiman oleh mereka yang lebih atas, supaya hakim dapat mengendalikan keadilan dengan sebenar-benarnya. Orang yang dituduh tidak boleh dianggap bersalah, ianya baru dituduh tidak boleh dianggap bersalah lagi, maka Islam mengharamkan kita menghukum orang yang dituduh sebelum dijatuhkan hukuman.

Tuduhan yang dilakukan kepada seseorang yang berkait dengan maruah, harga diri. Islam telah menetapkan syarat-syarat yang ketat, tuduhan yang memalukan seseorang mestilah disabit dengan saksi yang adil, saksi yang beriman, yang mengetahui dosa dan pahala. Saksi yang tidak melakukan dosa besar dan tidak terus menerus melakukan dosa kecil, yang tidak melakukan perkara yang menjatuhkan maruah.

Dalam perkara zina dan liwat mestilah empat orang saksi kerana perkara ini sangat memalukan. Islam telah meletakkan undang-undang yang keras, seseorang yang melakukan khosab, yang menuduh orang tanpa mengadakan empat orang saksi dihukum dengan hukuman yang keras, dan tidak boleh diterima menjadi saksi di mahkamah [*Membaca sepotong ayat dalam Bahasa Arab*] yang bermaksud, “dan orang-orang yang menuduh orang lain dengan zina termasuk liwat kemudian mereka tidak boleh mengadakan empat orang saksi, maka orang yang dituduh itu hendaklah disebat sebanyak 80 kali sebat dan jangan kamu menerima mereka menjadi saksi selama-lamanya kerana mereka adalah orang-orang yang fasik”.

Orang-orang yang menuduh orang sewenang-wenang tidak layak menjadi saksi selepas itu. Begitu keras sekali undang-undang yang telah ditetapkan oleh Islam di dalam mempertahankan maruah manusia. Hatta di dalam menjatuhkan hukuman sebat sebagai contoh, tidak boleh mengoyakkan kulit, mengoyakkan daging, sebat yang untuk mendidik dan mengajar, dimalukan dengan cara yang bermaruah. Hendaklah memakai pakaian yang menutup aurat dan sebagainya.

Dalam kehakiman Islam telah membuktikan bukan sahaja terhadap orang-orang Islam, termasuk juga terhadap orang-orang yang bukan Islam. Peristiwa

yang berlaku di zaman Sayidina Umar Ibnu Al-Khattab r.a., apabila seorang yang bukan Islam di Mesir dipukul oleh anak Gabenor Mesir dan menghinakannya dengan menepuk dada “*aku anak Gabenor Mesir, kamu orang bukan Islam*”, lalu mangsa kezaliman itu mengadu kepada Sayidina Umar. Saidina Umar terus menulis surat kepada Gabenornya supaya datang ke Madinah membawa anaknya bersama. Apabila berhadapan dengan Sayidina Umar, Sayidina Umar terus menjatuhkan hukuman terhadap anak Gabenor yang telah melakukan kezaliman terhadap seorang yang bukan Islam. Sayidina Umar telah mengisytiharkan ucapan yang menjadi slogan kepada hak asasi manusia dengan mengatakan kepada Gabenornya [*Membaca sepotong ayat dalam Bahasa Arab*] yang bermaksud, “Wahai Amar, Wahai Gabenor, sejak bila kamu memperhambakan manusia, sesungguhnya manusia itu dilahirkan oleh ibu masing dalam keadaan bebas dan merdeka”.

Inilah hak asasi manusia yang telah dinyatakan oleh Islam dan Islam telah membuktikan kejayaan yang lebih hebat daripada Abraham Lincoln dalam masalah menghapuskan hamba abdi di Amerika Syarikat. Walaupun Abraham Lincoln membawa pendekatan yang begitu tegas dengan menguatkuasakan undang-undang dari segi lahiriah yang tidak berkait dengan dosa dan pahala kita melihat sendiri bagaimana orang Negro di Amerika. Sehingga hari ini bagaimana keadaan mereka, bagaimana diperlakukan kepada mereka. Amerika yang memperjuangkan hak asasi manusia di negaranya terletak pejabat Bangsa-bangsa Bersatu sehingga hari ini tidak dapat merealisasikan perisytiharaan hak asasi manusia dalam erti kata yang sebenarnya. Apabila Islam membenarkan penggunaan hamba abdi dengan sebab orang-orang Islam yang ditawan diabadikan juga, maka orang yang bukan Islam yang ditawan di dalam peperangan dijadikan hamba abdi sebagai tindak balas, tetapi dikenakan syarat-syarat yang ketat orang itu hendaklah dilayan seperti anak, diberi makan yang cukup, pakaian yang cukup, diberi tempat tidur yang baik, yang sebaik-baiknya ditetapkan oleh Islam. Kalau tidak menunaikan hak ini seseorang Islam itu berdosa dan Islam

telah menetapkan hukuman-hukuman dalam beberapa kesalahan supaya memerdekakan hamba abdi.

Persetubuhan dengan isteri di bulan Ramadhan hukumannya yang pertama, memerdekakan hamba abdi; membunuh orang dengan tidak sengaja, hukumannya yang pertama memerdekakan hamba abdi; bersumpah dan melanggar sumpah hukumannya yang pertama memerdekakan hamba abdi dan berbagai-bagai hukuman dan seseorang yang memerdekakan hamba abdi dinyatakan mendapat pahala yang besar. Berpunca daripada ini dalam masyarakat Islam tidak ada hamba abdi bahkan di dalam sejarah Islam orang yang bekas hamba abdi menjadi Ketua Negara.

Kerajaan Mamalek di Mesir dipimpin oleh bekas hamba abdi. Turki Osmaniah, orang-orang Turki asalnya adalah abdi yang memimpin Kerajaan Osmaniah setelah mereka dimerdekakan, mereka menjadi pemimpin negara, menjadi khalifah. Islam telah mendahului dalam kejayaan, mendahului masyarakat antarabangsa yang lain. Inilah perkara-perkara yang perlu difahami oleh kita bersama yang tidak harus dilupakan. Saya hanya memberi peringatan supaya di dalam kesungguhan kita untuk merealisasikan hak asasi manusia ini maka kita hendaklah mengambil Islam sebagai rujukan yang sangat penting.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Gelang Patah.

12.02 tgh.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999. Terlebih dahulu saya ingin menyatakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 yang sedang dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana bersetuju menubuhkan sebuah badan bebas yang diberi kuasa menyiasat pelanggaran hak asasi manusia di negara ini sama ada yang

membabitkan individu mahupun kumpulan. Keputusan ini bukan sahaja menunjukkan bahawa pihak kerajaan memandang serius tentang perlindungan hak asasi manusia di negara ini tetapi juga menunjukkan pihak kerajaan sentiasa bersedia diimbangi oleh badan-badan di luar kerajaan asalkan kesemuanya bertujuan mempertahankan kepentingan dan kebajikan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, demi membolehkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia menjalankan tugasnya dengan bebas dan lancar adalah perlu bagi kerajaan mengagihkan peruntukan yang secukupnya untuk pentadbiran suruhanjaya tersebut. Di samping itu, kakitangan yang secukupnya serta keperluan logistik lain juga harus dibekalkan kepada suruhanjaya tersebut. Saya percaya rakyat Malaysia tidak akan berpuas hati semata-mata kerana satu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia telah diwujudkan. Mereka ingin melihat suruhanjaya itu bertugas dan berfungsi dengan berkesan dan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini memberi kuasa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencadangkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan perlantikan Ahli-ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia untuk mengelakkan sebarang kemungkinan di mana ahli-ahli suruhanjaya tersebut cuba mendominasi operasi suruhanjaya itu. Saya mencadangkan agar peruntukan diwujudkan untuk mengehadkan jumlah tempoh perkhidmatan seseorang ahli itu supaya tidak boleh melebihi 4 tahun atau dua penggal. Ini bukan sahaja membantu memelihara status bebas suruhanjaya itu tetapi juga memberi peluang kepada lebih ramai individu yang berwibawa untuk turut serta dalam usaha mempertahankan hak asasi manusia di negara ini dan memberi peluang kepada lebih ramai individu untuk menjadi ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia secara bergilir-gilir juga akan membantu meningkatkan kesedaran tentang hak asasi manusia di kalangan pemimpin masyarakat dan seterusnya menjanjikan pembangunan negara yang lebih seimbang dan bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya suruhanjaya itu dapat memainkan peranan yang proaktif untuk mengkaji semua undang-undang di

peringkat kebangsaan, negeri mahupun kerajaan tempatan bagi mengenal pasti peruntukan-peruntukan yang tidak begitu serasi dengan komitmen kita menegakkan hak asasi manusia. Misalnya, suruhanjaya itu boleh mengkaji sama ada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan) 1975 benar-benar menghalang kebebasan mahasiswa untuk menyuarakan pandangan mereka seperti mana yang didakwa oleh ramai warga kampus. Jika dakwaan ini memang benar, apakah pindaan yang harus dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan pendekatan pihak kerajaan memberikan penekanan terhadap soal hak asasi manusia, masyarakat awam pada semua peringkat juga harus dididik untuk mengetahui apakah hak-hak asasi yang boleh dinikmati oleh mereka. Pengetahuan serta kesedaran orang ramai tentang hak-hak asasi manusia adalah penting untuk menjamin objektif penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dapat direalisasikan. Ini adalah kerana kadangkala undang-undang secara hitam putih menjamin hak atau kebebasan tertentu tetapi dari segi pelaksanaannya segelintir pegawai telah secara sedar ataupun tidak melakukan sesuatu yang menghalang hak atau kebebasan itu dinikmati oleh individu atau kumpulan sasarannya. Dalam soal ini mereka yang dinafikan hak atau kebebasan tertentu hanya dapat merujuk kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia jika dan hanya mereka mengetahui apakah hak mereka.

Oleh yang demikian, pendidikan tentang hak asasi manusia kepada orang ramai harus dilipatgandakan sama ada dengan memasukkan lebih banyak bahan yang berkaitan dalam sukatan pelajaran untuk para pelajar sekolah mahupun melalui kempen atau seminar untuk orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu sedar bahawa skop hal ehwal hak asasi manusia adalah cukup luas. Kadangkala untuk menentukan sama ada sesuatu isu itu membabitkan pelanggaran hak asasi manusia juga amat controversial. Sebagai contoh, Akta Pendidikan 1996 secara hitam putih menjanjikan kewujudan berterusan sekolah rendah jenis kebangsaan di negara ini. Bolehkah peruntukan akta itu ditafsirkan sebagai memberikan hak asasi manusia kepada seorang pelajar

keturunan Cina atau India untuk belajar di sekolah rendah jenis kebangsaan yang menggunakan bahasa ibundanya sebagai bahasa pengantar. Mereka penjaga pelajar itu mendakwa pihak kerajaan melanggar hak asasi manusia apabila kononnya prosedur kerajaan yang birokratik melambatkan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan yang secukupnya dibina untuk menampung permintaan yang banyak terutamanya di bandar-bandar besar.

Untuk satu contoh lagi, adakah syor Ahli Yang Berhormat dari parti PAS berkenaan dengan soal murtad melanggar hak asasi manusia? Kita dapat jangkakan bahawa banyak isu yang controversial akan dirujuk kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang bakal diwujudkan. Oleh yang demikian, perdebatan yang sengit serta pendapat yang bercanggahan daripada pihak-pihak tertentu mahupun daripada masyarakat umum tentu akan banyak kelihatan atau kedengaran. Walaupun perdebatan atau pertukaran pendapat ini akan dapat membantu kita semua memahami dengan lebih mendalam tentang sesuatu isu yang controversial tetapi janganlah kita memberikan tekanan yang berlebihan atau melemparkan tuduhan yang tidak berasas kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Chang See Ten: Tidak payah. Saya sedang habis peringkat yang hujung. Maaf.

Badan bebas seumpama ini diwujudkan buat kali yang pertamanya di negara ini demi kebajikan seluruh rakyat Malaysia. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk membantu perkembangannya dan bukanlah mengenakan tekanan atau pengaruh yang melampau sehingga operasinya terganggu. Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong akta ini.

Sekian, terima kasih.

Berapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ramai sangat yang hendak berucap. Jikalau ramai begini kita tidak boleh habiskan tugas kita. Bolehkah Yang Berhormat diminta hadkan ucapan masing-masing.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Dua puluh minit.

Tuan Yang di-Pertua: Dua puluh minit pun panjang itu kerana terlampau banyak sangat hendak berucap. Kalau boleh seorang 10 minit, kalau tidak saya tidak boleh membenarkan semua berucap kerana kita tidak ada masa. Selain daripada itu, apa yang saya dengar ialah ucapan butir-butirnya itu diulang-ulangkan. Bolehkah saya minta 10 minit seorang. Machang.

12.13 tgh.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucap tahniah dan syabas kepada Menteri Luar Negeri, kementerian dan kerajaan kerana dengan pembentangan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini telah mewujudkan satu sejarah dalam perkembangan hak dan kebebasan asasi di negara kita. Sesungguhnya, sebelum daripada ini kebebasan asasi di negara ini telah dijamin dengan tegas di bawah Perkara 2, Perlembagaan Negara, iaitu Artikel 5 hingga Artikel 13, tetapi kerana prihatin dengan perkembangan mutakhir yang berlaku bukan sahaja dalam negara kita tetapi tuntutan dunia sejangat, kerajaan bertindak lebih maju untuk memperkenalkan rang undang-undang ini dalam bentuk tulisan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyanjung tinggi teguran yang diberikan oleh Yang Berhormat dari Marang. Saya mendengar ucapannya dengan penuh teliti tetapi saya merasa kecewa di akhir ucapannya kerana nampaknya PAS tidak membuat sebarang pendirian sama ada menyokong atau menentang rang undang-undang ini. Sebenar dan sesungguhnya kalau kita melihat kepada persoalan kebebasan asasi (fundamental liberties) termaktub di bawah Perkara 2

Perlembagaan, Artikel 5 hingga Artikel 12, saya tidak terdapat sesuatu pun peruntukan di dalamnya yang telah bercanggah dengan Islam. Saya bersetuju bahawa Islamlah yang mula-mula menjamin hak kebebasan asasi, tetapi Islam juga meletakkan syarat bahawa kebebasan asasi tidaklah mutlak seperti mana yang dipersetujui oleh Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Beliau juga telah menerima hakikat bahawa tidak ada kebebasan mutlak yang harus dijamin oleh kerajaan kerana di sana terdapat hak dan kebebasan masyarakat yang perlu diambil kira secara bersama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Islam memang kebebasan bersuara diamalkan. Kebebasan bersuara dijamin di dalam Islam. Tetapi Islam meletakkan syarat dengan ketat bahawa bila kita menyuarakan hak kebebasan kita, kita tidak boleh mengumpat, kita tidak boleh mengatakan sesuatu yang tidak benar, kita tidak boleh berbohong, kita tidak boleh berjanji tetapi mungkir janji. Kita tidak boleh memaki hamun orang. Tetapi jika hak-hak ini dilanggar, malah Islam meletakkan ianya sebagai suatu dosa besar.

Seperti yang saya katakan saya mendengar ucapan Yang Berhormat dari Marang dengan penuh teliti, tetapi malangnya PAS tidak membuat pendirian yang tegas sama ada Perkara 5 hingga 12 terdapat di bawah Perlembagaan negara sebenarnya bercanggah dengan Islam atau tidak. Mereka juga gagal mengambil sikap yang tegas sama ada Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Kebebasan Asasi yang dibentangkan di hadapan kita ini bercanggah dengan Islam atau tidak. Saya mendengar ucapannya dengan penuh teliti, nampaknya teguran beliau itu adalah sesuai dan tidak bercanggah dengan akta yang sedang dibincangkan di hadapan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kebebasan asasi di Malaysia tidak boleh dilihat dari segi peruntukan undang-undang. Kebebasan asasi di negara ini mesti dilihat dari segi amalannya. Amalannya yang sedang berlaku. Walaupun pihak pembangkang selama menyata dan membuat tuduhan bahawa di Malaysia tidak ada kebebasan asasi, tidak ada kebebasan bersuara, tidak ada kebebasan berpersatuan, tidak ada

kebebasan akhbar, tidak ada kebebasan berpolitik dan tidak ada kebebasan beragama. Tetapi yang perlu diingat dan dilihat ialah dari segi amalannya.

Tuan Yang di-Pertua, memang kebebasan bersuara di negara ini dibendung. Dibendung melalui Akta Hasutan 1948 dan akta-akta lain, Akta Polis misalnya, tetapi pada masa yang sama, kita lihat ceramah-ceramah parti politik dari pembangkang, rautsan ceramah diadakan dengan intipati yang bukan sahaja membangkitkan soal perkauman, tetapi memaki hamun pemimpin kerajaan, tetapi tidak ada mereka ini ditangkap dan dibawa ke mahkamah.

Sebab itulah kita melihat dari segi amalan, jangan kita melihat dari segi peruntukan undang-undang, kebebasan berakhbar misalnya. Orang menuduh bahawa kerajaan tidak mengamalkan kebebasan berakhbar, pada masa yang sama, parti pembangkang khususnya PAS mengedarkan *Harakah* tanpa lesen sekali pun sampai hari ini tidak diambil tindakan sehingga intipati akhbar tersebut banyak yang mengandungi fitnah dan sudah dibawa ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, realitinya, walaupun terdapat peruntukan undang-undang yang membendung kebebasan asasi ini tetapi pada amalannya, nampaknya kerajaan banyak memberi kebebasan daripada menggunakan undang-undang untuk menekan kebebasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan-tuduhan yang diberikan oleh pembangkang cukup tidak berasas. Saya ingin menarik perhatian Ahli Dewan ini tentang peranan yang dimainkan oleh NGO. Ahli-ahli Parlimen dalam soal membahaskan rang undang-undang ini, kita telah menerima banyak memorandum daripada NGO yang kononnya untuk memainkan peranan mempertahankan kebebasan asasi.

Saya percaya kalaulah NGO di negara ini mengambil sikap untuk berkonfrantasi dengan kerajaan, ianya tidak akan membawa matlamat dan tidak akan membawa kebaikan kepada rakyat Malaysia. NGO sepatutnya memainkan peranan proaktif, berunding, berbicara, berbahas, berbincang secara langsung dengan kerajaan, kalaulah mereka sebenarnya memperjuangkan hak dan kebebasan asasi di negara ini. Dengan mengambil sikap untuk berkonfrantasi

dengan kerajaan dan khususnya dalam hal-hal tertentu, bersekongkol dengan parti pembangkang, ianya tidak akan membawa ke mana-mana.

Sepatutnya, tindakan yang harus dimainkan oleh NGO ini yang kononnya ialah bertujuan untuk mempertahankan kebebasan asasi, ialah tindakan proaktif seperti berunding, berbincang dengan orang yang berkuasa. Bukan berganding bahu dengan mereka yang hanya tahu mengkritik kerajaan tetapi pada masa yang sama, mereka apabila diberi kuasa tidak tahu untuk mempertahankan hak kebebasan asasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi saya pernah mendengar daripada ucapan dan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kadar kemiskinan di Kelantan ialah 99.3%, satu kadar kemiskinan yang tertinggi. Sebenarnya Kerajaan Negeri Kelantan selama ini telah menafikan hak asasi rakyat negeri Kelantan yang termaktub di bawah Perkara 8 Perlembagaan, iaitu semua orang berhak mendapat sama rata dalam negara ini.

Kalau rakyat negeri lain di Kuala Lumpur berhak untuk berkecimpung di dalam bidang ekonomi, mengapa rakyat negeri Kelantan dinafikan. Sebenarnya ialah kerana kegagalan Kerajaan Negeri Kelantan untuk mempertahankan hak asasi mereka ini di dalam menjalani kehidupan harian.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, kebebasan asasi di negara kita mesti dilihat dalam konteks amalan, bukan dari konteks peruntukan undang-undang. Jarang sekali kerajaan menggunakan peruntukan undang-undang untuk membendung kebebasan asasi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang didakwa oleh parti pembangkang khususnya daripada DAP bahawa tahanan ISA misalnya tidak mempunyai judicial review dan tidak mempunyai pengiktirafan kehakiman ataupun kajian semula kehakiman adalah tidak tepat.

Perlembagaan Negara kita sendiri telah memperuntukkan dengan jelas, bahawa Artikel 5 Perkara 2 Perlembagaan, bahawa tidak ada tahanan sewenang-

wenang boleh dilakukan dan jika aduan dibuat kepada Mahkamah Tinggi, maka keseluruhan tahanan itu mesti tertakluk kepada satu judicial review.

Sebenarnya, walaupun ISA dikritik dengan hebat oleh parti pembangkang, ISA juga menjamin kebebasan untuk mengadakan judicial review ataupun kajian semula kehakiman. Tidak ada satu pun tahanan di negara kita yang terlepas daripada tahanan ataupun untuk kajian semula di bawah kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata lain, ada suatu check and balance yang cukup jelas bahawa jika berlaku penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa oleh kerajaan terdapat suatu check and balance yang jelas bahawa rakyat yang tertindas atau rakyat yang tidak berpuas hati boleh memajukan permohonan ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, bahawa kita telah menerima banyak memorandum daripada NGO yang dihantar kepada Ahli-ahli Parlimen, misalannya satu tuduhan yang amat berat ataupun yang disuarakan oleh NGO ini ialah membentangkan rang undang-undang ini tidak ada - lack of consultation, ataupun tidak ada rundingan terlebih dahulu.

Sebenarnya, memorandum yang dihantar oleh NGO ini, bukan sahaja kepada Ahli Parlimen, saya percaya kepada Yang Berhormat Menteri, kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kepada seluruh agensi kerajaan dan saya cukup yakin bahawa dalam merangka dan merancang untuk melaksanakan rang undang-undang ini, semua pandangan daripada NGO ini telah diambil kira oleh Yang Berhormat Menteri dan pihak yang berwajib khususnya pihak kerajaan.

Saya percaya beberapa perkara dan pandangan yang telah dilahirkan oleh pihak-pihak tertentu yang mewakili pelbagai organisasi ini walaupun rundingan secara langsung tidak diadakan, tetapi pandangan-pandangan ini sudah diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada memorandum ini mempersoalkan tentang kebebasan perlantikan ahli-ahli Jawatankuasa Suruhanjaya Hak Asasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, kalau kita melihat di negara-negara luar sekali pun, khususnya Britain, saya ambil contoh, misalannya dalam soal kehakiman di Britain, dilantik oleh Lord Chancellor. Lord Chancellor ialah ahli Kabinet, tidak ada satu pun menunjukkan bahawa kebebasan kehakiman di Britain itu dipersoalkan oleh rakyat Britain.

Begitulah juga dengan perlantikan ahli-ahli hak asasi ataupun Suruhanjaya Hak Asasi yang terdapat di dalam rang undang-undang yang sedang dibentangkan ini. Seperti yang saya katakan tadi dan dipersetujui oleh Yang Berhormat dari Tanjong, bahawa kebebasan di negara ini tidak boleh dianggap kebebasan mutlak. Mereka sebenarnya telah bersetuju bahawa kebebasan mutlak tidak wujud dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sedikit sahaja Yang Berhormat ya.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tertarik hati dengan pendapat Ahli Yang Berhormat tadi, pendapat tentang bahawa pembangkang sendiri bersetuju tidak ada kebebasan yang mutlak, kemudian pada masa yang sama beberapa akta yang disebut sebagai menyekat telah dikemukakan sebagai akta yang menyekat kebebasan.

Jadi, saya ingin penjelasan, kalau sudah bersetuju kebebasan mutlak itu tidak ada, kenapa pula kita pertikaikan tentang akta-akta yang menyekat kebebasan, pada hal akta-akta ini sebenarnya hanyalah merupakan regulatory akta-akta yang mengawal kebebasan itu, misalnya disebut sebagai ISA, Printing, Presses and Publication Act di mana Printing, Presses and Publication Act bertujuan untuk menyekat kita daripada membuat berita palsu dan lain-lain lagi sebenarnya itu adalah sekatan-sekatan untuk mengawal kebebasan itu dan pada masa yang sama pembangkang bersetuju tidak ada kebebasan yang mutlak.

Jadi, macam mana percanggahan pendapat ini?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya melihat sama ada DAP atau PAS, kedua-duanya bercanggah dan berlainan pendapat. Pada

satu peringkat, saya mendengar Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan bahawa apa yang dituntut oleh pihak pembangkang, bukan kebebasan mutlak, maknanya dia sudah menyetujui bahawa wujudnya peraturan-peraturan dan undang-undang yang mengawal kebebasan asasi ini adalah perlu pada satu masa, dia mengakui perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Marang pula mengakui bahawa kebebasan asasi ini dijamin oleh Islam tetapi di akhir ucapannya, tidak ada apa pun pernyataan yang dibuat sama ada menyokong atau menentang. Kalaupun yang dituntut oleh pihak pembangkang tidak secara mutlak, bukan kebebasan secara mutlak, bermakna mereka mengakui bahawa kewujudan undang-undang ini adalah perlu untuk mengawal suasana dalam negara kita.

Tetapi nampaknya, inilah yang ditentang secara habis-habisan oleh pihak pembangkang. Seperti yang saya katakan tadi, kita mesti melihat kepada amalan, bukan kepada peruntukan undang-undang ini. Kita boleh ada peruntukan ataupun jika tidak ada peruntukan pun, kalau kerajaan bertindak tegas, sebuah kerajaan yang autokratik, sebuah kerajaan yang ganas walaupun tanpa undang-undang, ianya boleh dilakukan, kita sudah tahu. Tetapi peruntukan jika ada dalam konteks Malaysia tidak pernah diguna untuk mengekang mana-mana pihak.

Saya hendak sebut satu contoh kebebasan bersuara, walaupun ada peruntukan undang-undang yang menyatakan dengan jelas bahawa hendak berceramah mesti mendapat permit polis, tidak boleh membangkitkan Akta Hasutan, tidak boleh memfitnah orang tetapi ratusan, malah ribuan ceramah yang dibuat oleh parti pembangkang di seluruh negara tidak ada satu pun tindakan polis diambil setakat ini. Walaupun orangnya puluhan ribu, walaupun orangnya pecah syarat, walaupun parti berkenaan pecah syarat, tidak ada apa-apa diambil tindakan, walaupun ada Akta Printing, Presses and Publication, walaupun ada Akta Hasutan, lihat apa yang berlaku kepada *Harakah*. *Harakah* tidak ada lesen, tanpa permit tetapi pada hari ini masih dijual bebas, walaupun desakkan dibuat oleh pihak

penyokong kerajaan supaya mengambil tindakan, sampai hari ini *Harakah* malah bebas dijual di mana-mana tempat. Apa lagi yang pihak pembangkang

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Bintulu.

12.25 tgh.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, salah satu hak terpenting golongan rakyat peribumi Sarawak, the Native of Sarawak ialah hak mereka ke atas tanah tumpah darah mereka yang dituntut di bawah adat mereka.

Selama beratus-ratus tahun, kaum peribumi Sarawak telah mendiami di bumi Kenyalang sejajar dengan adat tradisi yang diwarisi sehinggalah akhir-akhir ini setengah pihak mempersoalkan bahan undang-undang dan tradisi tidaklah sebaik mana. Tetapi pada realiti setengah syarikat gergasi mencero boh tanah mereka untuk menebang kayu dan menanam kelapa sawit, semuanya atas nama pembangunan.

Hari ini hutan hampir-hampir ditebang kesesemuanya dan kita tahu bagaimana lumayan perniagaan ini tetapi berapa ramai kaum peribumi Sarawak yang menjadi kaya raya kerana menebang balak. Kayu yang ditebang dari hutan mereka di mana mereka biasa memburu dan hidup sekarang syarikat-syarikat ini merampas tanah Native Customery Right (NCR) yang kaum peribumi tuntutan menurut adat.

Selama ini kaum peribumi Sarawak telah menggesa kerajaan mengakui dan mengisytiharkan tanah NCR mereka yang dituntut di bawah adat kerana mereka menyedari bahawa kerajaan dan syarikat-syarikat mengambil kesempatan dengan tidak memberi hak milik tanah kepada mereka. Kaum peribumi Sarawak akan kehilangan tanah mereka sama seperti kaum Red Indians yang hilang tanah air mereka kepada orang Kulit Putih Amerika.

Walau bagaimanapun, adalah penting bahawa hak pemilikan tanah NCR diiktiraf dan kawasan diisytihar hak kepunyaan kaum peribumi. Apabila saya bercakap mengenai kaum peribumi Sarawak, saya tidak bercakap mengenai kaum minoriti sekumpulan penduduk tetapi mengenai lebih separuh rakyat Sarawak.

Kita perlu mengakui hak membuat keputusan dan keazaman kaum peribumi juga, the right to self determination, di mana mereka boleh memutus dan memilih untuk diri mereka bagaimana hendak berbuat dengan tanah mereka, tanaman yang mereka hendak tanam, gaya hidup yang mereka hendak jalani. Kita perlu mempercayai bahawa jika mereka tahu bagaimana hendak hidup 100 tahun, mereka pasti bertambah bijak bagaimana hendak hidup beberapa tahun akan datang. Oleh kerana semakin ramai anak mereka pergi ke sekolah dan berpelajaran tinggi tetapi dengan syarat mereka mesti memilih tanah mereka.

Pada hari ini kerajaan dan syarikat-syarikat hendak mengambil tanah mereka dan hendak kaum peribumi bekerja dalam ladang sebagai pekerja ladang. Jika dinafikan hak pemilikan tanah NCR, lambat laun kaum peribumi akan berdepan dengan kehilangan identiti mereka.

Selain dari itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mesti menghormati hak untuk mendapatkan maklumat dengan mudah, sebagai contoh banyak laporan EIA mengenai projek-projek yang berbeza tidak mudah diperolehi dan access kepada maklumat lain sangat sukar dan boleh dikelaskan di bawah OSA.

Kerap kali juga rakyat melahirkan pandangan di mana kempen tandatangan besar-besaran dan pendapat-pendapat yang dilahirkan mengenai langkah-langkah tertentu terhadap rakyat. Kerajaan mesti menghormati hak mereka, sebagai contoh sesetengah projek seperti loji aluminium memang ternyata rakyat menyuarakan pandangan dan bantahan tetapi kerajaan masih ingin meneruskan usaha untuk melaksanakan projek meskipun bertentangan dengan hasrat rakyat. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Lanang.

12.31 tgh.

Tuan Tiong Thai King [Lanang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk membahaskan dan mengemukakan pandangan saya berkenaan penubuhan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999.

Terlebih dahulu saya ingin menyatakan sokongan padu saya terhadap akta ini. Tuan Yang di-Pertua, kita dilahirkan di bumi yang bertuah ini mempunyai hak asasi untuk terus hidup agar kita harus sedaya-upaya menjaga mengekalkan serta menghormati hak asasi manusia. Kalau tidak apakah perbezaan antara manusia dan haiwan-haiwan lain.

Tuan Yang di-Pertua, antara hak asasi bagi manusia ialah memiliki ruang untuk hidup, hak bersuara, hak mengembangkan bakat, hak membuat pilihan untuk menjalani latihan untuk menjadi golongan profesional, berhak mempunyai semangat keusahawaan, hak menjaga keselamatan diri sendiri dan lebih-lebih lagi hak untuk membangunkan dan membina negara yang tercinta dengan mengemukakan pandangan dan kritikan yang membina.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya hak asasi manusia tidak dapat dipisahkan daripada isu kebebasan dan demokratik. Negara-negara Barat paling suka menuntut negara-negara membangun secara menyeluruh bahawa negara-negara membangun tidak menghormati hak asasi manusia, kebebasan atau demokrasi dan negara-negara sedang membangun sering ditindas jika tidak mengikut garis panduan yang dilabelkan oleh negara-negara Barat.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan bahawa negara-negara Barat mengalami kepesatan dalam bidang pendidikan, bidang sains dan teknologi dan kepesatan telekomunikasi maklumat. Hak asasi manusia yang diamalkan oleh mereka adalah hasil daripada pembangunan dan perubahan-perubahan yang telah melalui suatu tempoh yang panjang.

Namun demikian, daripada laporan media massa seperti surat khabar, majalah dan televisyen kita ketahui bahawa hak asasi manusia mereka, keadilan, kebebasan dan demokratik mereka telah pun meninggalkan kesan-kesan buruk

terhadap kestabilan sosial, perkembangan sahsiah, keselamatan individu dan keruntuhan moral dalam masyarakat mereka sendiri secara langsung ataupun secara tidak langsung.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan fakta-fakta ini, kita sebagai rakyat Malaysia tidak boleh menjadi 'pak turut' dalam sistem mereka. Kita perlu meletakkan satu dasar yang dapat memenuhi keperluan negara, memanfaatkan negara yang berbilang kaum, budaya dan agama serta dapat menyumbang kepada kemajuan, kemakmuran dan kestabilan negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua , hak asasi manusia, kebebasan dan demokrasi memang mustahak tetapi jika krisis kewangan dalam keadaan huru-hara dan keselamatan rakyat tidak terjamin, hak asasi manusia kebebasan dan demokratik tidak akan dihormati dititikberatkan dan tidak dapat dipertahankan oleh kerajaan. Maka saya menyokong hak asasi manusia yang dapat menjamin kestabilan sosial, perkembangan ekonomi, kebudayaan dan agama pelbagai kaum serta dapat menyatupadukan semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus sentiasa berhati-hati dan mengelakkan tipu muslihat sesetengah ahli politik yang bersikap 'ada udang di sebalik batu'. Mereka sengaja menggunakan isu hak asasi manusia, kebebasan dan demokratik untuk memusnahkan kesejahteraan negara dan perpaduan bangsa untuk mencapai niat jahat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita dilantik oleh rakyat sendiri setiap lima tahun. Maka kerajaan tidak boleh menggunakan isu ini untuk menindas cadangan yang membina dan baik daripada rakyat. Begitu juga dengan rakyat tidak boleh menggunakan isu yang sama untuk mengguling dan menggugat pemerintahan sehingga negara terlibat dalam keadaan huru-hara.

Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara sedang membangun ataupun negara-negara miskin, orang Barat selalu memperalatkan hak asasi manusia, kebebasan dan demokratik untuk menggulingkan kerajaan. Mereka suka menggunakan isu

ini sebagai alat untuk merampas bahan-bahan mentah di negara-negara sedang membangun.

Tuan Yang di-Pertua, kepesatan dalam bidang pendidikan, ekonomi, diplomasi dan sebagainya yang kita kecapai selama ini sudah menimbulkan perasaan cemburu di kalangan sesetengah kuasa besar. Maka mereka bersubahat dengan segelintir rakyat yang sanggup mengkhianati negara sendiri untuk menghuru-harakan keadaan. Mereka juga ingin campur tangan dalam dasar dalaman negara kita. Tuan Yang di-Pertua, rakyat dari semua lapisan harus berwaspada dan menghalang niat jahat segelintir orang yang sanggup menggadaikan maruah bangsa dan negara sendiri. Tuan Yang di-Pertua, kita benar-benar berharap agar penubuhan Suruhanjaya nanti dapat mendukung tanggungjawab mendidik rakyat dan mengekalkan kesedaran rakyat terhadap hak asasi manusia, kebebasan dan demokratik yang sebenar. Suruhanjaya tersebut juga diharapkan dapat memelihara Perlembagaan Persekutuan agar dapat memberikan hak asasi manusia, kebebasan dan demokratik dan pastikan ia tidak disalahgunakan atau dicerobohi.

Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua : Sepang.

12.52 tgh.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa rakyat di negara ini adalah dijamin hak asasi mereka seperti mana yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan di Bahagian 2 dari Artikel 5 hingga Artikel 13. Di antaranya adalah kebebasan untuk bersuara, berkumpul secara aman dan juga menubuhkan persatuan. Perkara ini ditambah lagi dengan kebebasan mempraktikkan agama masing-masing selagi ia tidak menjejaskan keselamatan awam, kesihatan awam dan moraliti.

Setiap rakyat Malaysia juga diberi hak mengenai pendidikan dan hak melindungi harta mereka. Dalam hal ini sebenarnya Malaysia telah lama memperjuangkan hak asasi manusia semenjak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan usaha-usaha kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan ini dapat memainkan peranan seperti Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia dan juga seperti Badan Pencegah Rasuah sebagai badan yang benar-benar bebas adalah amat dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, peranan Suruhanjaya ini diharapkan akan dapat mengawasi penyalahgunaan kuasa dan membantu kerajaan dalam memantau isu hak asasi manusia. Perkara ini harus disokong oleh semua pihak termasuk pihak pembangkang untuk merealisasikan hasrat kerajaan, melindungi dan mempertingkatkan hak asasi manusia kepada setiap rakyat di negara ini. Saya juga menyokong supaya Suruhanjaya ini adalah bebas daripada pengaruh mana-mana pihak ataupun individu-individu yang berkepentingan dengan memastikan perlantikan ahli-ahlinya berdasarkan kelayakan dan sumbangannya kepada masyarakat dan negara. Diharapkan juga dengan penubuhan Suruhanjaya ini bukanlah bertujuan untuk memperkecilkan sumbangan dan integrity pasukan polis ataupun badan kehakiman, malah penubuhan ini lebih berlandaskan kepada kejujuran kerajaan, meningkatkan perlindungan hak asasi di negara ini.

Saya telah difahamkan juga bahawa gabungan NGO hak asasi manusia telah menghantar satu memorandum kepada pihak kerajaan. Di antaranya perkara utama yang dibangkitkan adalah bahawa kerajaan dalam penubuhan Suruhanjaya ini telah tidak melibatkan masyarakat dalam perbincangan awam. Saya ingin menegaskan bahawa kita di Dewan yang mulia ini adalah sebahagian dari masyarakat malah wakil masyarakat yang dipilih oleh rakyat dan perbincangan kita pada hari ini sebenarnya adalah melibatkan masyarakat dalam perbincangan awam. Kalau badan-badan NGO ini tidak menggunakan saluran wakil-wakil rakyat baik dari pihak kerajaan dan pembangkang, maka mereka sendiri yang harus disalahkan kerana tidak faham dengan saluran-saluran hak yang

diperuntukkan untuk mereka mengikut Perlembagaan negara. Kita mempunyai kerangka untuk membincangkan segala perkara maka seharusnya ia digunakan dengan teratur, bukan seperti anjing menyalak bukit. Kerajaan telah memberikan masa yang cukup kepada semua pihak di negara ini untuk membincangkan isu-isu yang bersangkutan dengan bil ini. Maka tidak ada alasan munasabah untuk dibincangkan di peringkat akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk melibatkan kesemua badanmasyarakat di Malaysia hanya akan melambatkan lagi proses penubuhan Suruhanjaya ini. Sudah tentu pihak pembangkang akan sentiasa mensensasikan isu kerajaan melambat-lambatkan penubuhan Suruhanjaya ini. Tambahan pula untuk melibatkan semua pihak yang berminat dengan hak asasi manusia ini adalah sesuatu yang mustahil untuk dilakukan. Kita percaya hanya pihak-pihak yang berkementingan sahaja yang benar-benar mengambil berat perihal bil ini supaya kedudukan dan kepentingan mereka tidak terjejas dan terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia belum terlambat dalam perkara penubuhan Suruhanjaya ini. Lagipun rekod hak asasi manusia di negara ini adalah jauh lebih baik dari negara-negara jiran. Undang-undang Malaysia seperti ISA, OSA, Akta Polis, Akta Hasutan, Akta Pencetakan dan Penerbitan contohnya adalah untuk kepentingan awam dan keselamatan negara. Pihak-pihak tertentu diingatkan agar mengelakkan dari menyalahgunakan Suruhanjaya untuk menyelar ataupun mempersoalkan akta-akta ini sebab saluran sedia ada seperti Dewan yang mulia ini boleh mencadangkan penggubalan akta-akta tersebut. Kaedah ini adalah lebih bertepatan dengan konsep demokrasi berparlimen. Ketelusan penubuhan Suruhanjaya ini janganlah dicemari dengan unsur-unsur yang tidak demokratik sebab akhirnya rakyat yang akan rugi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perlantikan anggota Suruhanjaya adalah disyorkan supaya sebilangan besar anggota Suruhanjaya ini diwakili oleh tokoh-tokoh wanita yang berkelayakan dan banyak berjasa dan banyak menyumbang kepada rakyat.

Ini memandangkan dua faktor yang penting. Yang pertama, memandangkan jumlah kaum wanita yang hampir sama banyak dengan kaum lelaki di negara ini yang sudah pasti memerlukan ramai perwakilan yang dapat memahami perasaan dan masalah mereka. Kedua, banyak isu yang berhubung-kait dengan hak-hak wanita di negara ini yang boleh diperbaiki dan mendapat pembelaan dan pertimbangan yang sewajarnya. Isu-isu ini adalah realiti dan bukan fantasi yang seharusnya mendapat perhatian pihak-pihak tertentu. Perkara seperti ini sudah lama terpendam dan kita bersyukur kehadiran Allah s.w.t dan berterima kasih kepada kerajaan kerana telah berani dan jujur menubuhkan badan Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia ini yang sudah tentu dapat mempertingkatkan pembelaan nasib rakyat yang lebih seimbang di hari-hari mendatang.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia sememangnya dialu-alukan dan diharapkan juga dapat membantu dan menyokong beberapa isu yang bersangkutan-paut dengan wanita. Akta ini juga diharap dapat membuka ruang yang lebih luas kepada wanita untuk mengemukakan apa juga rasa tidak puas hati bagi disemak dan dikaji oleh suruhanjaya.

Pertama, dalam soal pembayaran pencen. Dalam hal bayaran pencen, kaum wanita sekarang kita dapati ada elemen diskriminasi. Jika didapati seorang wanita yang kematian suaminya akan hilang entitlement, dengan izin, atau perolehan pencennya sekiranya dia berkahwin semula. Ini berbeza pula sekiranya penerima pencen ini seorang lelaki yang kematian isteri dan berkahwin semula, kita akui bahawa seorang yang kematian suaminya dan mempunyai anak juga memerlukan wang untuk menanggung anaknya. Soal suami baru menyara hidup perempuan ini tidak sepatutnya menjadi alasan yang dapat membatalkan haknya untuk terus menerima pencen untuk membezakan anak-anak lain daripada perkongsian hidup daripada suami yang pertama.

Kita semua percaya soal jodoh dan maut adalah di tangan Allah s.w.t. Oleh itu jika seorang perempuan penerima pencen suami berkahwin semula, tidakkah ini dianggap sebagai menyekat hak wanita tersebut untuk terus hidup berpasangan dan mengurangkan bebanannya untuk membesarkan anak-anak dan hidup berbahagia semula. Begitu juga wujudnya elemen diskriminasi, Tuan Yang di-Pertua, kita juga dapati dalam perkara kenaikan pangkat, kakitangan awam wanita, mereka diberi rating yang berat sebelah atas alasan mereka kerap cuti bersalin dan prestasi terjejas apabila mengandung. Bukankah kerap bersalin ini adalah dalam usaha kaum wanita untuk mencapai target 70 juta penduduk yang begitu jauh untuk dikejar.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita harus memahami dan menilai mengikut kes-kes yang tertentu sekiranya kehamilan membuat prestasi kerja seseorang menurun maka saya rasa ini bukanlah kehendaknya. Perubahan yang berlaku dalam badannya telah menjadikan dia kurang bertenaga dan sebagainya. Kita semua terima bahawa kaum wanita sahaja yang dijadikan Allah untuk hamil dan melahirkan anak. Kalau kaum lelaki juga dijadikan sedemikian rupa, maka saya pasti ada pasangan yang akan bergilir-gilir melahirkan anak atau sisuami diberi tugas untuk melahirkan anak kerana mereka gender yang lebih kuat dan bertenaga. Oleh itu, dalam hal ini kaum wanita mengesyorkan agar cara penilaian yang lebih objektif diguna pakai untuk memastikan pekerja-pekerja wanita diberi pengiktirafan yang seimbang. Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Serdang.

12.50 tgh.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap syabas kepada kerajaan kerana telah memakan masa selama tiga tahun untuk mengubah atau mengkaji untuk menubuhkan Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia. Tuan Yang di-Pertua, dalam tiga tahun ini Kementerian Luar Negeri telah mengkaji atau mengumpulkan maklumat-maklumat mengenai suruhanjaya

di negara yang lain untuk membandingkan cara mana untuk menubuhkan Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan begitu serius, begitu teliti untuk mengkaji dan menubuhkan Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia ini. Ini satu perkara yang tidak dapat dinafikan. Walaupun tiga tahun yang lalu, tapi masih belum dapat untuk mewujudkan hak asasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, hak asasi manusia ini telah hangat dibincangkan oleh masyarakat tempatan terutama daripada pihak pembangkang tetapi saya rasa saya hendak memberi sedikit nasihat kepada pihak pengkritik terhadap akta ini. Saya menasihatkan mereka supaya meneliti fasal-fasal yang tertentu yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri di Dewan ini seperti Fasal 4(1) telah memberi kuasa kepada suruhanjaya bagaimana untuk menjalankan tugasnya seperti Perkara 1 memupuk kesedaran dan memberi pendidikan berhubung dengan isu-isu hak asasi manusia. Menasihatkan dan membantu kerajaan dalam merumuskan perundangan. Beberapa peruntukan telah disediakan untuk memberi saluran kepada masyarakat tempatan pada masa akan datang. Ada ruangan dan juga saluran.

Begitu juga Fasal 22, untuk memberi peruntukan kuasa kepada menteri untuk membuat peraturan-peraturan pada masa akan datang. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri semasa membentangkan, mengatakan, anggota suruhanjaya akan diberi kuasa melawat tempat tahanan. Jadi, ertinya, rang undang-undang yang telah diubah, dikaji memberi saluran kepada pengkritik-pengkritik pada masa akan datang supaya terdapat satu ruangan untuk memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa akta telah diluluskan oleh Parlimen ini, mungkin sebelum saya belum menjadi wakil rakyat Parlimen, beberapa akta telah diperuntukkan walaupun mendapat kritikan yang begitu serius pada ketika ini. Tapi oleh kerana saya rasa akta-akta atau rang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen ini semata-mata ialah hasrat kerajaan untuk memberi jaminan

kepada rakyat negara kita yang berbilang bangsa sebab dalam satu keadaan yang begitu baik jangan jadikan masyarakat yang berbilang bangsa ini huru-hara, perpecahan. Jadi, tujuan kerajaan memang murni untuk menjaga kepentingan rakyat di negara kita ini. Jadi, saya menganggap bahawa kritikan beberapa akta yang diluluskan di Parlimen ini oleh sebahagian pengkritik mengatakan ini tidak selaras dengan hak asasi manusia. Saya bagi contoh, katakan Akta Orang Asli. Akta Orang Asli telah dijamin dan diberi kuasa kepada Jabatan Orang Asli untuk memberi jaminan bagaimana untuk memelihara hak asasi Orang Asli.

Saya mungkin mengaku bahawa beberapa persoalan masih belum sempurna lagi, masih belum mendapat tindakan yang belum tepat lagi. Jadi, ini adalah satu saluran untuk memberi nasihat kepada kerajaan, pentadbir-pentadbir untuk menguruskan hal-ehwal Orang Asli supaya mempertingkatkan lagi, untuk melaksanakan program-program untuk menjamin hak asasi Orang Asli dengan lebih sempurna lagi. Tapi saya katakan, akta-akta yang diluluskan oleh Parlimen ini bukan 100% sempurna. Masih terdapat kekurangan, masih terdapat kelemahan, maka kita memberi satu peraturan supaya memberilah seperti Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia untuk membetulkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa juga sebarang akta yang diluluskan oleh Parlimen ini, kerajaan mesti sentiasa menimbangkan betapa pentingnya untuk menjamin kesejahteraan dan perpaduan rakyat negara kita ini. Hasrat ini penting sebagai negara yang berbilang bangsa, pelbagai bahasa, pelbagai agama. Kalau seseorang pengkritik sentiasa menggunakan akta ini mengatakan akta ini tidak selaras dengan hak asasi manusia, mungkin dari sudut individual atau dari sudut politik, kepentingan politik mereka, kita mesti mendapat satu jaminan keseluruhannya. Kalau kita sentiasa untuk mengheboh-heboh mengatakan Amerika Syarikat begitu baik, untuk melaksanakan hak asasi begitu luas sebagai satu kuasa besar yang begitu baik untuk melaksanakan hak asasi itu.

Tapi, saya rasa ini tidak selaras atau tidak boleh dibandingkan di negara kita kerana negara kita adalah berbeza. Berbeza dari segi politik, berbeza agama,

bahasa, maka kita mesti sentiasa berwaspada. Kita tidak boleh sentiasa mencontohi Amerika Syarikat atau Eropah walaupun mereka telah menjalankan dasar hak asasi manusia sebegitu lama tetapi mereka masih dikritik oleh sesetengah negara termasuk Malaysia kerana akta-akta yang diluluskan, yang dilaksanakan oleh para pemimpin Barat masih dianggap double standard, masih ada kelemahan, bagaimana kita boleh sentiasa mencontohi negara-negara asing untuk dibandingkan dengan negara kita. Saya katakan seperti ISA, banyak kritik diadakan. Saya juga sebagai tahanan ISA tetapi saya tidak rasa apa-apa kerana ini kepentingan negara untuk menjamin keamanan.

Kalau kita tidak ada kawalan langsung, huru-hara negara akan berlaku. Kita tidak mahu jadikan negara yang berbilang bangsa berpecah. Maka, saya sentiasa ingat sebab ini penting untuk mewujudkan satu Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia yang sesuai dengan keadaan di Malaysia. Kita mesti sentiasa memberi satu ingatan, jangan putarbelitkan. Mungkin parti pemerintah Barisan Nasional memberi banyak dasar-dasar dengan parti pembangkang. Tetapi, bukan semua akta yang dibentangkan oleh kerajaan di Parlimen ini tidak baik. Kita mengakui memang ada ruangan untuk memperbetulkan kelemahan atau kekurangan itu, kita ada satu pembentangan.

Kalau parti pembangkang ada pengkritik-pengkritik sentiasa membentangkan melalui peraturan-peraturan yang tertentu supaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dapat dibentuk dan tambahkan di mana memberi kuasa kepada menteri. Yang Berhormat Menteri mesti mendengar, menteri mesti sentiasa ingat sebab sebagai menteri Malaysia bukan individu, bukan ahli UMNO sahaja tanpa menjamin bukan hak asasi orang Melayu dan juga hak masyarakat Cina, masyarakat India, masyarakat Kadazan, rakyat Malaysia. Ini adalah tanggungjawab kerajaan, ini sebagai tanggungjawab kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Saya tidak menafikan bahawa masih ada kelemahan, kekurangan lagi supaya kita dapat memperbetulkan terhadap pengkritik-pengkritik, jangan dari

segi politik, jangan dari segi individu dan jangan sentuh agama dan mesti membuka hati untuk menjamin negara kita menjadi negara yang makmur, kebebasan dan dapat dihormati oleh negara lain dan maruah negara kita terjamin.

Jadi, saya berharap undang-undang ini yang mana ada ruangan untuk pada masa yang akan datang dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Sepang perlantikan anggota ini. Saya tidak syak lagi, yakin dan percaya kerajaan akan melantik anggota-anggota daripada lapisan rakyat yang boleh memberi sumbangan untuk menjamin peraturan-peraturan ini supaya dapat menjalankan tugas pada masa yang akan datang. Dan saya juga berharap, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang berjaya dibentangkan di Dewan ini walaupun nampak sedikit tetapi masih tepat pada masanya. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Tumpat.

12.58 tgh.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan untuk ikut berbahas Akta Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia 1999. Pada tahun 1948, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah mengisytiharkan akan piagam hak asasi manusia yang mengandungi 30 fasal di mana pengisytiharkan itu telah menyentuh soalan kebebasan individu, larangan menjadi manusia sebagai hamba abdi, meningkatkan martabat manusia dan undang-undang. Larangan menyeksa manusia adalah memenuhi keperluan asas manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Islam amat menitikberatkan hak asasi manusia kerana manusia adalah khalifah Allah dan hamba Allah untuk menjalankan perkara-perkara yang baik dan membanteraskan perkara-perkara yang tidak baik dan kezaliman dan menegakkan keadilan kerana Islam diturunkan bagi memberi rahmat bagi sekalian alam. Allah telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian, Allah memuliakan anak Adam, mereka diberikan rezeki. Islam telah menggariskan beberapa prinsip asas hak asasi manusia iaitu hak untuk hidup, hak untuk memperolehi harta, hak untuk mempertahankan kehormatan, hak untuk

tidak diganggu, hak kebebasan, hak keadilan, hak untuk memenuhi keperluan asas dan hak persamaan.

Tuan Yang di-Pertua, 50 tahun dahulu telah digubalkan satu deklarasi hak asasi manusia di mana Deklarasi Paris, kemudian dipertegaskan di dalam deklarasi tersebut, di dalam satu persidangan yang diadakan di Geneva pada tahun 1978. Di antara resolusi yang telah dicatat bahawa meminta setiap negara hendaklah menubuhkan satu organisasi hak asasi manusia tetapi sayangnya negara kita baru sekarang mahu dibentuk setelah mendapat kritikan hebat daripada luar negara. Barangkali jika tidak mendapat kritikan yang begitu hebat kemungkinan sehingga sekarang pun akta ini belum lagi dibentangkan di dalam Dewan ini sebagaimana yang dibentangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila sambung petang.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mula-mula saya ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memenangi dalam pertandingan Ketua Pemuda MCA pada dua hari yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, resolusi kedua menyebut perjalanan undang-undang bagi sesuatu negara hendaklah memenuhi piawaian hak asasi manusia sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam persidangan yang sebelumnya. Bagi sesetengah negara hak asasi manusia dijadikan satu subjek di sekolah bagi memberi kefahaman kepada para pelajar dan juga belia yang dinamakan subjek 'hak asasi manusia'. Di negara Thailand para

pegawai kerajaan diberi pendidikan khusus mengenai hak asasi manusia, ia merupakan salah satu syarat kepegawaian di sana. Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 bertujuan untuk membentuk sebuah badan yang dipanggil Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999.

Nama badan ini sememangnya besar ataupun terlalu besar oleh kerana apa yang hendak dibuat ataupun tanggungjawabnya adalah perkara yang melibatkan hak dan kebebasan asasi manusia, tetapi malangnya apa yang hendak dibincangkan adalah menjadi hampir sama dengan kes seorang yang kena gigit nyamuk apa yang dimaksudkan ialah suruhanjaya ini tidak dapat menjalankan tugasnya apabila kes-kes berkenaan melibatkan polis dan mahkamah. Apabila tidak boleh melibatkan suruhanjaya ini berkaitan dengan polis dan mahkamah maka dengannya terbatal kuasa suruhanjaya ini, sebagaimana yang dinyatakan di dalam fasal 12(2). *“Suruhanjaya tidak boleh menyiasat apa-apa aduan yang berhubungan dengan apa-apa kenyataan ataupun dakwaan pelanggaran hak asasi manusia.*

a) merupakan hal perkara apa-apa prosiding yang belum selesai di mana-mana mahkamah, termasuklah apa-apa rayuan atau telah diputuskan secara muktamad oleh mana-mana mahkamah.”

Tuan Yang di-Pertua, suruhanjaya ini tidak mempunyai sebarang legal status yang boleh mendatangkan sebarang sungutan atau komplain ataupun bantahan terhadap pihak yang melakukan sebarang pelanggaran hak asasi manusia. Kaedahnya seperti Lembaga Rayuan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang mana pengerusinya adalah seorang Hakim. Apa jua cadangan syor ataupun recommendation yang dibuat akhirnya hanyalah setakat recommendation sahaja. Keputusan oleh lembaga ini sama ada boleh atau tidak boleh diterima pakai. Terpulanglah kepada kerajaan untuk menerimanya atau berbuat sesuatu berkaitan dengan apa yang disyorkan oleh Lembaga Penyiasatan ataupun Review Boards yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih penting lagi di dalam bil ini tidak ada diberikan suatu tafsiran ataupun tidak dikemukakan dengan jelas apa yang dimaksudkan hak asasi manusia, dalam erti kata sebenarnya apa yang ada, adalah kebebasan asas yang terdapat di dalam Perlembagaan Malaysia sedangkan apa yang berlaku ataupun realiti kehidupan pula ialah terlalu banyak undang-undang yang menyekat yang diberikan kuasa kepada pelbagai badan termasuklah hak-hak kepada pihak eksekutif untuk menyekat penggunaan dan kebebasan rakyat. Sekatan-sekatan yang diadakan melalui undang-undang itu pula adalah melibatkan pencegahan dan dengan sendirinya akan terlibat dari segi pelanggaran undang-undang dan dengan itu akan tertakluk kepada kuasa-kuasa polis dan dengan itu terbatal dengan sendirinya kuasa-kuasa suruhanjaya ini untuk meneruskan penyiasatan jika sekiranya sebarang pelanggaran hak asasi manusia itu dibawa ke mahkamah sebagai suatu kesalahan terhadap pelaku ataupun pihak yang melakukan pelanggaran.

Tuan Yang di-Pertua, suruhanjaya ini adalah alat serantau kerajaan untuk menerima komplain atau sebarang aduan daripada rakyat seperti juga badan-badan untuk mengemukakan komplain-komplain yang lain yang tidak ada mempunyai sang sngat dan sebagainya. Segala aduan akhirnya boleh ditamatkan atau dibuang ke dalam bakul sampah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu persoalan lagi berkenaan suruhanjaya ini ialah untuk menentukan garis panduan sejauh mana kuasa mahkamah boleh bertindak untuk menentukan apa yang dianggap sebagai penghinaan mahkamah sedangkan kes-kes yang banyak berlaku boleh dikaitkan dengan hak dan kebebasan seorang rakyat awam dan juga mana-mana peguam di waktu itu memberikan pandangan berkaitan dengan sesuatu tindakan mahkamah ataupun urusan mahkamah di dalam perkara ini. Suruhanjaya ini nampaknya langsung tidak dapat bertindak.

Tuan Yang di-Pertua, suruhanjaya ini seharusnya diperluaskan bidangnya untuk mengkaji dan mengukuhkan hak dan kebebasan asasi manusia menurut perspektif Islam seperti hak beragama dan menunaikan tuntutan agama sebagai

addin yang menyeluruh di dalam pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, politik, pendidikan, budaya dan sosial. Begitu juga kebebasan penyesuaian hak berhimpun secara aman dan sebagainya tidak seharusnya ditindas oleh pihak polis sehingga menjadikan negara ini sebagai negara polis.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1998 terlalu banyak pelanggaran deklarasi hak asasi manusia di Malaysia ini. Contohnya:-

- a) Kes Lim Guan Eng, beliau telah disalahkan oleh beberapa ucapan yang telah dibuat oleh beliau sedangkan ucapan itu mengandungi unsur-unsur kebenaran. Beliau telah dihukum dan kemudian dilucutkan haknya sebagai ahli parlimen yang sah yang telah dipilih oleh rakyat. Anwar Ibrahim ditarik haknya untuk menyertai persidangan Parlimen ini walaupun beliau masih Ahli Parliamen Permatang Pauh yang sah kerana beliau masih ditahan. Kononnya. Hukuman yang dijatuhkan kepada beliau tidak ada bagi menghalang beliau daripada menghadiri sidang Parlimen ini dan perkara itu adalah merupakan dua perkara yang berbeza.
- a. Pada Mei 1998, satu perhimpunan cara aman di sebuah Hotel di Kuala Lumpur bagi membincangkan hak asasi manusia dan beberapa pencabulan terhadapnya di mana perhimpunan itu di sebuah Hotel yang terkenal di mana perhimpunan itu telah dihalang oleh pihak FRU. Permit tidak dikeluarkan oleh polis. Walaupun persidangan itu antaranya diadakan di tempat yang tertutup dan dihadiri juga oleh tetamu daripada luar negara.
- b. Pada 3 Jun 1998, satu forum mengenai krisis air di Lembah Kelang yang telah dianjurkan oleh FOMCA di mana Presiden FOMCA dalam ucapannya di antara lain telah berkata, “*demokrasi yang diamalkan di negara ini samalah seperti surutnya paras air di Lembah Kelang*”.
- c. Pada 18 Mei 1998, dalam *The New Straits Times* telah menyebut, di dalam rancangan pengarangnya di atas judul “*sungai maut*”, iaitu

Sungai Gombak dilaporkan telah dapat dikenal pasti 9 tan ikan telah mati. Sampai hari ini tidak ada sebarang laporan mengenai peristiwa itu.

- d. Pada 27 Mei 1998, dalam akhbar *The Sun* ada menyiarkan di mana Ketua Bahagian Jurutera DPS berucap, antara lain ucapannya sebagaimana yang diseru yang bermaksud Akta Rahsia Rasmi yang diwujudkan oleh kerajaan disalahgunakan bagi menyembunyi fakta-fakta yang sebenarnya berlaku oleh pihak yang tertentu barangkali oleh pihak kerajaan.
- e. Dato' Sri Anwar Ibrahim telah ditangkap di rumahnya pada 20 September 1998, penahanan dilakukan dalam keadaan yang agak luar biasa. Sepatutnya keesokan dibicarakan untuk tahanan reman tetapi tidak berlaku, apa yang berlaku Anwar dibelasah oleh Rahim Noor. Kemudian Anwar dituduh dan ditahan di bawah ISA dan kemudian diseret ke mahkamah kemudian dihukum 6 tahun penjara.
- f. Pada 2 Oktober 1998, satu tragedi yang mengharukan telah berlaku di mana sepasukan Kontinjen Polis telah menembak 3 lelaki dan 2 perempuan. Salah seorang daripadanya berada di dalam hamil 6 bulan dengan alasan mereka terlibat dengan satu kes pencolekan. Apakah mereka semua terlibat dengan pencolekan tersebut? Apakah itu caranya tindakan telah dibuat oleh pihak yang berkenaan.
- g. Pada 2 Oktober 1998, pada hari yang sama, di kawasan saya di Tumpat telah berlaku suatu kejadian ngeri iaitu di daerah Pengkalan Kubur di mana 6 lelaki yang disyaki penjenayah telah ditembak mati. Apakah semua mereka ini penjenayah? Laporan lengkap mengenai dua kejadian itu sampai sekarang belum lagi dibuat dan belum sekali telah dilaporkan kepada umum.

Pada tahun 1998, banyak pencabulan hak asasi manusia telah berlaku. Pada tahun 1995, iaitu satu peristiwa sebelum pada tahun yang lalu satu peristiwa

yang memang sehingga hari ini masih kedengaran lagi iaitu peristiwa Memali. Di mana Kampung Memali telah dikepong sehingga berlakulah tembak-menembak di antara polis sesama polis mengakibatkan Almarhum Ustaz Ibrahim Libya bersama sahabat-sahabatnya telah mati ditembak. Laporan kemudian menyebut peluru yang digunakan di dalam peristiwa itu adalah peluru getah. Munasabahkan Tuan Yang di-Pertua? Saya rasa itulah sahaja beberapa perkara yang ingin saya sebutkan pada hari ini dan buat terakhir sukalah saya mencadangkan beberapa perkara:

Yang pertama, Malaysia adalah merupakan negara yang mempunyai banyak akta bagi membendung hak asasi rakyat seperti Akta ISA dan sebagainya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk, ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Boleh saya minta seminit lagi Tuan Yang di-Pertua. Akta ISA, OSA, Akta Mesin Cetak, Akta Universiti, Akta Polis dan bermacam-macam lagi akta. Agar sesuai dengan semangat Akta Hak Asasi Manusia 1999 ini yang sedang kita bahaskan sekarang ini undang-undang ada sekarang sudah mencukupi jika ada kekurangan bolehlah dikemaskinikan sesuai dengan cadangan yang dikemukakan oleh beberapa Yang Berhormat yang berucap sebelum daripada saya. Oleh itu saya mencadangkan supaya akta-akta yang sedia ada ini dihapuskan.

Yang kedua, saya mencadangkan supaya mata pelajaran Hak Asasi Manusia di semua peringkat pendidikan sekolah rendah sehinggalah ke universiti supaya diajar, dibenarkan benar-benar supaya memahami dan menghayati hak dan kewajipan sebagai manusia dan mereka sebagai seorang manusia.

Yang ketiga, pegawai-pegawai kerajaan dan swasta mestilah menerima pendidikan, diberi pendidikan hak asasi manusia.

Yang keempat, Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia yang bakal diwujudkan nanti di dalam negara kita ini hendaklah tidak boleh lari daripada garis-garis budi bahasa, budaya dan kefahaman agama terutama agama Islam.

Kemudian seterusnya tidak semestinya ada yang baik di luar negara kita, baik bagi kita dan tidak semestinya yang buruk di luar negara, buruk bagi kita seperti apa yang telah berlaku di Turki seorang wanita Islam yang memakai tudung kepala telah dihalau keluar dan digugurkan sebagai Ahli Parlimen dan dilucutkan kerakyatan Turkiy. Contoh yang kedua, di atas dasar hak asasi manusia

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Di Barat seorang individu diberi kebebasan yang seluasnya tanpa batasan dan sempadan sehingga timbul slogan, “*Free*” seperti bersekedudukan secara haram, liwat, lesbian, gay dan sebagainya dan perkara-perkara itu tidak semestinya dibenarkan di dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Senai.

2.45 ptg.

Datuk Lim Si Cheng [Senai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya bersama-sama dengan rakan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Malaysia bagi tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar hujah-hujah daripada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk daripada pihak pembangkang, meskipun parti-parti pembangkang tidak habis-habis mencemari nama baik kerajaan kita di dalam dan di luar negara. Penubuhan dan pewujudan Suruhajaya Hak Asasi Manusia telah memaparkan keazaman kerajaan Barisan Nasional di dalam menjangkau dimensi antarabangsa di dalam isu hak asasi manusia di samping itu terus menggalakkan dan mempertahankan hak asasi manusia bagi rakyat Malaysia.

Hari ini kita semua dapat berucap di Dewan yang mulia dan kita masih boleh diberi peluang untuk menjadi ahli Parlimen oleh kerana ada kebebasan yang sedemikian. Saya sesungguhnya percaya tidak terdapat satu negara dalam dunia ini mempunyai rekod bersih di dalam isu hak asasi manusia. Negara-negara Barat sendiri telah mencampuri hak asasi manusia sejak dahulu lagi dengan menindas penduduk-penduduk jajahan mereka. Hakikat bahawa kerajaan Malaysia telah menandatangani 6 daripada 25 perjanjian ataupun konvensyen antarabangsa hak asasi manusia telah menunjukkan keikhlasan Kerajaan Barisan Nasional ikhtiar-ikhtiar yang telah diusahakan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah salah dari segi moral dan adalah tidak etika sama sekali apabila parti-parti pembangkang mencela kerajaan mencampuri hak asasi manusia takala agenda politik parti-parti pembangkang ini tidak tercapai. Kuasa-kuasa Barat telah gagal mengambil kira nilai-nilai Asia apabila melaung-laungkan hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Mentakab bangun.

Datuk Lim Si Cheng: Saya ingat masa sempit sedikit. 10 minit sahaja. Nanti kalau ada peluang.

Tuan Fu Ah Kiow: Okay.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, ancaman parti-parti pembangkang di dalam menggunakan isu hak asasi manusia sebagai batu loncatan untuk memburu kepentingan diri mereka akan berterusan selagi parti-parti pembangkang seumpama ini diterajui oleh pemimpin-pemimpin yang gila kuasa dan sanggup menggunakan apa sahaja cara yang tidak etika untuk mencapai matlamat mereka biar pun mereka mengorbankan keselamatan negara kita. Ini bukan amalan sia-sia tetapi perkembangan baru-baru secara serius menandakan bahawa parti-parti pembangkang yang tertentu telah menolong kumpulan berkenaan di antara penyokong-penyokongnya atas hak asasi manusia untuk mendesak kerajaan pada masa kini memperkenankan permintaan mereka. Dengan

rusuhan di Kuala Lumpur semasa Commonwealth Games, SUKOM 1998 masih jelas terbayang di mata kita. Ini adalah satu kecenderungan yang merbahaya di dalam arena politik di Malaysia pada hari ini.

Oleh kerana itu, adalah tersangat penting bahawa pelantikan ahli-ahli suruhanjaya walaupun daripada parti-parti pembangkang semestinya dipilih daripada individu yang tulus ikhlas dan diberatkan dengan satu kesedaran batin yang luhur boleh bekrhidmat tanpa takut dan tanpa memihak kepada sesiapa.

Saya mengesyorkan bahawa individu yang dilantik semestinya tidak diambil daripada pemimpin-pemimpin parti pembangkang tempatan yang rela dimanipulasikan oleh kuasa-kuasa asing untuk mencapai cita-cita bersama, mereka yang tidak jujur dan membinasakan fungsi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ataupun penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia semestinya tidak boleh dianggap, ditaksir, dipandang ataupun dipetik dari semua segi sebagai satu lesen untuk mengadakan atau melangsungkan perhimpunan haram, memulakan kegiatan rusuhan yang akan mengancam keharmonian berbagai kaum dan kebebasan politik negara kita.

Ini ternyata dan terbukti apabila ditujukan atau disabitkan dengan beberapa pemimpin parti pembangkang tertentu yang telah melulusi tindakan yang tidak bertanggungjawab dan membuktikan keupayaan mereka untuk menghancurkan dan membinasakan Demokrasi Berparlimen di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai yang telah saya katakan sebentar tadi, di negara kita amalan kebebasan bersuara adalah satu hak yang dijamin oleh undang-undang. Namun demikian kerajaan tidak boleh melepaskan tanggungjawabnya untuk mentadbirkan negara mengikut mandat yang diberikan oleh rakyat selaras dengan amalan Demokrasi Berparlimen. Kerajaan Barisan Nasional yang dipilih oleh rakyat Malaysia telah selama ini memastikan rakyat kita cukup makan. Dibekalkan kemudahan yang mencukupi dari segi perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sejak daripada hari negara kita mencapai kemerdekaannya hingga ke hari ini, negara kita telah melonjak begitu maju sekali dan ini telah menunjukkan kekuatan kita semua. Saya memang bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Luar Negeri semasa membentangkan rang undang-undang ini, apakah makna kebebasan jika negara itu tidak aman, rakyatnya termasuk kanak-kanak kurang makanan, tiada tempat berteduh, menghadapi perkhidmatan kesihatan yang tidak memuaskan serta tiada kemudahan pendidikan.

Maka Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia perlu bersatu padu, bersatu hati bagi memastikan hak untuk hidup, hak sama rata di sisi undang-undang, kebebasan bercakap, kebebasan beragama dan sebagainya yang sedang kita nikmati ini terus dikekalkan. Pendek kata saya merayu supaya rakyat Malaysia terus memberikan sokongan padu yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang sedang kita bangkitkan ini tidak sepatutnya menjadi satu sayap parti-parti pembangkang ataupun dijadikan sebagai satu senjata politik bagi kumpulan tertentu yang cuba mahukan dunia mengikut acuan mereka. Sebaliknya rakyat adalah diharapkan supaya menganggapkan akta ini bertujuan untuk membuka ruang yang lebih luas kepada kita bagi mengemukakan apa juga rasa tidak puas hati untuk disemak dan dikaji oleh kerajaan. Akta ini seharusnya dilihat secara positif ke arah memelihara kepentingan dan merealisasikan aspirasi rakyat jelata.

Dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Ledang.

2.50 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia bukan sahaja perlu dihargai dan disokong malah diucapkan syabas kepada kerajaan kerana akta ini tidak syak lagi selaras dengan semangat Artikel 1,

Piagam PBB yang antara lain menyebut “...in promoting and encouraging respect for human rights and for fundamental freedom for all without distinction as to race sex, language or religion”. Akta ini membuktikan tentang kesungguhan dan keikhlasan pihak kerajaan untuk mengangkat kualiti dan tahap hak asasi manusia di negara ini. Kita perlu mengakui bahawa Malaysia adalah di antara negara di dunia yang boleh berbangga dengan tahap hak asasi kemanusiaan yang memuaskan. Rakyat keseluruhannya selesa dan berpuas hati dengan kebebasan dan hak yang dinikmati kerana itu kita mampu membentuk dan membina satu masyarakat yang harmoni dan sejahtera walaupun terdiri daripada berbilang kaum perbezaan agama, budaya dan berlainan latar belakang sejarah.

Tuan Yang di-Pertua, pihak NGO bebas mengemukakan kritikan-kritikan dan teguran-teguran. Parti-parti politik pembangkang juga bebas mengkritik dan menjalankan aktiviti politik mereka dan berceramah di mana-mana dan selalunya dihadiri oleh ramai orang. Mereka juga menikmati kebebasan berakhbar, orang-orang perseorangan juga bebas menyuarakan teguran dan pendapat mereka melalui akhbar dan saluran-saluran lain. Tidak ada diskriminasi semata-mata berdasarkan kaum dan agama. Peluang mencari rezeki yang halal, peluang untuk mendapatkan pendidikan tinggi, peluang untuk menjawat penting dalam kerajaan termasuk tentera dan polis, kebebasan beragama, berpolitik, berpersatuan dan lain-lain terbuka luas tanpa halangan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping hak asasi manusia seperti yang dijamin dan terkandung dalam Perlembagaan Negara, maka pada hari ini kerajaan berhasrat untuk melangkah setapak lagi ke hadapan dengan satu cadangan untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Rakyat tidak perlu bangkit menuntut kebebasan dan hak asasi manusia mereka seperti yang berlaku di Tiananmen Square, Peking tahun 1989 dahulu. Memetik kata-kata David Miller dalam bukunya *Liberty*, “*They demanded liberties especially freedom of speech and freedom of press*”. Di Malaysia, dalam suasana kesedaran yang cukup tinggi, kerajaan ingin menubuhkan suruhanjaya bagi maningkatkan perlindungan hak

asasi manusia negara ini, supaya hak asasi manusia menjadi lebih mantap dan lebih terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, A L. Malisky seorang penulis Russia menyatakan, *“The capitalist law is based upon the abstract natural rights of an individual. It places the individual in the center of the world. Surround him with the cult and therefore establishes limit to the state. However the proletarian state set the limit not to itself but to it’s citizen. A collective body called the state rather than the individual citizen is the center of the proletarian law”*.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menarik kerana negara kita selalu berada di tengah-tengah di antara dua ekstrim ini. Kita memberi kebebasan kepada individu tetapi bukan kebebasan yang mutlak. Kita wujudkan undang-undang dan peraturan untuk mendisiplinkan mereka supaya mereka tidak menyalahgunakan kebebasan tersebut dan membawa kerosakan, kemudaratan kepada kesejahteraan umum dan menjejaskan kepentingan. Kita wujudkan undang-undang dan peraturan supaya setiap individu sentiasa bergerak di atas landasan tata susila, nilai-nilai agama, budaya dan moral bangsa iaitu bangsa Malaysia. Dengan sebab itu kita merasa amat tersentuh apabila ada cadangan-cadangan daripada pihak-pihak tertentu supaya homosex, lesbian dan seumpamanya diizinkan seperti yang berlaku di setengah-setengah negara Barat kerana ianya terkeluar daripada landasan dan tuntutan agama dan akhlak serta budaya kita.

Dalam Islam pun banyak sekali sekatan-sekatan terhadap kebebasan individu yang bertujuan untuk mendisiplinkan mereka. Kebebasan mestilah bergerak di atas landasan dan nilai-nilai agama, nilai-nilai akhlak, budi pekerti serta akal budi. Seseorang individu yang terlalu bebas akan menjadi sesat di atas landasan yang tidak bertepi dan tidak bersempadan.

Tuan Yang di-Pertua, kebebasan yang mutlak hanya akan mengakibatkan suasana anarki, kerosakan, huru hara dan kacau bilau. David Miller mengatakan *“The extreme view here is that of the anarchy’s, who hold state freedom can only be fully realized when the cohesive powers of government are destroy”*.

Tuan Yang di-Pertua, di mana-mana pun di dunia ini tidak ada kebebasan yang mutlak dan tidak ada satu sistem yang sempurna yang harus menjadi ikutan dan rujukan kita. Malah di Amerika sendiri sebuah negara besar yang sering berbangga dengan tahap hak asasi tinggi. Memetik kata-kata Peter Anchor dalam bukunya *Freedom at State* “*The United State is proud of its record as the land of rugged individualism. It is hale as the land where people widely different back ground may each express there own culture and way of life*”. Di negara seperti ini pun hak-hak asasi manusia dan diskriminasi di antara rakyat Kulit Putih dan Kulit Hitam wujud dengan ketara, sebagai contoh kes Rodney King tahun 1992 seorang Kulit Hitam yang dibelasah teruk oleh seorang polis Kulit Putih dan mengakibatkan rusuhan yang ganas dan liar oleh orang Kulit Hitam di Los Angles kerana membantah keputusan mahkamah kerana membebaskan polis Kulit Putih yang bertanggungjawab membelasah Rodney King dan memetik kata-kata Goin Dowlin Young, Ketua Pengarah Suruhanjaya Hubungan Kemanusiaan di Kentucky, “*In America, Black life is meaningless and Black rights do not exist*”.

Tuan Yang di-Pertua, malah di Britain sendiri yang digelar sebagai the Mother of the Free yang kononnya telah berjaya semenjak tahun 1215 lagi membebaskan diri mereka daripada cengkaman pemerintah yang zalim dan menindas rakyatnya iaitu King John dengan perisytiharan Magna Carta tetapi dalam tahun 1960-an seorang rakyat Ireland yang bernama Gerard Richard Lawless telah ditahan selama 9 bulan tanpa dibicarakan. Kerajaan Irish mengatakan penahanan itu adalah wajar dan perlu kerana Richard Lawless adalah anggota IRA yang boleh mengancam keselamatan awam dan apabila kes ini dibawa ke pengadilan European Court of Human Rights, mahkamah ini memutuskan penahanan tanpa dibicarakan di atas alasan tersebut sebagai justified.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah bermaksud untuk menggalakkan penahanan tanpa perbicaraan ini di negara kita. Saya cuma menunjukkan bahawa apa yang dikatakan keadilan dan hak asasi serta kebebasan itu perlu disesuaikan dengan suasana dan keadaan setempat dan semasa, bukan terikut-ikut dengan cara

dan sistem asing secara melulu dan membuta tuli. Kita perlu ada kebijaksanaan sendiri dalam mentadbirkan negara kita mengikut acuan terbaik untuk rakyat dan negara kita. Seperti kata bijak pandai 'justice without wisdom is impossible'. Penubuhan Suruhanjaya ini menjadi bukti yang jelas tentang kebijaksanaan kita menguruskan isu hak asasi dan keadilan sosial di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tahap hak asasi manusia di negara ini berada di satu tahap yang cukup baik dan memuaskan, kita mampu membicarakan berlakunya kepincangan hak asasi manusia dan ketidakadilan sosial yang berlaku di pentas global. Sebagai contoh, kita memainkan peranan yang penting di peringkat antarabangsa membantah berleluasanya pencabulan terhadap hak asasi manusia dan pencerobohan ke atas kedaulatan wilayah sebuah negara yang merdeka di Bosnia-Herzegovina, dan apa yang dikatakan sebagai satu rancangan ke arah ethnic cleansing dan pencabulan secara terang-terangan terhadap hak asasi manusia yang berlaku di Kosovo dan lain-lain tempat jelas membuktikan komitmen Malaysia dalam usaha mempertahankan keutuhan hak asasi manusia dalam dan di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kita adalah di antara negara yang lantang menyuarakan tentang kegagalan masyarakat antarabangsa menjamin wujudnya keadilan sosial di kalangan masyarakat manusia. Berjuta-juta manusia kebuluran dan dinafikan haknya untuk mendapatkan makanan yang mencukupi, satu keperluan yang paling asas sebagai seseorang manusia. Berjuta-juta lagi manusia menjadi orang-orang pelarian dan dinafikan haknya untuk mendapatkan tempat tinggal yang selesa dan tetap di bumi Allah ini. Dan apabila berlaku krisis ekonomi akibat kejatuhan mata wang negara-negara rantau Asia, jutaan manusia lagi dinafikan haknya untuk hidup dengan keselesaan yang paling asas kerana mereka telah menjadi terlalu miskin dan daif akibat serangan peniaga-peniaga mata wang dunia yang kaya raya dan kumpulan inilah juga dalam masa yang sama sering bercakap dan mengkritik tentang rendahnya tahap hak asasi manusia di negara-negara lain khususnya negara sedang membangun seperti Malaysia. Kita

tidak akan mampu memperjuangkan dan menjuari isu-isu ini di peringkat antarabangsa jika tahap hak asasi manusia di negara kita sendiri dalam keadaan yang cukup rendah dan dipertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan kesungguhan kerajaan dengan penubuhan suruhanjaya ini apabila Fasal 23(d) memberi kuasa kepada Suruhanjaya menyiasat aduan berkenaan pelanggaran dan pencabulan hak asasi manusia. Mereka juga diberi kuasa untuk melawat tempat tahanan dan mengeluarkan kenyataan awam dan mengemukakan laporan tahunan kepada Parlimen dan laporan khas di mana perlu. Ini tidak syak lagi merupakan satu perkembangan yang cukup menarik dan positif. Kerajaan merelakan akauntabilitinya dalam aspek hak asasi manusia ini disiasat dan dipersoalkan. Cuma kita berharap anggota Suruhanjaya ini benar-benar terdiri daripada tokoh-tokoh yang bebas, berwibawa serta komited dengan tugas dan tanggungjawab mereka. Mereka seharusnya dapat menjalankan tugas dengan adil, saksama dan without fear or favour, dengan izin.

Kredibiliti badan ini perlu dibina secara menyeluruh dan telus. Kita tidak mahu lagi mendengar cerita tentang orang-orang tahanan dikasari, dcederakan di luar daripada batas kemanusiaan, cerita orang-orang tahanan dipaksa dan diugut untuk membuat pengakuan. Kesemua gejala ini tidak syak lagi merupakan satu kesalahan dan satu pelanggaran terhadap hak asasi manusia. Mencetuskan ketakutan kepada orang-orang yang ditahan oleh pihak berwajib atau mengambil kesempatan untuk mengkasari dan mencederakan mereka dalam keadaan mereka lemah dan tidak berdaya untuk mempertahankan diri adalah satu pencabulan terhadap hak asasi manusia dan mereka yang bertanggungjawab mesti dibawa ke pengadilan dan dihukum sewajarnya. Orang Latin ada mengatakan "you are guilty of a crime when you do not punish crime". William Buckley pernah mengatakan "the protection of the individual against the criminal is the first and highest function of a government".

Demikian juga cerita kes mahkamah yang sering tertangguh dan lambat membuat keputusan seperti yang berlaku kepada Hamzah Arrashid, iaitu seorang pegawai penerangan daerah Batu Pahat yang tersiar ceritanya dalam surat khabar semalam yang sekarang ini berusia 72 tahun yang terpaksa menunggu selama 21 tahun untuk mahkamah mengisytiharkan bahawa surat tatatertib yang dikeluarkan terhadapnya pada tahun 1972 adalah mengandungi unsur-unsur fitnah. Beliau telah teraniaya dan telah dinafikan haknya untuk mendapatkan keadilan yang cekap dan cepat dan terpaksa menanggung malu selama 21 tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Masa Yang Berhormat sudah suntuk. Sila gulung.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan dengan adanya usaha meningkatkan kefahaman orang ramai tentang hak asasi ini kita berharap lebih ramai rakyat yang tahu tentang haknya dan mampu mempertahankan haknya sekali gus iaitu tentang kebebasan diri, kesamarataan di sisi undang-undang, kebebasan bergerak, bercakap, berhimpun dan berpersatuan, kebebasan beragama, mengenai pendidikan, pemilikan harta dan lain-lain, mudah-mudahan rakyat kita akan lebih terjamin tahap hak asasinya. Sekian, saya menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Johor Bahru.

3.07 ptg.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut mengambil bahagian dalam menyokong perbahasan mengenai Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang telah dibentangkan kelmarin. Sesungguhnya saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan di atas keikhlasannya melalui pembentangan rang undang-undang ini untuk menggalak dan mempertahankan hak asasi manusia bagi rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak yang telah dibahaskan dalam Dewan ini tetapi saya ingin menjurus kepada peranan dan tanggungjawab

Suruhanjaya khususnya mengenai Fasal 4(1)(a) iaitu bagi memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia. Saya berpendapat bahawa tanggungjawab ini merupakan yang paling penting kerana dalam keadaan kita menghadapi dunia yang canggih teknologinya dengan ledakan maklumat dan sebagainya, kegagalan kita untuk mendidik rakyat kita akan menyebabkan rakyat kita terpengaruh dengan pelbagai perkara yang menyentuh soal hak asasi yang ditafsirkan, yang ditentukan oleh pihak luar. Melalui perbincangan yang kita sama-sama lalui, kita sendiri dapat lihat bagaimana ada pihak-pihak yang walaupun baru kita hendak membentangkan rang undang-undang ini tetapi telah pun dipertikaikan mengenai Suruhanjaya, dari segi keadilannya dan sebagainya. Walaupun seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Machang sebentar tadi iaitu sewajarnya soal kebebasan Suruhanjaya ini bergantung bukan kepada perundangan tetapi sepatutnya dilihat kepada keputusan perbicaraan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya katakan kemungkinan pihak-pihak yang tidak menerima niat baik dan keikhlasan kerajaan dalam membentangkan dan mengadakan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini mungkin kerana seperti yang diperkatakan atas sebab-sebab mereka tidak memikirkan soal kepentingan negara ataupun kerana politik parti masing-masing dan sebagainya. Tetapi saya percaya bahawa segala pendirian dan tindakan mereka itu adalah kerana mereka membuat tafsiran yang meluas terhadap maksud ataupun makna hak asasi itu sendiri. Mereka mungkin mencedok bulat-bulat tafsiran dan kefahaman human rights seperti yang diamalkan oleh negara maju. Tindakan mereka itu mungkin kerana mereka berpandukan dan merujuk kepada perisytiharan sejagat mengenai hak asasi manusia itu sendiri, walhal kita tahu bahawa perisytiharan tersebut, dengan izin, Universal Declaration on Human Rights itu kita tahu bahawa ianya dilahirkan tanpa input daripada negara-negara Asia. Ianya adalah kelahiran Barat berasaskan kepada idealisme Barat mengenai kebebasan mutlak individu dan ia bertentangan dengan kepentingan dan keutamaan kepada masyarakat. Lebih-lebih lagi kita

harus faham bahawa Universal Declaration itu hanyalah merupakan satu pernyataan semata-mata, bukannya undang-undang yang mengikat. Atas sebab itulah kita lihat banyak juga negara yang tidak menerima perisytiharan itu termasuklah negara Arab Saudi kerana dalam Islam hak manusia tidak mutlak, yang pentingnya ialah soal masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, atas sebab itulah saya berpendapat peranan Suruhanjaya untuk benar-benar memberi pendidikan kepada rakyat Malaysia supaya tafsiran human rights yang sesuai untuk negara kita dapat difahamkan kepada rakyat dalam negara kita. Kita sedar bahawa untuk kita menentukan human rights ini dapat dilaksanakan sejajar dengan kehendak negara ianya mesti dilakukan dalam konteks perbezaan realiti, ekonomi dan juga sosial sesebuah negara dan sistem nilainya, iaitu dengan izin, value system. Misalnya, bagi negara Asia, bagi negara kita sistem nilai kita ialah kestabilan, consensus dan juga hormat kepada pihak berkuasa. Tetapi kalau kita bandingkan di Amerika, value systemnya ialah kebebasan mutlak individu. Pada kita apa makna kebebasan sepenuhnya jika kita gagal membawa pembangunan dan kemajuan dan tidak ada kestabilan sosial. Maka atas sebab itulah penting sekali lagi saya menyatakan tanggungjawab Suruhanjaya untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia untuk rakyat dalam negara kita. Apabila suruhanjaya ini menjalankan tanggungjawabnya dalam soal memberi pendidikan kepada rakyat dalam negara kita maka sewajarnya ia mengambil satu proaktif role, pendekatan yang proaktif, mengambil peranan yang menjurus kepada usaha untuk mendidik rakyat dalam negara kita dengan tidak menunggu hanya apabila sesuatu keputusan dibuat olehnya. Kerana kalau kita gagal melakukan itu seperti yang telah saya katakan dalam keadaan ledakan maklumat sekarang maka rakyat kita akan terpengaruh dengan tafsiran-tafsiran yang dibuat oleh negara Barat seperti yang terdapat pada hari ini.

Lebih-lebih lagi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita gagal untuk memberikan kefahaman dan pendidikan kepada rakyat kita maka sudah tentulah apa sahaja

tafsiran, apa sahaja perkara yang dibangkitkan oleh pihak luar, lebih-lebih lagi kerana rakyat dalam negara ini sendiri tidak faham mengenai soal human rights ini, maka ia akan memberi peluang secara tidak langsung sebagai satu bentuk campur tangan oleh pihak luar kononnya di negara kita ada pencabulan hak asasi. Kita tahu bahawa di setengah-setengah negara soal pencabulan hak asasi manusia ini digunakan sebagai satu isu yang begitu hebat yang digunakan untuk memberi keizinan sebagai satu dalihan untuk campur tangan negara-negara luar terhadap sesebuah negara.

Misalnya di Indonesia kita tahu bahawa pihak United States Agency for International Development telah membelanjakan sebanyak US\$26 juta untuk memberi bantuan kepada NGO-NGO yang kononnya menyokong apa sahaja usaha untuk menukar nilai dan sistem dalam negara Indonesia pada hari ini dan kita percaya kalau kita gagal memberi kefahaman kepada rakyat kita, maka perkara yang sama juga akan berlaku dalam negara kita. Pihak luar kononnya atas nama human rights, atas nama kerajaan kita mencabul has asasi akan menggunakan peluang untuk campur tangan di dalam negara kita.

Apabila ini berlaku, maka ia bermakna bahawa soal human rights ini cuba dengan tafsiran yang mereka faham cuba dipaksakan ke atas negara kita dan sudah tentunya ia menyebabkan soal human rights ini tidak diterima melalui proses evolusi tetapi melalui proses paksaan.

Jadi, atas sebab itulah rakyat kita perlu disedarkan bahawa penggunaan isu human rights oleh negara-negara luar, apatah lagi apabila disokong oleh rakyat dalam negara ini yang tidak faham, maka ia boleh menghalang pembangunan dan juga kemajuan negara kita. Ia menidakkan usaha negara kita daripada menjadi sebuah negara membangun kepada menjadi sebuah negara yang maju.

Rakyat kita perlu didedahkan khususnya peranan yang mesti dimainkan oleh suruhanjaya mengenai double standard Barat dalam soal-soal human rights, tindakan mereka mempolitikkan human rights dan tekanan yang mereka lakukan walaupun atas nama human rights.

Sebenarnya seperti banyak yang telah dibincangkan di peringkat persidangan antarabangsa, soal penggunaan human rights yang dilakukan oleh Barat yang dikenakan tekanan ke atas negara-negara membangun sebenarnya adalah dengan izin, extension of western aggressive behaviour of the past iaitu terjemahannya ialah sambungan sikap agresif pelampau Barat kepada negara-negara yang membangun seperti negara kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, rakyat mestilah terima tafsiran dan skop yang terhad kepada makna hak asasi manusia seperti yang terdapat dalam rang undang-undang ini untuk negara kita kerana di samping hak asasi dalam soal sivil dan juga politik, kita juga menuntut hak asasi dalam bidang ekonomi, sosial dan juga budaya.

Jadi, atas sebab-sebab itu, saya menyokong kepada pembentangan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Teluk Intan.

3.17 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Hari ini kita telah mendengar banyak mengenai covenants antarabangsa di mana Malaysia telah menandatangani dan di antara ahli Parlimen yang telah menyentuh banyak mengenai perkara ini adalah dari Tanjong hari itu dan banyak lagi ahli Parlimen.

Tetapi yang menjadi soalan adalah kenapa covenants ini hingga hari ini tidak direktifikasikan oleh kerajaan. Bila saya menghujahkan mengenai perkara ini minggu lalu di masa Ucapan Penangguhan saya, Yang Berhormat Menteri berkenaan berkata bahawa perlu masa untuk mengkaji, takkan 31 tahun lagi sedang mengkaji, satu-satu covenant yang telah Kerajaan Malaysia menandatangani adalah pada tahun 1966, perlulah masa lebih kurang 34 tahun untuk mengkaji dan bilakah kajian ini akan habis hingga makna dan apa yang dihajatkan oleh covenants ini pun mungkin akan hilang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai rang undang-undang ini yang dibawa ke Dewan yang mulia ini, sebenarnya di dalam Perlembagaan Persekutuan kita, kita ada beberapa suruhanjaya, kenapa Suruhanjaya Hak Asasi, satu perkara yang saya boleh kata maha mustahak, satu perkara yang kena mengena dengan semua rakyat di negara ini, kenapa satu perkara yang mustahak seperti ini tidak diberi standing yang sama dengan suruhanjaya-suruhanjaya yang lain.

Satu di antaranya saya ingin mengatakan adalah Suruhanjaya Pilihan Raya iaitu di Artikel 114 Perlembagaan Persekutuan, The Judicial And Legal Service Commission - Artikel 138, Public Service Commission - Artikel 139, Police Force Commission – Artikel 140, Education Service Commission – Artikel 141A. Semua suruhanjaya ini kenapa ia tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan? Senang sahaja kerana komisyen-komisyen ini sangat mustahak. Banyak bermakna dan erti kata kepada rakyat dan apakah intention kerajaan membawa satu rang undang-undang yang esok hari selepas ia diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dapat diubah, dapat ditukar lebih-lebih lagi di mana Kerajaan Barisan Nasional ada kuasa 2/3, bukankah ia dimestikan seperti suruhanjaya-suruhanjaya yang lain yang ada lebih bermakna supaya mengikut undang-undang yang sedia hanya perubahan dapat dibawa dengan majoriti 2/3.

Bukankah kita mesti lebih menguatkan makna suruhanjaya-suruhanjaya di negara ini seperti yang lain. Kenapa lima suruhanjaya yang lain diberi taraf yang tinggi dan suruhanjaya ini diterima pakai sebagai satu suruhanjaya yang biasa, there is no different whatsoever, satu perkara yang boleh dibawa ke Dewan yang mulia ini dan dihapuskan esok hari, menunjukkan kerajaan tidak sensitif, tidak berapa iktiraf dan saya ingin menyatakan bahawa menteri hari itu dia mula-mula mengatakan bahawa ini bukanlah PR exercise, saya mengatakan ini adalah satu PR exercise Kerajaan Persekutuan.

Saya katakan sedemikian lebih-lebih lagi kerana suruhanjaya ini adalah dibawa dan ditubuhkan dengan satu cara rang undang-undang akta yang biasa,

menunjukkan tidak berapa serius dalam perkara. Kerajaan telah mendapat desakan dari seluruh dunia dan mengikut trend di seluruh rantau ini dan untuk mengikut the wind of change, jadi mengadakan satu suruhanjaya kerana kerajaan-kerajaan lain mengadakan sedemikian. Bukan kerana dengan hajat nilai yang bersih dari hati, inilah beza di antara suruhanjaya-suruhanjaya yang lain yang telah disiapkan mengikut Akta Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya juga ingin menyentuh mengenai hak asasi, bila sesuatu pilihan raya diadakan. Di negara ini kerap kali kita mendengar ramai di antara ahli Parlimen menyatakan kita sangat patut berterima kasih kerana kita ada pembangkang yang telah menang dan sebagainya. We need no thanks from these people, dengan izin, no support from these people.

Tuan Yang di-Pertua, yang mustahak adalah ini, mengadakan pilihan raya sahaja bukan cukup, apakah dan di manakah rakyat Malaysia ini dapat tahu apa yang betul-betul jadi, macam di sini hari ini, satu perkara yang sangat mustahak, kenapa ia tidak diberi secara televisyen, siaran langsung, satu perkara yang sangat mustahak, menteri sendiri datang, saya tahu banyak susah untuk Yang Berhormat Menteri duduk di sini selama dua, tiga hari

Seorang Ahli: Tidak ada orang yang hendak mendengar you bercakaplah!

Tuan M. Kulasegaran: Ini satu perkara yang mustahak, ini satu perkara yang aneh. Ya, sila.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat dari Teluk Intan mengenai kebebasan hak rakyat mengenai pilihan raya. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kalau betul-betul menghargai hak kebebasan memilih wakil rakyat, maka bila kerajaan ataupun rakyat telah memilih pihak pembangkang, kawasan pihak pembangkang tidak patut dikenakan hukuman dengan tidak memberi peruntukan pembangunan di kawasan yang diwakili oleh pembangkang.

Seorang Ahli: Soalan bodoh!

Tuan M. Kulasegaran: Saya rasa ini hak-hak asasi ini semua rakyat tidak kisah di mana kita dipilih, biar ada

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tak payah ada parti politiklah kalau macam itu.

Tuan M. Kulasegaran: Menteri sekarang dia sangat react, lain semua orang pandai ini, maha pandai, Chenderoh lawan sama Chenderoh tidak lama lagi. Kita tahu.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan mencelah Yang Berhormat. Yang Berhormat, jangan gunakan perkataan yang sedemikian, itu unparliamentary Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Jadi, saya bersetuju dengan kawan saya Ahli Yang Berhormat dari Tuaran. Yang mustahak adalah sebelum tahun 1974 kita mengadakan perhimpunan umum, kenapa perkara ini tidak diteruskan. Ini satu hak asasi rakyat Malaysia. Tahun 1969, 1974 bukan ramai rakyat yang ada televisyen di rumah mereka, sekarang situasi yang berlainan, di mana semua di ruangan televisyen disekat di mana hanya satu cerita kerajaan sahaja yang kerap kali kita dengar. Ini bukankah hak asasi rakyat Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, bukankah satu perkara yang mustahak, pencabulan perkara yang seperti ini tidak boleh dibenarkan. Baru-baru ini bila Yang Berhormat Menteri Penerangan dilantik, kita rasa satu proaktif, satu penukaran yang baik, lebih bermakna demokrasi, bukan – tukar balik ke zaman yang lain, mengatakan pembangkang tidak ada hak menyatakan, menggunakan saluran TV. Apa hak kerajaan untuk mengatakan sedemikian, adakah itu stand kerajaan untuk menunjukkan bahawa mereka tidak mengiktiraf pembangkang.

Seorang Ahli: Mesti!

Tuan M. Kulasegaran: Kita perlu faham di negara ini walaupun kita kata kerap kali kita ada pilihan raya, tetapi apakah makna pilihan raya, bila kita tidak membenarkan perhimpunan umum dan kenapa televisyen hanya menyalurkan

satu (one section of the story) sahaja mengenai Barisan Nasional, bukankah masa supaya lebih baik biar pembangkang mengatakan apa-apa mereka suka, tertakluk kepada

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: *[Menyampuk*

Tuan M. Kulasegaran: Kota Tinggi ini susah tak pernah mai duduk lama macam ini, sekarang ini susah, ini mencabul hak asasi Kota Tinggi – saya tahu! Tetapi duduklah diam, kita cerita.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Jangan merosakkan, bising sangat!

Tuan M. Kulasegaran: Mungkin satu hari Kota Tinggi mungkin duduk di sini ..

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Merapu!

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Oi, don't worry, don't worry.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun. Yang Berhormat, masa Yang Berhormat pun sudah cukup.

Tuan M. Kulasegaran: Kalau sentuh, saya hendak habis sahajalah. Saya minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Masa dia sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Beri extension. Yang ini sensitif mesti sentuh punya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada perkara yang bernas yang dibangkitkan!

Tuan M. Kulasegaran: Yang mustahak adalah ini, jadi semua rakyat Malaysia perlu tahu perkembangan, mereka ada hak asasi dalam Perlembagaan kita.

Sebagai penghabisan, menggulung, saya akan katakan perkara ini, sekiranya tidak mahu manusia terdorong supaya memberontak sebagai pilihan terakhir bagi menentang kezaliman serta penindasan maka adalah penting bagi hak asasi manusia dipertahankan oleh kedaulatan undang-undang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Bukit Bendera.

3.27 ptg.

Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pada sidang Parlimen yang lalu, pada bulan April dan Mei tahun ini saya telah membahaskan mengenai cadangan kerajaan menubuhkan satu suruhanjaya hak asasi manusia Malaysia dan sukacita bahawa pada hari ini kita dapat membincangkan rang undang-undang ini. Dan saya pun amat sukacita kerana beberapa komen dan cadangan saya telah pun dimasukkan ke dalam rang undang-undang ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, yang kita bahaskan hari ini adalah sangat seimbang bagi pendapat saya dan mengambil kira pelbagai kekhawatiran yang telah dibangkitkan oleh pelbagai pihak.

Saya bersetuju dengan premis rang undang-undang ini bahawa konsep hak asasi manusia haruslah berdasarkan kebebasan hak asasi atau fundamental liberties seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Bahagian II. Malaysia adalah sebuah negara yang merdeka dan berdaulat dan mempunyai Perlembagaan sendiri yang dilahirkan daripada perjuangan untuk kemerdekaan dari penjajahan British.

Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang terunggul dalam negara dan Kerajaan Malaysia, rakyat Malaysia dan termasuk ahli-ahli Parlimen adalah komited untuk mempertahankan Perlembagaan. Kebebasan hak asasi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan membabitkan kebebasan individu, kebebasan berucap dan berhimpun, kebebasan beragama dan kesamaan peradaban

undang-undang. Nilai-nilai ini adalah universal seperti nilai-nilai yang diikuti dan dipraktikkan oleh masyarakat dunia. Kita rakyat Malaysia adalah komited untuk mempertahankan nilai-nilai ini dan rang undang-undang yang dibahaskan hari ini adalah bertujuan berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa dalam mempromosikan hak asasi manusia kita haruslah sentiasa merujuk kepada, dengan izin, United Nations Universal Declaration of Human Rights 1948 dan bukan sahaja Perlembagaan Persekutuan. Namun demikian, ini tidak sepatutnya menolak hakikat bahawa Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang terunggul di Malaysia. Universal Declaration of Human Rights atau mana-mana juga perjanjian antarabangsa, walaupun relevan tidak seharusnya mendahului Perlembagaan Persekutuan. Jika ini dibenarkan berlaku bermakna kita menyerahkan kedaulatan dan kemerdekaan kita sebagai satu negara yang merdeka. Kita tidak boleh membenarkan ini berlaku.

Walau bagaimanapun, kita boleh membuat rujukan kepada Universal Declaration of Human Rights, dengan izin, dan mengambil iktibar dan pengalaman daripadanya sekiranya ia adalah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Malaysia ini telah mengambil kira perkara ini dan Seksyen 4(4) Rang Undang-undang menyatakan "*Bagi maksud ini perhatian hendaklah diberikan kepada pengisian sejagat hak asasi manusia 1994 setakat yang mana perisytiharan itu tidak tak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan*". Saya tidak faham kenapa mesti menggunakan terjemahan 'tidak tak selaras'.

Seperti yang saya sebutkan tadi, rang undang-undang adalah komited untuk mempromosi dan mempertahankan hak asasi manusia di Malaysia ini. Ini dinyatakan dengan jelas dalam pendahuluan kepada rang undang-undang ini. Tambahan pula, Seksyen 4 mencatatkan bahawa fungsi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia termasuk mempromosikan kesedaran hak asasi manusia dan Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk menjalankan penyiasatan ke dalam pengaduan mengenai

penceroobohan mengenai hak asasi manusia ini untuk menyaman saksi dan menerima dokumen serta untuk membuat syor-syor kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga memperuntukkan pelantikan ahli-ahli suruhanjaya oleh Yang di-Pertuan Agong di atas cadangan Perdana Menteri. Saraan dan elaun bagi ahli-ahli suruhanjaya juga ditetapkan dan ini adalah selaras dengan undang-undang lain berkaitan dengan kehakiman supaya memastikan kebebasan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia tetapi Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua isu penting di dalam rang undang-undang ini di mana saya ingin membangkitkan bagi pertimbangan menteri yang bertanggungjawab di dalam rang undang-undang ini.

Salah satu fungsi suruhanjaya adalah untuk menjalankan penyiasatan ke dalam mana-mana pengaduan mengenai penceroobohan hak asasi manusia iaitu Seksyen 4.1.(d) rang undang-undang ini. Hak asasi manusia adalah didefinisikan sebagai kebebasan asasi seperti termaktub dalam Bahagian 2 Perlembagaan tetapi ada undang-undang di dalam negara ini yang membenarkan tindakan tertentu walaupun tindakan-tindakan tersebut adalah melanggar kebebasan asasi di bawah Perlembagaan.

Sebagai contoh ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang membenarkan seseorang ditahan tanpa perbicaraan. Akta Keselamatan Dalam Negeri telah diluluskan berdasarkan Article 149 Perlembagaan Persekutuan yang secara spesifik membenarkan undang-undang diluluskan walaupun undang-undang tersebut melanggar kebebasan asasi di bawah Perlembagaan Persekutuan. Isu yang perlu dijelaskan adalah bagaimana Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini akan menghadapi situasi seperti ini. Ia adalah selaras dengan objektif asas Suruhanjaya Hak Asasi Manusia iaitu mempromosikan dan mempertahankan hak asasi manusia. Jika Suruhanjaya dapat meneliti isu ini secara kritikal untuk mengenal pasti sama ada undang-undang seperti ini yang lain melanggar kebebasan hak asasi. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini mengkaji semula akta-akta seperti Akta Keselamatan Dalam

Negeri tentang aspek ini dan mungkin mengesyorkan kepada kerajaan bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri mungkin boleh dimansuhkan jika perlu.

Saya tahu pada sidang Parlimen yang lalu, saya sendiri telah merayu kepada kerajaan supaya memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri atas sebab telah ada banyak undang-undang yang wujud sekarang yang mencukupi untuk mengatasi masalah mengenai keselamatan dalam negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada ucapan penangguhan Ahli Parlimen dari Teluk Intan di mana beliau telah menyatakan bahawa pemimpin-pemimpin kita perlu menunjukkan satu teladan bahawa kita juga jaguh dalam mempertahankan kedaulatan hak asasi manusia dan kemanusiaan. Saya memang bersetuju seratus peratus kerana seruan ini adalah ditujukan kepada pihak DAP. Saya ingin bertanya dan Yang Berhormat tahu apa sebab sebenar DAP tidak menyokong penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini kerana saya tahu bahawa DAP kkuatir jika suruhanjaya ditubuhkan, beratus-ratus atau beribu-ribu ahli DAP atau bekas ahli DAP akan membuat aduan bahawa hak asasi mereka khasnya Kebebasan Persekutuan atau Freedom of Association telah dilanggar dan saya tahu inilah triple standard DAP oleh sebab itu mereka selalu membantah akta ini.

Jadi, dengan ini saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Nampaknya masa kita suntuk, Yang Berhormat. Saya dapat membenarkan seorang lagilah.

Seorang Ahli: Jangan beri kepada Yang Berhormat dari Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Masa tidak cukup ya. Tanjong Karang. Selepas ini.....

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, PBS belum ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Duduk dahulu.

3.38 ptg.

Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang ‘terakhir’ bagi saya untuk menyampaikan sokongan saya ke atas Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. Terutama sekali saya ingin mengucapkan tahniah di atas kepekaan kerajaan untuk memastikan hak asasi manusia di negara kita ini terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Fasal 4(1) yang mana fungsi dan juga kuasa suruhanjaya di antaranya ialah untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubung dengan hak asasi manusia dan apabila menyebut hak asasi manusia ini kita bersetuju untuk kita berdasarkan kepada tafsiran di Fasal 2 iaitu hak asasi manusia merujuk kepada kebebasan asasi sebagaimana yang termaktub dalam Bahagian 2 Perlembagaan Persekutuan.

Jadi, kita tidak perlulah hendak merujuk kepada perjanjian-perjanjian konvensyen antarabangsa ataupun persetujuan-persetujuan atau perjanjian-perjanjian yang lain kerana bagi kita, negara Malaysia ini sudah cukup sebagai sebuah negara contoh yang boleh dianggap negara antarabangsa kerana di Malaysia ini terdiri daripada berbilang kaum, berbilang agama dan berbilang bahasa. Jadi, sudah tentu kita harus mengikut acuan kita sendiri, mengikut adat kita, mengikut nilai-nilai kita sendiri dan juga mengikut kehendak rakyat kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bila sebut soal hak asasi manusia ini, tanpa berlandaskan kepada Perlembagaan Negara kita, sudah tentu tafsirannya begitu luas. Sebagai contoh, hendak sebut fasal kahwin pun, Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ini juga mempunyai tafsiran yang berbeza-beza. Misal kata, ada agama-agama lain selain daripada agama Islam. Agama Islam kita boleh berkahwin, dibenarkan berpoligami – empat tetapi dengan syarat-syarat tertentu, bermaknanya dibenarkan oleh agama Islam tetapi bagi agama-agama lain di

negara kita poligami ini tidak boleh. Daripada segi itu sahaja hak asasi kahwin ini juga sudah berbeza-beza di antara satu agama dengan satu agama yang lain dan kalau mengikut agama yang lain, saya tanya Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, katanya simpan girl-friend boleh, [*Ketawa*] kemudian bila sudah ada anak boleh dapat harta dengan syarat ada will tetapi kita tidak boleh. Kalau kahwin boleh, simpan girl-friend tidak boleh, itu hukumnya zina dan berdosa. Anak yang lahir ini anak haram, tidak berhak mendapat apa-apa harta. Jadi, dari segi kahwin pun sudah berbeza yang mana di negara kita ini terdiri daripada berbilang agama.

Jadi, kalau kita ini ikut Perjanjian Bangsa-Bangsa Bersatu, saya lihat yang hadir pada tahun 1948 pun, saya fikir tidak ada suara-suara daripada negara Islam diambil kira. Dalam memahami erti demokrasi sendiri pun kita mempunyai pandangan yang berbeza kerana kita tidak nafikan demokrasi ini ialah sesuatu negara yang kita memberikan kuasa kepada rakyat untuk memilih kerajaan tetapi dalam usaha kita untuk menentukan demokrasi juga, ada dua school of thought.

Satu, seperti mana yang kita gunakan sekarang iaitu cara memilih wakil-wakil kita mengikut kawasan-kawasan pilihan raya. Satu cara lagi ialah dengan cara proportionate representative (PR System). Inilah yang DAP minta. Saya pernah terbaca *Hansard* daripada Ketua Pembangkang – hendak ubah sistem kita daripada memilih mengikut kawasan pilihan raya dia mencadangkan supaya kita menggunakan PR System di dalam sistem pilihan raya di negara kita. Ini menunjukkan bahawa kalau kita cuba mengubah satu-satu *status quo* yang telah kita amalkan daripada dahulu kepada cadangan-cadangan baru yang mana saya percaya cadangan-cadangan baru ini juga dipengaruhi oleh orang-orang luar yang hari ini banyak meracuni pemikiran daripada parti-parti pembangkang sama ada DAP ataupun PAS dan juga hari ini ada orang menyebut KeADILan.

Seorang pemimpin KeADILan sebut fasal keadilan tetapi beliau sendiri pergi ke Filipina berjumpa dengan Presiden Filipina. Tanpa disedari bahawa di Filipina sendiri kita lihat bagaimana keadilan yang diberi kepada orang-orang

Islam di Filipina. Saya difahamkan di Sabah, hari-hari wakil PBS dari Sabah bangun, marah kepada kerajaan kita kerana ramai pendatang asing dan ramai pendatang asing ini adalah terdiri daripada rakyat Filipina yang menjadi pelarian di negerinya sendiri...

Tuan Yunof Edward Marinking: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, ada yang bangun.

Tuan Haji Noh bin Omar: Dan hari ini pemimpin kita, ada satu pemimpin parti politik memimpin parti KeADILan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Tuan Haji Noh bin Omar:meminta dan bersekongkol dengan seorang pemimpin negara yang tidak memberi hak yang sama rata kepada orang-orang Islam di negerinya sendiri. Masa tidak ada Yang Berhormat, kalau saya ada masa, saya beri nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita lihat pihak pembangkang ini mengambil satu-satu isu untuk menanggung di air keruh. Tadi banyak saya dengar beberapa isu yang dipercakapkan, beberapa akta yang dipersoalkan dan beberapa suruhanjaya yang dipersoalkan. Saya mengambil satu contoh, tadi PAS ada sebut bahawa Akta Universiti dan Kolej Universiti ini seolah-olah menghalang pelajar-pelajar kita daripada berpolitik yang menyebabkan pemikiran pelajar-pelajar kita ini jumud dan tidak boleh berfikir dengan waras tetapi dalam masa yang sama sesungguhnya pelajar-pelajar universiti kita diberi kebebasan untuk mereka berjumpa dan berbincang.

Sebagai contoh, pada bulan Julai 1999 yang baru ini, satu Konvensyen Mahasiswa Negara telah diadakan di Universiti Putra Malaysia. Konvensyen tersebut dihadiri seramai 500 orang perwakilan pertubuhan pelajar dan juga pemimpin mahasiswa daripada seluruh negara dan kita pun terkejut kerana dalam kata Akta Universiti dan Kolej Universiti ini menghalang pelajar-pelajar berpolitik

tetapi sesungguhnya di universiti hari ini begitu banyak pertubuhan pelajar yang kadang-kadang kita pun tidak pernah dengar nama-nama pertubuhan pelajar ini. Di antaranya Gabungan Mahasiswa Islam Semenanjung (GAMIS), Barisan Bertindak Mahasiswa Negara, Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia, Gerakan Mahasiswa Lantang Suara, Gagasan Mahasiswa Demokratik, Majlis Perwakilan Mahasiswa dan Majlis Persatuan Pelajar Seluruh IPTA dan IPTS dan beberapa lagi pertubuhan lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana hari ini pembangkang tahu bahawa pelajar-pelajar universiti hari ini tidak puas hati dengan akta yang juga diluluskan pada tahun 1974 oleh Barisan Nasional yang PAS pun juga pada masa itu ahli Barisan Nasional. PAS pun angkat tangan juga sokong Akta Universiti dan Kolej Universiti ini diluluskan tetapi hari ini mereka tahu oleh kerana pelajar-pelajar ini kurang puas hati dengan kerajaan mereka meracuni pemikiran pelajar-pelajar seolah-olah Akta Universiti dan Kolej Universiti ini menyekat daripada pelajar-pelajar untuk berpolitik dan hari ini pelajar-pelajar terpengaruh dan percaya dengan hujah-hujah daripada parti pembangkang sedangkan mereka sendiri tidak sedar bahawa dengan adanya konvensyen, dengan pelbagai resolusi yang mereka putuskan di dalam konvensyen tersebut membuktikan bahawa sesungguhnya pelajar kita tidak terikat untuk berpolitik di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin sentuh ialah isu BPR. Sebagai contoh, apabila sebut sahaja Badan Pencegah Rasuah, parti pembangkang selalu mempersoalkan kewibawaannya. Seolah-olah BPR ini menjadi alat kepada kerajaan, mereka suruh bertindak dan juga menyiasat pemimpin-pemimpin kerajaan. Harus diingat hari ini ramai pemimpin daripada parti kerajaan yang sedang disiasat dan sedang didakwa di mahkamah tetapi Parti PAS, baru BPR hendak pergi siasat, dua, tiga orang pemimpinnya sudah keluarkan satu statement di dalam *Harakah* seolah-olah satu konspirasi kerajaan untuk menjatuhkan pemimpin-pemimpin PAS. Bila kena batang hidung mereka, mereka hendak

melenting tetapi apabila pegawai-pegawai, pemimpin-pemimpin kerajaan didakwa, mereka diam membisu tetapi apabila dakwaan mereka tidak diperindahkan, mereka jadikan satu isu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Sila gulung, Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Begitu juga dengan SPR pun yang saya tahu banyak kes daripada parti pembangkang menang. Di dalam petisyen pilihan raya di Sarawak, dua, tiga kes menang tetapi apabila kes mereka kalah, mereka kata SPR ini dijadikan alat oleh kerajaan dan begitu juga dengan keadilan mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, di mahkamah hari ini kita lihat oleh kerana ada kes orang-orang tertentu, kewibawaan mahkamah hari ini dipertikaikan. Percayalah cakap saya, kalau hari itu Dato' Seri Anwar Ibrahim ditangkap di bawah ISA tanpa dibicarakan di mahkamah terbuka, sudah tentu pembangkang akan menggunakan isu ini, bahawa ditangkap tanpa bicara Dato' Seri Anwar Ibrahim. Hari ini kita bawa perbicaraan terbuka dekat 68 hari, kalau saya tidak silap bicara. Peguambelanya sampai sembilan orang, saksinya begitu ramai. Di dengar di mahkamah terbuka, apabila keputusan dibuat tidak menyebelahi mereka, mereka katakan mahkamah tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak gulung. Akhirnya, kita minta daripada PAS terutamanya apabila sebut hak asasi ini, kita kena ingat, kita jangan salah gunakan juga hak asasi berpolitik ini dengan agama. Ini dari Arau, saya hendak tanya di Tanjung Karang, Selangor

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, masanya

Tuan Haji Noh bin Omar: Nanti sekejap, sebelum ini saya tidak pernah dengar. Yang kata kalau undi PAS, 'masuk syurga' ini saya tidak pernah dengar. Tetapi hari ini oleh kerana PAS sudah banyak

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat dari Rompin bangun, masa untuk Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Haji Noh bin Omar: dia sudah mempengaruhi rakyat di Tanjung Karang. Dia kata undi PAS 'masuk syurga'. Ini betulkah dan apabila pemimpin dia mencarut, adakah agama kita menggalakkan pemimpin mencarut? Tetapi apabila menyentuh kepada mereka, mereka diam membisu. Saya beri sahabat saya dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. Sudah lebih. [Ketawa] Ya, Kota Bharu.

Tuan Haji Noh bin Omar: [Ketawa] Masa sudah habis, saya menyokong.

3.48 ptg.

Puan Hajah Illani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]: Terima kasih di atas peluang.

Tuan Yang di-Pertua, kita rakyat Malaysia harus mengalu-alukan penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 kerana ia akan diberikan mandat antara lain terus menggalak dan mempertahankan hak asasi manusia bagi rakyat Malaysia. Suruhanjaya ini merupakan infrastruktur penting bagi mengukuhkan lagi usaha-usaha ke arah penghormatan, penghayatan dan amalan yang berteraskan hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, tiada negara yang wujud yang memiliki rekod hak asasi yang 'perfect' atau yang sempurna. Semua negara harus memperbaiki hak asasi masing-masing. Berasaskan kemerdekaan, baru 42 tahun Kerajaan Malaysia telah banyak mencapai kejayaan serta kemajuan di dalam aspek hak asasi. Majoriti besar rakyat dan dunia mengakui bahawa demokrasi hidup subur dan hak asasi secara amnya dihormati di Malaysia ini. Penghargaan tinggi yang diletak kepada suara rakyat menyebabkan kita tidak terjerumus di dalam kancang peperangan atau huru-hara kecuali peristiwa 13 Mei 1969 yang segera dapat ditamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, keamanan mustahil dapat wujud atau terus kekal jika mana-mana pihak sering dan dengan sengaja dinafikan hak asasinya atau ditindas sehingga ia memberontak. Oleh itu kita rakyat Malaysia termasuk ahli dan penyokong parti pembangkang harus bersyukur di atas kebijaksanaan Kerajaan Malaysia iaitu Kerajaan Barisan Nasional memelihara dan mengekalkan keamanan. Umpamanya, dalam kegawatan rantau ekoran krisis ekonomi, negara kita tetap aman. Ini membuktikan kerajaan bijak menjaga kepentingan semua pihak termasuk hak-hak asasi rakyat. Dengan penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini kerajaan menunjukkan keikhlasan dan sikap keterbukaan terhadap teguran dan pandangan yang bertujuan untuk menambah keprihatinan kerajaan mengenai aspek-aspek hak asasi yang belum lagi sempurna atau ada sedikit kecacatan dan memerlukan dasar serta tindakan baru.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu aspek hak asasi yang pihak kerajaan harus beri perhatian ialah mengenai hak kesamarataan lelaki dan wanita. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, di dalam ucapan pembentangan rang undang-undang ini telah merujuk kepada Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu dengan izin, to reaffirm faith in fundamental human rights in the dignity and worth of the human person, in the equal rights of men and women and of the nation large and small'. Saya akui Kerajaan Malaysia telah banyak berusaha untuk melaksanakan hak asasi wanita supaya mengecapi hak-hak kemanusiaan seperti mana dikecapi oleh kaum lelaki. Umpamanya, Kerajaan Malaysia dalam usaha memajukan kesamarataan ini telah memperkenalkan Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan bagi memastikan Platform Beijing Tahun 1995 dapat dilaksanakan di Malaysia. Pendirian kerajaan juga jelas apabila ia menandatangani instrument antarabangsa mengenai hak asasi penting bagi wanita iaitu Convention on the Elimination of all forms of Discrimination Against Women (CEDAW).

Tuan Yang di-Pertua, ini berbeza kalau kita lihat kepada Kerajaan Negeri Kelantan yang nampaknya tidak menghargai wanita dan tidak ada pelan tindakan

ataupun dasar bagi memastikan kesamarataan. Tetapi walaupun kerajaan telah banyak membuat usaha

Tuan Haji Hashim bin Jasin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Arau bangun minta jalan.

Puan Hajah Illani binti Dato' Haji Isahak: Minta maaf, kalau banyak masa, saya pasti izinkan ya.

Walaupun banyak usaha telah dilakukan oleh kerajaan bagi benar-benar melaksanakan hak kesamarataan serta semangat konvensyen CEDAW, Saya masih mendapati banyak lagi ruang untuk diisikan oleh kerajaan. Oleh itu saya ingin mencadangkan keanggotaan suruhanjaya ini dipastikan melibatkan sejumlah tokoh-tokoh wanita yang berkelayakan dan jumlah mereka tidak harus kurang daripada satu pertiga keseluruhan anggota. Lebih baik kalau 50/50.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan suruhanjaya ini harus juga diikuti dengan penubuhan beberapa institusi atau infrastruktur hak asasi termasuk sebuah majlis yang berperanan memastikan secara sistematik dan berjadual segala diskriminasi yang dikesan, yang masih berlaku terhadap wanita dapat dihapuskan. Majlis ini boleh diberi nama Majlis Untuk Kesamarataan, antara tugasnya:

- (i) bolehlah bertindak sebagai jawatankuasa yang membuat penyelidikan dalam semua bidang bagi memastikan kesamarataan lelaki dan wanita dalam masyarakat;
- (ii) ia juga harus bekerjasama dengan pihak bertanggungjawab iaitu Kerajaan Pusat mahupun negeri dan lain-lain badan yang berwajib. Organisasi-organisasi berkaitan guna tenaga dan lain-lain badan bagi menyediakan ataupun mencadang perubahan dan reform dalam mempromosikan kesamarataan antara lelaki dan wanita;
- (iii) membuat susulan serta menggalak integrasi prinsip kesamarataan dalam pelan mengenai masyarakat serta membuat cadangan-

cadangan untuk memantapkan lagi prinsip kesamarataan melalui latihan aktiviti pendidikan;

- (iv) mencadang perundangan dan dasar pentadbiran bagi mempromosikan kesamarataan; dan
- (v) mengeluarkan barometer ataupun satu publication yang boleh dianggap sebagai barometer kesamarataan yang memberi indikator mengenai kesamarataan dalam bidang pendidikan, pekerjaan, pendapatan, pengagihan perkhidmatan, penglibatan dalam aktiviti sosial, bidang membuat dasar ataupun keputusan, kesihatan, jenayah dan juga pengalaman lelaki dan wanita di dalam perhubungan kekeluargaan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, majlis ini penting sebagai salah satu infrastruktur hak asasi bagi memajukan hak-hak asasi wanita. Masih terdapat terlalu banyak kes diskriminasi umpamanya tiga hari yang lalu sebuah yayasan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan akan mengadakan temuduga bagi memenuhi jawatan di bawah yayasan tersebut, di mana calon-calon dibuka kepada kedua-dua jantina lelaki dan wanita. Tetapi malangnya, saya dimaklumkan bahawa calon-calon wanita tidak digalakkan dan tidak akan dipanggil untuk temuduga. Ini saya terpaksa membantah kepada pegawai yang memberikan maklumat itu kepada saya kerana saya kata ini menjejaskan hak asasi wanita, ini satu diskriminasi. Ini menunjukkan bahawa general sensitiviti itu belum begitu meluas di kalangan pegawai-pegawai dan ini membantutkan usaha kerajaan untuk mempromosikan kesamarataan. Saya kluatir diskriminasi ini akan terus berlaku jika kita tidak adakan infrastruktur seperti mana yang saya cadangkan iaitu satu majlis untuk kesamarataan

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat Parlimen juga harus kita mengadakan Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi dan Jawatankuasa Khas Pilihan Khas (CEDAW). Saya cadangkan ia ditubuhkan memandangkan kita ini akan melangkah ke abad 21 dan alaf yang baru. Sudah sampai masanya bagi kita Ahli-

ahli Parlimen sebagai mewakili suara rakyat melalui jawatankuasa-jawatankuasa tetap ini secara berterusan memberi perhatian kepada isu-isu hak asasi.

Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tuaran.

4.56 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pembentangan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini memang merupakan satu detik yang bersejarah di dalam negara kita dan amat penting bagi rakyat Malaysia. Ia menjelaskan ataupun menunjukkan bahawa pihak kerajaan sesungguhnya menerima hakikat bahawa hak asasi masyarakat di Malaysia kian terancam dan justeru inilah, pihak kerajaan terdesak untuk membentangkan rang undang-undang ini. Tetapi malangnya seperti yang saya telah katakan semasa meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ketika berucap membentangkan rang undang-undang ini, Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini sangat mengecewakan. Ini kerana akta ini bagaikan 'harimau yang tidak bergigi' dan mungkin hakikat untuk membentangkan undang-undang ini tidak akan tercapai ataupun matlamatnya tidak akan tercapai.

Sesungguhnya memang rang undang-undang ini hanyalah semata-mata 'PR Exercise' oleh kerajaan sahaja. Menurut Seksyen 2 akta yang dicadangkan ini hak asasi manusia bagi maksud akta ini hanyalah merujuk keada kebebasan yang termaktub dalam Bahagian 2, Perlembagaan Persekutuan. Di dalam hal ini, apakah ertinya kita membentuk satu undang-undang lagi sedangkan Perlembagaan sendiri telah memberi satu perlindungan kepada rakyat Malaysia mengenai hak yang termaktub di situ dan adakah suruhanjaya ini nanti lebih berkuasa daripada mahkamah yang akan menentukan hak mereka yang tersentuh seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Inilah dikatakan bahawa ini hanyalah merupakan tindakan yang 'melepaskan batuk di tangga'.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya kalau kerajaan bersungguh-sungguh inginkan satu badan yang boleh bertindak untuk menyiasat hal-hal yang termaktub di dalam Perlembagaan, ia seharusnya dibentuk mengikut kuasa yang ada termaktub di dalam Perlembagaan dan bukan daripada undang-undang yang kita adakan seperti yang dicadangkan ini.

Saya berpendapat begini oleh kerana kalau kita lihat daripada fungsi dan kuasa suruhanjaya itu seperti yang termaktub di dalam Seksyen 4, ini menunjukkan bahawa kerajaan langsung tidak mengambil kira pandangan Ahli-ahli Dewan Rakyat. Mereka hanya mahu mendengar saranan ataupun pandangan ahli-ahli Suruhanjaya ini. Jadi apakah kebijanya kalau kita Ahli-ahli Dewan Rakyat memberi pandangan dan kerajaan mengambil kira, kita ini penggubal dasar dan di sinilah tempat di mana kita harus mendebate apa-apa dasar yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan. Jangan kira, jangan pandang daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat kerajaan ataupun pembangkang. Yang pentingnya ialah isi kandungan apa yang disarankan. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ambil contoh misalnya keputusan pilihan raya tidak dihormati.

Di Sabah, pihak pembangkang konon tidak akan mendapat bantuan pihak Kerajaan Persekutuan oleh kerana dia kata dia menentang kerajaan. Apakah ertinya rakyat diberi kebebasan untuk memilih kerajaan ataupun memilih wakil sekiranya mereka didenda dari segi penganiayaan menafikan hak mereka untuk mendapatkan peruntukan pembangunan hanya kerana semata-mata tidak memihak kepada kerajaan. Bukankah ini satu pencabulan hak asasi yang dimaktubkan di dalam Perlembagaan?

Jadi, yang keduanya mengenai accessibility of information. Semua hak rakyat yang penting tidak dapat disampaikan oleh kita oleh kerana kadangkala source of information itu dicetak dan di kelas ataupun dikategorikan bahawa rahsia kerajaan. Ada satu contoh di mana ahli Dewan Rakyat Tanjong Aru yang terpaksa pergi ke mahkamah untuk meminta satu declassification of information

oleh kerana kerajaan mahukan information itu tidak disampaikan kepada rakyat. Jadi, dalam konteks ini selagi rakyat ataupun kerajaan terlalu menegaskan ataupun melindungi information yang penting untuk rakyat dengan mewujudkan Official Secret Act, saya rasa ini adalah satu pencabulan hak asasi rakyat yang berhak untuk mendapatkan informasi.

Yang kedua, selagi Akta Keselamatan Dalam Negari itu yang kononnya terlalu penting untuk kestabilan negara itu tidak dibatal, saya rasa Akta Hak Asasi Manusia Malaysia ini akan gagal sebelum ia dilaksanakan. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya pihak menteri bersetuju untuk membuat pindaan khususnya di seksyen 20 akta ini supaya Suruhanjaya itu akan bertanggungjawab terus kepada Parlimen dan bukan hanya memberi laporan sahaja, setahun sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Minta gulung, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Marinking: Kalau begitulah pelaksanaan akta ini kelak, maka saya rasa ini hanyalah satu Suruhanjaya yang tidak lebih daripada Biro Siasatan Awam sahaja yang memang sudah sedia ada, tidak mempunyai kuasa apa-apa. Lebih baik kita mengadakan satu jawatankuasa di dalam Parlimen ini di mana perkara-perkara yang disiasat oleh Suruhanjaya ini nanti dirujuk kepada Parlimen dan bukan kepada kementerian yang berkenaan oleh kerana they will sweep the problem under the carpet, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya cadangkan kita tidak perlu tergesa-gesa untuk meluluskan hak asasi ini. Saya telah katakan tadi bahawa ini memang penting dan sangat dialu-alukan oleh rakyat keseluruhannya tetapi dibuka di dalam bentuk apa yang ada dibentangkan sekarang ini perlu penyelidikan yang lebih menyeluruh dan perbincangan yang lebih meluas termasuklah rakyat di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Sibu.

4.05 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, mass media Barat dan pemimpin negara Barat sentiasa mengkritik negara kita kekurangan hak asasi manusia. Mereka termasuk Amerika Syarikat tidak mengambil kira situasi asas hak asasi manusia di negara-negara lain, mereka hanya menimbang taraf hak asasi manusia di negara mereka sahaja. Attitude ini adalah sangat angkuh dan jahil. Hak asasi manusia mempunyai pelbagai maksud dari satu negara ke satu negara.

Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara sedang membangun hak asasi manusia bermaksud kerajaan memastikan bahawa rakyatnya mempunyai cukup makanan, kediaman, pendidikan dan kesihatan. Di dalam nilai dan kebudayaan Timur atau negara-negara Timur, seseorang perlu sentiasa utamakan hak asasi manusia umum sebelum mengira kepentingan sendiri. Tetapi di negara-negara Barat yang telah maju, individu-individu sentiasa utamakan hak asasi mereka sendiri sebelum mengira hak asasi manusia umum. Mereka pun tidak nampak kekurangan hak asasi manusia di dalam negara mereka, contohnya situasi yang buruk terhadap keturunan-keturunan Red Indian di Amerika Syarikat dan Aborigines di Australia.

Tuan Yang di-Pertua, kita rakyat Malaysia perlu cukup berani menentang kritikan negatif kepada negara kita oleh mass media Barat dan pemimpin-pemimpinnya melalui mass media elektronik dan Internet.

Tuan Yang di-Pertua, mahasiswa-mahasiswa Malaysia dan duta-duta Malaysia di negara asing dan NGO perlu meningkat kempen untuk menentang kempen hak asasi manusia negatif terhadap negara kita. Saya merayu dengan ikhlas kepada semua NGO, parti politik khasnya dari pembangkang, mahasiswa-mahasiswa kita, supaya janganlah dipergunakan oleh pihak-pihak tertentu yang mempunyai satu agenda yang mencemar nama negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini ialah satu bukti yang kukuh yang harus ditunjukkan kepada negara-negara asing khasnya negara-negara Barat

bahawa kita serius terhadap menjaga hak asasi manusia di dalam Malaysia, kita mean business, dengan izin, dan kita boleh mencapai taraf hak asasi manusia yang tinggi yang tidak perlu dicampurtangan oleh orang asing.

Tuan Yang di-Pertua saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kapar.

4.10 ptg.

Dr. G. Leelavathi [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan taniah kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kerana telah membentangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia di Dewan yang mulia ini. Ini telah membuktikan pihak kerajaan yang diterajui oleh komponen-komponen parti Barisan Nasional begitu mengambil berat serta prihatin berkenaan berkenaan masalah hak-hak asasi manusia di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak negara kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, telah banyak kemajuan yang dicapai oleh negara kita di dalam bidang pendidikan, pertumbuhan ekonomi, kesihatan, pembasmian kemiskinan dan pelbagai lagi. Di sini saya ingin memberikan perbandingan tersebut di mana peratusan kejayaan golongan wanita di dalam bidang pendidikan juga telah meningkat yang mana di zaman selepas kemerdekaan hanya terdapat 15% golongan ini yang berjaya di dalam bidang pendidikan tetapi pada masa kini, peratusan kejayaan golongan wanita telah meningkat menjadi sebanyak 90% di dalam bidang pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak saya tekankan di sini ialah berkenaan dengan hak-hak wanita itu sendiri di mana pada masa kini, kebanyakan golongan wanita di negara kita telah pun mempunyai pekerjaan. Pihak kerajaan hendaklah memastikan bahawa golongan wanita mendapat hak-hak sewajarnya di

tempat kerja mereka. Pada masa kini juga telah kedengaran kes-kes yang melibatkan golongan pekerja wanita di tempat kerja mereka umpamanya kes-kes gangguan seksual, diskriminasi terhadap wanita dan sebagainya. Pihak kerajaan hendaklah memandang serius dengan masalah tersebut yang sekiranya tidak diambil tindakan segera ianya boleh menjejaskan wanita itu sendiri serta boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan produktiviti negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini juga golongan wanita di luar bandar telah ramai berhijrah ke bandar-bandar besar untuk bekerja di sektor perkilangan dan di pejabat-pejabat swasta serta kerajaan. Pihak kerajaan menerusi agensi-agensi yang wajar hendaklah memastikan bahawa tiada berlakunya sebarang eksploitasi serta diskriminasi kepada mereka ini di tempat kerja. Saya menekankan masalah ini kerana mereka ini adalah golongan yang baru berhijrah ke bandar di mana kemungkinan berlakunya perubahan yang mendadak terhadap diri mereka dan kemungkinan mereka tidak mendapat maklumat yang jelas berkenaan hak-hak diri mereka di tempat kerja masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan agar pihak kerajaan memberi hak-hak yang sewajarnya terhadap golongan wanita di negara ini terutamanya di dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan, sosial dan sebagainya kerana golongan wanita juga adalah mereka yang menyumbang sumbangan yang besar di dalam pembangunan serta pertumbuhan ekonomi di negara yang kita cintai ini.

Akhir kata, saya mohon menyokong terhadap rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Lumut.

4.15 ptg.

Dr. Yap Yit Thong [Lumut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Negara kita telah dilanda kegawatan ekonomi sejak pertengahan tahun 1997 ekoran serangan kepada mata wang ringgit Malaysia dan BSKL oleh hedge funds daripada seluruh dunia. Media asing dan parti pembangkang menuduh kerajaan

salah mentadbirkan ekonomi menyebabkan pelabur asing telah hilang kepercayaan dan keyakinan kepada Malaysia. Pihak tersebut telah menuduh kerajaan kurang akauntabiliti, ketelusan dan hak asasi manusia apabila Malaysia melaksanakan sistem kawalan kewangan mata wang terpilih untuk menyelamatkan ekonomi kita.

Media asing dan parti pembangkang memberi satu gambaran yang begitu teruk terhadap ekonomi dan kerajaan Malaysia. Tetapi buat masa ini, kita boleh tengok dan merasai tanda-tanda positif yang menunjukkan ekonomi Malaysia telah mulai pulih tanpa bantuan daripada IMF.

Saya ingin menegaskan bahawa Malaysia ialah sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen sejak kemerdekaan pada tahun 1957. Pilihan raya umum yang telah diadakan selalu menunjukkan satu sistem yang free and fair, dengan izin, bebas dan adil. Dalam Perlembagaan Persekutuan, kebanyakan isu berkenaan hak asasi manusia telah dipertahankan seperti kebebasan agama dan hak pendidikan.

Malaysia ialah sebuah negara yang muda, berumur 42 tahun dan terdiri daripada berbilang kaum, berbilang agama dan berbilang budaya dalam masyarakatnya. Namun demikian, penerimaan instrument hak asasi manusia mesti mengambil latar belakang sosial, ekonomi dan budaya negara kita serta kesesuaiannya mestilah diambil kira. Kerap kali hak individu hendaklah dikorbankan supaya hak komuniti dicapai, dalam perkataan lain, negara kita lebih menegaskan kepentingan hak komuniti.

Memandangkan negara kita hendak mencapai status negara yang membangun dan mencapai Wawasan 2020, kita perlu mewujudkan kesedaran isu berkenaan hak asasi manusia. Sehubungan dengan ini, saya ingin mengalu-alukan kerajaan membentangkan satu Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. Mandat yang diberikan kepada Suruhanjaya ini memang boleh membantu kerajaan dari segi memupuk kesedaran, pendidikan berhubung isu-isu hak asasi manusia, mengesyorkan kepada kerajaan berhubung menandatangani, meratifikasi surat cara-surat cara antarabangsa mengenai hak

asasi manusia dan menyiasat aduan berkenaan pelanggaran dan pencabulan hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah mempunyai undang-undang yang melindungi hak asasi manusia terhadap wanita dan kanak-kanak seperti dengan izin, Women and Young Girl Protection Act, Infant Guardianship Act 1941, Child Protection Act 1941 dan Juvenile Courts Act 1947. Tambahan pula The Child Act akan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Ini menunjukkan bahawa kerajaan telah memberi kepentingan isu-isu terhadap wanita dan kanak-kanak berasaskan kepercayaan kerajaan di atas hak asasi manusia untuk wanita dan kanak-kanak. Memandangkan kerajaan telah mengiktiraf kepentingan isu-isu terhadap wanita dan kanak-kanak dan kebanyakan NGO wanita yang begitu aktif dalam hal ini, saya dengan ini ingin mencadangkan bahawa sekurang-kurangnya 20% anggota AJK Suruhanjaya ini dipegang oleh wanita supaya mereka boleh memainkan peranan yang lebih aktif.

Tuan Yang di-Pertua, parti pembangkang selalu cuba memberi gambaran palsu bahawa mereka adalah tokoh hak asasi manusia. Malangnya diperhatikan dalam DAP tidak ada amalan demokrasi dan penghormatan hak asasi manusia individu. Saya difahamkan bahawa bekas pemimpin DAP yang telah meletakkan jawatan, tidak dibenarkan memasuki lain-lain parti pembangkang seperti dinyatakan oleh bekas pemimpin DAP, Encik Mohd. Asri dari Perak, DAP sendiri telah mewujudkan ISA untuk ahli-ahlinya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya difahamkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menerima dan pengesahan 25 International Human Rights Instrument tetapi negara kita telah menandatangani dan meratifikasikan sahaja lima instrument serta menandatangani tetapi belum meratifikasikan satu. Saya berharap Suruhanjaya ini akan bertugas bersungguh-sungguh mengkaji dengan teliti dan menyelidik serta membangunkan instrument-instrument lain yang belum ditandatangani.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kubang Kerian.

4.22 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia merupakan satu langkah yang baik yang dibuat di Malaysia sekarang ini. Walaupun persoalan-persoalan yang begitu banyak ditimbulkan terutama sekali di bawah konsol, NGO dan sebagainya kerana mereka melihat bahawa Suruhanjaya Hak Asasi Manusia itu hendak dilaksanakan perlu diselesaikan beberapa perkara asas yang menjadi perbincangan masyarakat muktahir ini. Kita melihat di Parlimen ini apabila sesuatu rang undang-undang yang begini penting, cubalah kita berbincang mengikut aliran parti tetapi mengikut wisdom dan pemikiran kita.

Saya melihat baru-baru ini, trend itu timbul iaitu dalam BN ada dua orang yang berani bercakap misalnya mengkritik ISA dan meminta ISA dihapuskan. Ini satu trend yang baik, kita berharap yang lain pun begitu juga. Setiap satu rang undang-undang biarlah kita berbincang di sudut facts dan finger, faedah-faedah kepada negara, bukan “aku” atau “saya” daripada parti mana. Ini amatlah penting sebab kita melihat di Malaysia ini, pendirian suatu perkara apabila ia berada di mana-mana parti politik. Kalau ia berada di parti pembangkang, ia menghentam semua yang kerajaan buat. Kalau ia di pihak kerajaan, ia menyokong semua walaupun tidak betul. Kemudian apabila ia berpindah parti, ia pula menukar pendiriannya yang dibuat dahulu. Ini suatu suasana yang kita melihat dan menyebabkan rakyat menilai ahli-ahli politik kadang-kadang berada di tahap yang cukup rendah.

Kita mesti juga membuat kajian menyeluruh terhadap Police Act, Akta Mesin Cetak, ISA, College Act, semuanya dikaji dahulu sebelum Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dapat berfungsi. Rakyat bertanya, kenapa rakyat di luar negeri

menubuhkan Kelab UMNO, kenapa di dalam negeri tidak boleh ditubuhkan Kelab UMNO, begitu juga Kelab PAS atau kelab-kelab parti yang lain. Pelajar-pelajar tidak suka menganggotai mana-mana parti politik tetapi mereka suka untuk berada di kelab-kelab untuk membincangkan hal-hal politik. Perkara ini perlu diambil kira untuk kita melahirkan satu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Begitu juga hak untuk berkumpul, apalah salahnya sekarang kita sudah menjadi masyarakat yang telah berfikiran waras. Kita diberi hak kepada masyarakat untuk berkumpul. Kita mulakan misalnya setiap hari Ahad seperti di High Park tetapi beberapa syarat Akta Hasutan tidak boleh disentuh, mereka boleh mengambil bahagian, meluahkan ucapan mereka. Saya mencadangkan di Padang Merbok atau di Lake Garden ataupun kalau hendak membuat percubaan awal boleh dibuat di Kelantan. Kita pratikkan perkara ini, jangan kita takut supaya mereka yang hendak melahirkan suatu pandangannya boleh dilahirkan di situ dengan kawalan polis yang tidak bersenjata, kita boleh mencuba perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita melihat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, beberapa perkara asas belum diselesaikan di Malaysia dan di antaranya ialah hak berpersatuan, banyak lagi pihak pekerja belum berjaya lagi menubuhkan persatuan seperti pekerja elektronik, syarikat-syarikat Amerika memang double standard di negara mereka. Mereka izinkan pekerja menubuhkan kesatuan tetapi apabila mereka melebarkan modal ke luar negara, mereka sendiri kadang-kalanya tidak menggalakkan pekerja mereka menubuhkan kesatuan. Hak menubuhkan kesatuan mestilah dijamin oleh kerajaan terlebih dahulu sebelum kita bincangkan hak asasi manusia yang lebih jauh. Begitulah juga kita melihat hak asasi dalam bidang media. Ini perkara yang paling berat dihadapi oleh Dunia Ketiga, khasnya Malaysia.

Kita melihat *Harakah* dikritik, *Harakah* dihentam. Apa, itu hak asasi pihak Barisan Nasional untuk mengkritik *Harakah*? Yang pentingnya izinkan *Harakah* itu dikeluarkan untuk harian. Kemudian pula kami berhak mengkritik *Utusan*.

Kami juga berhak mengkritik akhbar yang lain, pro-kerajaan. Ertinya rakyat sudah ada satu benda yang mereka boleh release tension iaitu mereka yang marah pada *Harakah*, baca *Utusan* pengubat hati. Mereka yang marah pada *Utusan*, baca *Harakah* mengubat hati. Kemudian kita melihat apabila Yang Berhormat dari Batu Berendam membakar *Harakah*, maka pemuda-pemuda PAS pula menguburkan *Utusan*. Ini demokrasi baik macam ini, yang saya lihat di sini sudah ada penyeimbangan sedikit sebanyak dalam bidang pemberitaan ini.

Tetapi bagaimana hal-hal elektronik, televisyen, bagaimana rakyat begitu meruap apabila melihat TV3 memanipulasikan berita-berita. Kami tidak ada TV untuk menjawab balik. Kalau *Harakah*, kami ada untuk menjawab *Utusan*, TV bagaimana? Sehingga ada orang kampung meludah televisyen, tumbuk televisyen dan tangannya sakit, televisyen kena beli lain. [*Ketawa*] Ini yang kita lihat perkara-perkara seperti ini meruap, rakyat makin meruap.

Kalau dalam bidang akhbar, saya kata tadi meruap kepada *Utusan*, orang cari *Harakah*, meruap kepada *Harakah* orang mencari *Utusan*. Tetapi orang marah kepada TV, hendak buat apa sekarang? Sebab itu kita melihat dalam Dunia Ketiga jarang berlaku pertukaran kerajaan melalui pilihan raya kerana demokrasinya, hak asasinya selalunya disekat begitu hebat. Kita melihat apa yang berlaku di Iran, apa yang berlaku di Sudan, apa yang berlaku di Filipina, apa yang berlaku di Indonesia, semuanya pertukaran kerajaan itu melalui jalan raya, melalui rakyat keluar tunjuk perasaan kerana mereka sudah tidak tahan menghadapi birokrasi pemerintah.

Kita mahu di Malaysia ini, kalau BN dapat pertahankan kerajaannya, dapat bertahan dengan demokrasi. Kalau pembangkang dapat mengambil alih, ambil alih melalui demokrasi. Kita tidak mahu cara rakyat keluar ke jalan raya contohnya telah berlaku reformasi baru-baru ini. Ini tidak lain kerana hilangnya keyakinan rakyat terhadap sistem perundangan di Malaysia, hilangnya keyakinan dan kepercayaan rakyat, sudah hilangnya kewibawaan kehakiman. Sebab itulah mereka hilang keyakinan, apabila hilang keyakinan, tidak perlu siapa suruh, rakyat

keluar ke jalan raya. Itu pun pemimpin tidak keluar, kita tidak menyeru mereka keluar. Kalau kita semua keluar ke jalan raya, barangkali ia jadi seperti di Korea, seperti di Indonesia dan juga seperti di Iran.

Perkara-perkara asas ini perlu dihormati bukan untuk kita bergurau sebab rakyat apabila ia meruap, sekarang cukup marah kepada TV3. Tidak ada siaran lain untuk kita curahkan, kalau marah ke Utusan, kita ada akhbar boleh menjawab. Jadi, saya sebut soal di sini bukan soal yang main-main, rakyat bila ia meruap walaupun 400, 500 yang buat kacau di Kuala Lumpur, sudah berat untuk kita menghadapi, bagaimana kalau mereka keluar puluhan ribu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia juga hendaklah menunjukkan sikap umumnya terhadap demokrasi, demokrasi dalam negeri dan juga demokrasi di luar negeri. Kita menyokong mana-mana kerajaan yang dipilih secara demokrasi, secara pilihan raya. Pada masa yang sama, Malaysia memainkan peranan untuk menyokong regim tentera di Burma, sedangkan regim itu menafikan keputusan pilihan raya. Ini yang kita perlu penjelasan sikap demokrasi dalam negeri dan sikap tidak demokrasi di luar negeri, begitulah juga sikap Amerika Syarikat. Amerika Syarikat kononnya juara hak asasi manusia, mereka menghebohkan hak asasi manusia dalam negara mereka, tetapi Amerika menyokong banyak negara-negara Arab yang langsung tidak ada pilihan raya di negara Teluk bahkan merekalah melalui CIA mereka, ejen-ejen mereka membiayai dan mempertahankan negara-negara Arab di Teluk. Sebaliknya Iran yang ada pilihan raya, negara itu ditekan semata-mata dasar yang dibawa oleh negara itu tidak disukai oleh mereka, begitulah juga keadaan di negara-negara lain kita lihat double standard Amerika itu kadang kala cuba ditiru oleh Malaysia. Kita tidak menyokong demokrasi di Burma sebaliknya berbaik-baik dengan regim tentera sehingga membawa Burma itu ke negeri ASEAN ini. Jadi sikap umum ini perlu ditegaskan oleh kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga hendaklah ada sikap yang jelas terhadap hak asasi manusia, pendatang-pendatang yang datang ke negara ini. Kita hendaklah

membahagikan mereka di antara pendatang mencari kerja dengan mereka yang datang kerana meminta perlindungan politik. Imej kita dalam memberi kerja agak baik tetapi dalam melindungi mereka yang meminta perlindungan politik agak tercemar, misalnya bagaimana operasi yang dilakukan terhadap mereka yang berasal daripada Aceh di penjara, bagaimana video itu dapat diedarkan di seluruh dunia dan pihak polis yang supply, yang beri video itu, bagaimana kejamnya dilakukan terhadap pendatang-pendatang Aceh yang tidak mahu pulang ke negeri mereka sebab mereka kata mereka bukan pendatang untuk cari makan tetapi mereka adalah pejuang-pejuang kemerdekaan sehingga selepas itu rakan-rakan mereka terpaksa lompat masuk ke Kedutaan Switzerland, Perancis, Amerika dan Brunei. Ini memberi imej yang agak kurang baik. Oleh itu hendaklah membezakan antara pendatang yang datang mencari makan dengan mereka yang ke sini semata-mata di atas kehendak-kehendak tekanan politik di negara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang paling berat dipandang oleh rakyat sekarang ialah hak asasi di bidang perundangan sebab rakyat selama ini yakin bahawa Malaysia rakyatnya dijamin di bawah Perlembagaan tetapi mutakhir ini kita tidak berapa gembira, keputusan-keputusan tidak hormati bahkan dalam cakap-cakap umum orang gelarkan hakim, hakim 'chocolate hacks' dan macam-macam. Ini kita lihat suatu suasana yang tidak baik kerana bila suasana ini berlarutan maka orang melihat satu penghormatan kepada negara, soal kehakiman mula musnah dan perkara inilah Suruhanjaya Hak Asasi Manusia kena ambil kira betul-betul perkara ini. Kalau boleh mulakan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini siasat aduan ataupun kertas yang dibuat dahulu oleh Syed Ahmad Aidid seorang Hakim Mahkamah Tinggi yang mengatakan bahawa ada rasuah dalam kehakiman, Hakim naik pangkat pilih kasih, Hakim diumpam dengan rasuah sek, Hakim diberi tiket untuk ke luar negeri. Semua tulisan Syed Ahmad Aidid itu dahulu tidak ada tempat barangkali hendak disiasat sekarang oleh suruhanjaya ini.

Saya cadangkan, jadikan surat itu sebagai asas mereka untuk menyiasat dan memperbetulkan semula tanggapan rakyat umum terhadap sistem kehakiman di

negara kita, sebab kalau sistem kehakiman rakyat tidak hormat lagi buatlah keputusan apa pun maka rakyat menjadikan jalan raya tempat mereka mencurahkan perasaan mereka. Ini yang saya harap sungguh Tuan Yang di-Pertua.

Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Rompin.

4.34 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, DR12/99. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana berani dan mempunyai political will untuk membentang rang undang-undang ini. Syabas atas keberanian kerajaan. Saya mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, menyokong supaya diluluskan rang undang-undang ini.

Saya tertarik Tuan Yang di-Pertua, daripada ulasan, pandangan dan cadangan dari pihak pembangkang, saya semalam membaca *Handsard, ucapan Yang Berhormat dari* dari Tanjong. Selalunya Tanjong ucapannya mungkin saya daripada Barisan Nasional tidak boleh menerima pandangan beliau tetapi sekurang-kurangnya ada kualitinya. Pada kali ini sudah tidak ada kualitinya [*Y.B Tanjong bangun berjalan keluar Dewan*]. Dia sudah keluar dah. Dia tidak ada kualiti kali ini dan dia tidak ada apa hendak hujah, dia sudah keluar dah. Membaca bukan ucapan, membaca petikan kertas kerja oleh orang lain Tuan Yang di-Pertua, HAKAM, ini berkawan baikkah dengan HAKAM ini. Ataupun HAKAM ini ditubuhkan oleh DAP kah? Macam HAKAM ini menjadi agenda menggerakkan agenda di DAP. Betul saya tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua, dalam segi komposisi, isu komposisi ini menunjukkan contoh pandangan cetek Tanjong kali ini. DAP yang lain tidak tahulah. Atas isu komposisi ada baik, memang baik kerajaan mengatakan tidak lebih daripada 20 tetapi menghina mengambil peluang atas dasar isu komposisi 20 orang dalam suruhanjaya, menghina Senate. Mengatakan Senate ini rubbish dump, mengatakan Senate ini

patut dibubarkan tidak tahulah dalam Senate ini ada juga wakil negeri yang suasana sekarang ini bahawa kerajaan Barisan Nasional menguasai semua negeri kecuali Kelantan sebab itu ada wakil Kelantan dalam Senate.

Saya nampak DAP pada kali ini, Tanjong pada kali ini tidak ada modallah, macam kehabisan modal. Satu lagi tadi ini pembangkang seorang lagi dari PBS yang dikatakan 'batuk di tenggalah', 'harimau tidak bergigilah', apa lagi contoh yang digunakan. Tetapi saya hendak bertanya semasa PBS dahulu menguasai kerajaan Sabah apa yang PBS buat untuk membela rakyat Sabah, diberikan peluang tidak dibela. Begitu juga kawan saya di Kelantan, baru sebentar tadi dari Kubang Kerian. Saya tidak berkata saya tidak bersetuju pada semua yang dikatakan, tetapi kalau Malaysia ini tidak ada demokrasi Yang Berhormat dari Kubang Kerian, tidak mungkin Kelantan akan dikuasai oleh PAS. Ini sudah semestinya menunjukkan ada demokrasi di Malaysia, tetapi demokrasi yang kita mahu ialah demokrasi seperti yang memberi peluang kepada PAS menguasai Kelantan.

Berbalik kepada isu hak asasi manusia ini Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong hak asasi manusia, tetapi kita mahu hak asasi manusia mengikut acuan kita, negara kita Malaysia. Kita tidak mahu acuan Barat, jangan kita lupa Barat mempunyai agenda-agenda tertentu mereka. Saya membawa kerana kadangkadangkang Barat ini ada falsafah hak asasi manusianya, falsafahnya satu sahaja iaitu kepentingan peribadi at what ever cause, kepentingan individu what ever cause dengan izin. Kepentingan masyarakat umum itu diketepikan, atas hak individu dibiarkan sehinggakan sekarang hendak dihalalkan, legalize dengan izin, perkahwinan satu jenis hendak dihalalkan, kerana apa atas hak mengeneipikan hak umum, mengeneipikan tuntutan agama. Sudah halal sudah, di California, ada beberapa tempat. Apa PAS kata dalam isu ini, PAS menuntut jugakah supaya hak asasi manusia menghalalkan perkahwinan sejenis di Kelantan?. Adakah ini tuntutan PAS juga?

Saya yakin PAS tidak akan setuju, tetapi agenda politik yang sempit dia bersetuju juga Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu saya menyeru dalam peluang saya bahawa kita bersetuju ada hak asasi manusia tetapi kita mahu hak asasi manusia menurut acuan kita di negara kita ini, yang berasaskan multi etnik, banyak bangsa, banyak agama, banyak bahasa. Kita tidak mahu kebebasan bersuara sehingga membenarkan seorang individu mempersoalkan agama seseorang. Kita tidak mahu diberikan hak individu mempersoalkan hak bahasa dipraktikkan oleh seseorang yang lain, kita tidak mahu juga diberikan hak individu untuk persoalkan hak kebudayaan dipraktikkan oleh orang lain. Kalau ini kita biarkan berlaku jangan kita katakan May 69 tidak akan berulang lagi, jangan kita fikir ia tidak akan berulang kali. Inggeris ada pepatahnya yang dikatakan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *“Your liberty to swing your umbrella and swept it touch, somebody else knows.”* Bermakna falsafah Inggeris ini pun ada mengatakan hak individu itu ia akan berakhir bila ia mengancam kepentingan masyarakat umum, jelas Inggeris sendiri, Barat sendiri menerimanya, habis saya takut Barat ini gendangnya Tuan Yang di-Pertua, gendang hak asasi manusia ini kadang-kadang ada agenda yang tersendiri. Kita tahu mereka abuse the charter human rights.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya ini satu contoh, saya bagi satu contoh Tuan Yang di-Pertua, saya ada 10 minit sahaja untuk bagi contoh, mereka takut kemaraan ekonomi Barat, ekonomi negara Timur, ekonomi negara Selatan ini, satu contoh dia mengatakan bahawa tidak wajar anak-anak kecil ini, anak-anak yang sepatutnya bersekolah, mereka ini bekerja di kilang-kilang. Itu satu pandangan yang baik, tetapi saya hendak bertanya, apakah benar dari cita rasa hati mereka ini, Barat ini mahu anak-anak di negara yang membangun ini benar-benar mendapat pendidikan. Adakah mereka takut mereka ini apabila bekerja nanti barang yang dijual nanti ke Barat dengan harga yang rendah boleh menembusi pasaran mereka dan boleh menghakiskan ekonomi mereka. Adakah ini bukan agendanya? Kalau mereka benar-benar mahu menyelamatkan anak-anak muda

ini yang tidak ada sekolah, mengapa tidak mereka bagi bantuan persekolahan, bagi bantuan untuk buat sekolah, bagi bantuan untuk menghantar guru, ini tidak.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, agenda Barat ini kita jangan lupa, dalam hak asasi manusia United Nation charter Tuan Yang di-Pertua, ada peruntukan yang banyak, tetapi mengapa mereka ini ambil Artikel 9, 10, 11, charter itu sahaja, mengapa tidak charter yang lain juga diambil kira.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kepong hendak bangun boleh. Dalam hak asasi manusia ini, ada hak untuk mendapatkan pendidikan, ada hak untuk mendapatkan pembangunan dari segi ekonomi, ada hak untuk meningkatkan hak mereka untuk menggunakan resolusi mereka sendiri. Mengapa hanya perkara tertentu sahaja dalam hak kemanusiaan ini, charter hanya dilaung-laungkan oleh Barat.

Saya nampak pembangkang hanya mengambil kesempatan sahaja dalam pembentangan akta ini untuk mendapat mileage yang murah kerana mereka tahu pilihan raya sudah tidak lama, itu sahaja. Teluk Intan pun saya nampak begitu juga, tidak ada cara lain. Tidak usah haraplah jawatan Timbalan Setiausaha Agung yang kosong itu. Tidak dapat diberi kepada Teluk Intan. Jangan hendak

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun Yang Berhormat, masa Yang Berhormat pun sudah habis. Seminit lagi ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya saya ingin merumuskan Tuan Yang di-Pertua.

Pertama Datuk Menteri, saya menyokong bil ini tetapi kita mesti buat rang undang-undang tentang hak kemanusiaan ini mesti dengan acuan kita. Yang kedua, jangan kita terpengaruh dengan tuntutan Barat, tuntutan siapa juga termasuk pembangkang yang menggunakan kesempatan ini untuk pilihan raya, sebab mereka ini hanya untuk menang pilihan raya, apa jua usahanya, apa jua alasannya ia menghalalkan matlamat mereka, jangan kita dengar kepada tuntutan

mereka, yang pentingnya kerajaan diberi mandat dan kita uruskan kerajaan dengan baik.

Saya dengan ini turut menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Jelutong.

4.45 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang seperti ini sukar untuk disokong oleh seorang yang waras dan kami dalam pembangkang adalah waras. Adakah kerajaan mengambil berat mengenai rang undang-undang ini? Tujuannya adalah untuk menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia di Malaysia. Siapa yang membentang rang undang-undang ini dalam Dewan yang mulia ini? Kenapa bukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kenapa bukan Timbalannya, kenapa Menteri Luar Negeri? Tugasnya adalah untuk menjaga kepentingan negara di luar negeri, bukan di dalam negeri. Adakah kerajaan mengambil berat mengenai rang undang-undang ini?

Dalam Seksyen 2 – tafsiran ‘hak asasi manusia’ merujuk kepada kebebasan asasi sebagaimana yang termaktub dalam Bahagian 2, Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan dalam Perlembagaan bagi hak asasi manusia dalam negara, Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini adalah terhad kepada lapan item, fundamental liberty lapan item. Kenapa Universal Declaration of Human Rights mengandungi 30 item. Tadi Yang Berhormat dari Rompin tidak tahu berapa item di dalam Universal Declaration of Human Rights, saya mahu cakap lebih kurang di sini.....

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis: Teks saya boleh serahkan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah baca apa yang ada?

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis: 20, 30 kalau tak silap saya baca malam tadi, kalau hendak tengok saya beri. Tetapi pembangkang hanya pilih satu dua untuk kepentingan pembangkang sahaja.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, 30 dalam Universal Declaration of Human Rights dan Rompin sehingga hari ini selepas 1948 tidak mengetahui berapa peruntukan dalam Universal Declaration of Human Rights. *[Tepuk]* Jangan main-main. Apa yang penting adalah ini, Tuan Yang di-Pertua, adakah dalam negara ini human rights, apa yang ada dalam Perlembagaan tidak boleh dijaga oleh kerajaan. Saya dapat memberi Tuan Yang di-Pertua satu contoh dan contoh itu adalah mengenai bekas Timbalan Perdana Menteri dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, beliau telah ditahan pada 20 September 1998 di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, tetapi apa yang terjadi selepas penangkapan beliau, apa yang ditunjukkan terus terang adalah ini. Adakah keselamatan bagi seorang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri apabila di dalam tahanan polis?

Kes Dato' Seri Anwar Ibrahim di mana dalam sejarah dunia ini adalah seorang Timbalan Perdana Menteri yang dikurung dalam satu lokap di Bukit Aman dan dipukul oleh siapa? Bukan seorang.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara itu subjudicial, Yang Berhormat. Biarlah perkara itu dibicarakan dahulu.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of order ini.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan subjudicial, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi penjelasan.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, point of order...

Tuan R. Karpal Singh: Kerana Tan Sri Rahim Noor ada mengaku bahawa dia ada menghentam Dato' Seri Anwar Ibrahim.....

Tuan Yang di-Pertua: Ada point of order, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Jika point of order, saya tidak ada jalan lain.

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Rompin, apa dia point of order itu?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini tentang pecuniary interest, Tuan Yang di-Pertua, tengah cari point of order. Dia adalah peguam kepada bekas Timbalan Perdana Menteri membawa kes ini dalam Dewan. Pergi kepada perkara yang lainlah. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, dari segi point of order saya minta kita ambil perhatian kepada peruntukan Peraturan Mesyuarat 30 – dalam mahkamah, tidak elok dibincangkan pada masa ini. Yang Berhormat pun menjadi peguam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah saya jawab kedua-dua ini. Pertama bagi pecuniary interest, tidak ada pecuniary..interest kerana saya tidak caj dia apa-apa professional fees. Itu bermakna tidak ada pecuniary interest, mana ada?

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, Yang Berhormat.....

Tuan R. Karpal Singh: Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah apa yang saya bangkitkan tadi subjudicial? Terus terang, Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Rahim Noor ada mengaku bahawa dia menghentam Dato' Seri Anwar Ibrahim. Pengakuan dia ada dibuat dalam mahkamah dengan bersumpah depan Suruhanjaya Diraja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, selepas itu apabila dia telah pun dituduh dalam mahkamah, dia mengaku salah, Yang Berhormat. Jadi, itulah kedudukannya melainkan jika sekiranya mahkamah telahpun menghukumkan dia, itu lain perkara, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh apa yang diakui oleh dia, bukan apa yang didapati oleh mahkamah, dia sendiri mengaku.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,

Tuan Karpal Singh: He himself has admitted...

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, yalah. Yang Berhormat, ucaplah perkara yang lain. Ada lain-lain perkara lagi?

Tuan R. Karpal Singh: Ada, beberapa perkara lain. Tetapi perkara ini penting yang menunjukkan dalam negara ini apa yang ada, jika ada, hak asasi itu tidak dijaga oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kepada seksyen 2 Tafsiran – ‘Menteri’ ada ditafsirkan sebagai ‘Menteri yang dipertanggungjawabkan’ bagi hak asasi manusia. Siapa menteri ini - Menteri Luar Negeri, Perdana Menteri, Timbalan kepada Perdana Menteri atau Ibrahim Ali? *[Ketawa]*

Bolehkah satu tafsiran seperti itu yang tidak tepat untuk dipertahankan? Kenapa dalam Seksyen 2 dalam Tafsiran tidak menyatakan dengan tepat siapa Menteri itu. Tidak boleh jadi Perdana Menteri kerana rekodnya, rekod dia di antarabangsa bagi hak asasi manusia adalah zero – nil. Timbalan dia yang jadi Menteri Dalam Negeri tidak ada rekod langsung, siapa menteri yang akan bertanggungjawab bagi satu perkara yang serius seperti ini. Bolehkah saya dapat jawapan dari Menteri Luar Negeri yang harus pergi ke luar negeri, kenapa ada dalam Dewan ini? *[Ketawa]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Soalan ini sudah tidak masuk akal.

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis: Bolehkah beri saya jawab, penjelasan? *[Ketawa]*

Tuan R. Karpal Singh: Siapa dia, Tuan Yang di-Pertua?

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis: Tak ada standardlah! Standardkah tinggi cakap, komanlah!.

Tuan Karpal Singh: Ada peraturan.....

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis: You must be ashamed of yourself. Tak ada standardlah! **Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Ada peraturan..

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan apa yang hendak diucapkan lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Ada beberapa tajuk lain. Tuan Yang di-Pertua, dalam Seksyen 5, Seksyen 5 meperuntukkan dan ini adalah mengenai Seksyen 5 (3) - Anggota-anggota Suruhanjaya hendaklah dilantik daripada kalangan tokoh terkenal, siapa ini? Barangkali Ghazali Shafie.....

Tuan Yang di-Pertua: Biarlah, Yang Berhormat berucaplah. Biarlah benda ini.

Tuan R. Karpal Singh: Rompin mahu kacau, walaupun langsung tidak mengetahui apa hak asasi manusia. Siapa dia ini sekarang [*seorang ahli bangun – keluar Dewan*] Oh, bangun keluar. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup. Yang Berhormat Menteri sila jawab.

Tuan R. Karpal Singh: Baik, Tuan Yang di-Pertua.

4.55 ptg.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Parit Sulong, Seputeh, Kepong, Batang Lupar, Marang, Gelang Patah, Machang, Bintulu, Lanang, Sepang, Serdang, Tumpat, Senai, Ledang, Johor Bahru, Teluk Intan, Bukit Bendera, Tanjong Karang, Kota Bharu, Tuaran, Sibu, Kapar, Lumut, Kubang Kerian, Rompin dan Jelutong - walaupun dia tidak ada apa hendak cakap.

Tuan Yang di-Pertua, jelas sekali bahawa rang undang-undang ini menarik minat dan memenuhi kehendak dan kemahuan kita bagi mengamalkan soal hak-hak asasi manusia. Tuan Yang di-Pertua, malangnya di dalam perbahasan, kalau kita melihat pembangkang walaupun ada dari ahli pembangkang seperti daripada Kubang Kerian, Tuaran mengatakan kita tidak perlu mengambil pendekatan kepartian tetapi mereka sendiri mengambil pendekatan kepartian. Sedangkan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kerajaan, daripada Barisan Nasional mereka menyokong rang undang-undang ini dan membuat teguran-teguran yang membina

bagi kepentingan rakyat jelata, bagi menentukan kita dapat menterjemahkan hak asasi dari segi amalannya.

Yang Berhormat dari Tanjong, sebagaimana yang saya jangkakan telah bangkit daripada awal-awal lagi yang cuba mengacau, yang cuba membawa perkara-perkara yang beliau anggap bersesuaian dengan dia punya kefahaman hak asasi. Dia punya hak asasi tidak boleh ada orang membangkang dia dalam parti DAP.

Tuan Yang di-Pertua, Tanjong juga mempersoalkan....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Biar saya habis satu ayat ini, selepas itu hendak soal boleh. Soal baik-baik boleh, kalau tidak mengerti bahasa tidak boleh. Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana biasa, dia soalkan berkenaan dengan keikhlasan kita, ketiadaan demokrasi dan ketelusan. Ini yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat sedangkan Yang Berhormat sudah lama menjadi Ahli Yang Berhormat mewakili kawasan Tanjong dan saya fikir ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat memang bertujuan untuk membangkang semata-mata di atas asas membangkang.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri buat satu tuduhan bahawa kita DAP atau pucuk pimpinan DAP tidak benarkan sesiapa membangkang dalam parti. Bukankah ini sebenarnya tidak benar, oleh kerana adakah Yang Berhormat Menteri tahu, dalam parti DAP ada pilihan dibuat tanpa apa-apa sekatan, tidak macam UMNO dibekukan. Pucuk pimpinan tidak dibenarkan, dipilih atau dalam MCA di mana jawatankuasa pusat tertinggi, 25 kerusi tetap ada menu- menu Chinese Association, dalam UMNO tidak benar election Presiden, Timbalan Presiden. Dalam MCA menu diadakan tetapi dalam DAP kita ada election tiap-tiap kali tanpa ada apa-apa sekatan, sebab itu janganlah kita main-main parti politik.

Kita harap bahawa kita boleh menumpukan kepada isu-isu di hadapan Dewan yang mulia ini bahawa kita ada satu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang

baik dan sempurna. Kalau kita mahu main politik, kita perlu, tetapi saya rasa kita akan menyelewengkan dari tujuan rang undang-undang ini.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz Itu Seputeh kena buang.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat kena bercakap di atas asas fakta, jangan Yang Berhormat menegur orang lain sedangkan Yang Berhormat tidak menengok kepincangan dan keburukan parti Yang Berhormat, itu yang saya maksudkan. Yang Berhormat membuat ucapan hak asasi, sedikit sahaja yang menyentuh berkenaan dengan rang undang-undang ini tetapi banyak menyentuh persoalan politik. Jadi, ini dekat pilihan raya, mungkin Yang Berhormat hendak jadi juara tetapi saya beri chance, sebab itu saya tidak kacau.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Rompin bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta pandangan sedikit dari Datuk Menteri. Tadi Tanjong mengatakan dalam DAP ada demokrasi. Adakah Yang Berhormat hendak bagi peluang kepada Seputeh bangun dan mengatakan sebenar tarikh demokrasi dalam DAP?

Seorang Ahli: Permatang Pauh, Permatang Pauh.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ada saksi itu?
Nanti kita tengok siapa yang benar dalam Dewan ini.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, Tuaran jangan masuk campur, bukan kes Tuaran. [Ketawa]. Ini mesti ikut peraturan. Saya hendak katakan bekas Yang Berhormat dari Bukit Bintang ada menulis menunjukkan Yang Berhormat dari Tanjong tidak langsung mengamalkan demokrasi dalam partinya. Sudah keluar parti pun tidak boleh masuk parti lain. Jadi biar saya teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Penjelasan? Jangan ucapan!

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada ucapan. Kenapa tidak ada jawab mengenai sekatan atau larangan mengadakan pilihan raya dalam parti UMNO untuk Presiden, untuk Timbalan Presiden malah untuk supreme council pun ditangguhkan dan bukankah ini mencabuli hak-hak asasi. Kalau kita mahu cakaplah keadaan parti-parti. Kenapa tidak jawab?.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Inilah saya jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Ha, jawab dulu.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir Yang Berhormat kalau Yang Berhormat ingin bertanya berkenaan UMNO sila masuk UMNO. Yang Berhormat tidak mempunyai hak untuk bercakap berkenaan UMNO.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau mahu tanya DAP masuk DAP.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ini perkara yang telah terjadi, yang saya sebutkan perkara yang telah terjadi.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau mahu tanya DAP, masuk DAP, kalau tidak mahu jawab perkara UMNO tanpa...

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ha, ini Yang Berhormat tak erti.

Tuan M. Kulasegaran: Kita tak boleh masuk UMNO!

Seorang Ahli: Duduk, duduk!

Tuan M. Kulasegaran: You boleh masuk DAP.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: UMNO ada dia punya cara. Yang Berhormat kurang faham berkenaan cara kita tetapi kita tidak letakkan anak kita marah fasal anak. Tuan Yang di-Pertua, biar saya jawab pula yang ini - tidak usah kacaulah. Lepas itu boleh cakap bila hendak cakap. Berkenaan hak asasi ini Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah mengatakan di Dewan yang mulia ini bahawa beberapa perkara yang menunjukkan kerajaan tidak jujur ia adalah PR exercise dan kita telah meletakkan kedudukan hak asasi di tempat yang tidak sepatutnya. Biar saya jelaskan di sini, dalam keadaan ini kita tidak perlu membentangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi tetapi memikirkan bahawa perlu kita memberikan pendidikan dan memupuk penghayatan dan kefahaman terhadap hak asasi maka kita bentangkan rang undang-undang ini secara terbuka untuk dibincangkan, untuk diberikan pandangan. Saya menghargai setiap pandangan sama ada daripada parti pembangkang ataupun daripada NGO. Malangnya ianya digunakan sebagai satu platform untuk menghentam, menyerang kerajaan di atas perkara yang kita ambil yang memberikan ruang dan membukakan peluang untuk perkara-perkara yang melibatkan hak asasi dapat dibincangkan dengan sepenuhnya. Jadi kalau sebelum ianya ditubuhkan kita melahirkan kesangsian, kita tidak berpuas hati ke manakah akan kita bergerak?

Saya boleh mengambil tindakan dan mengatakan bahawa rang undang-undang ini tidak perlu dibentangkan. Kita perlu lagi mengkaji oleh kerana banyak negara lain tidak menandatangani dan meratifikasikan segala konvensyen dan treaty yang ada di peringkat antarabangsa. Ini tidak bermakna kita tidak mengamalkan, kita tidak melaksanakan tugas kita.

Jadi Yang Berhormat, saya berharap kita jangan memberikan kekeliruan kepada rakyat. Yang Berhormat mengatakan Yang Berhormat mewakili masyarakat madani. Masyarakat madani ini apa? Tetapi Yang Berhormat mengatakan bukan madani tetapi 'mandani'. Saya tidak tahu apa maksudnya. Madani kan? Jadi madani ini maknanya civilize society. Orang yang bertamadun

mempunyai tujuan dan tanggungjawab untuk terus memperkembangkan amalan yang berasaskan kepada nilai-nilai kemanusiaan untuk memberi kebebasan bukan kepada individu, bukan kepada orang-orang tertentu tetapi individu itu dalam konteks tugas, tanggungjawab dan haknya kepada masyarakat. Itu yang dilaksanakan oleh kerajaan sebab itu kita tidak bersetuju dengan pandangan-pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat. Gambaran yang menunjukkan negara ini dalam keadaan gelap semenjak Dr. Mahathir mengambil jawatan maka kita berada dalam keadaan di mana pencabulan yang amat besar telah berlaku di dalam negara ini bertentangan dengan fakta dan pembangunan yang kita tengok yang diiktiraf di rantau dan juga di peringkat antarabangsa.

Tuan Lim Kit Siang: Memang kita boleh faham kenapa Yang Berhormat menteri tidak boleh bersetuju oleh kerana kalau dia bersetuju dia hilang kerusi sebagai menteri. Tetapi mengenai masyarakat madani Yang Berhormat Menteri berkata bahawa dia pun hormat dan tafsiran beliau adakah beliau rela untuk menerima cadangan yang dibuat supaya rang undang-undang ini lebih sempurna boleh dapat pendapat lebih luas bahawa mengadakan satu rujukan kepada satu jawatankuasa terpilih atau satu select committee supaya lebih pertimbangan boleh diberi dan kita boleh ada satu suruhanjaya hak asasi manusia yang semua lapisan rakyat boleh bangga dan sebagai sebuah negara pun boleh menunjuk sebagai teladan kepada negara-negara yang lain.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya persoalan ini akan saya jawab semasa saya pergi untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan. Oleh kerana telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat sekarang, saya menganggap yang pentingnya ialah kita melahirkan satu badan dan badan ini kalau dipersetujui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini ia menjadi pencetus, pemangkin untuk kita menentukan bahawa segala amalan hak asasi yang tidak bertentangan dengan kepentingan kemasyarakatan dan kenegaraan akan dapat kita jayakan secara bersama tidak kira fahaman politik yang mana kita berpegang. Sebab itu saya menganggap bahawa

apa yang diminta oleh Yang Berhormat supaya perkara ini dirujuk kepada jawatankuasa select committee adalah tidak bertepatan dan kita tidak bersetuju dengan pendekatan yang dibuat oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang tidak memberi gambaran bahawa negara kita ini dikawal oleh undang-undang pencegahan ataupun peraturan yang mengawal kebebasan kita. Sebenarnya di dalam undang-undang kita kalau seseorang yang melakukan kes-kes jenayah, maka ianya tertakluk untuk dibicarakan sebelum dihukum. Kita mempunyai kebebasan yang luas tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang mengambil kepentingan dan kedudukan masyarakat secara umum. Jika ia menjejaskan, kita ambil satu contoh. Apakah kita lupa pada tahun 1969 peristiwa 13 Mei. Bila parti-parti pembangkang menang pilihan raya, parti DAP menang pilihan raya, pada ketika itu kita berarak beramai-ramai diberikan izin untuk berarak beramai-ramai, kita menghina orang-orang di tepi jalan, dan membangkitkan perasaan dan akhirnya mencetuskan satu perbalahan kaum yang boleh merosak dan menjahanamkan negara kita. Apakah kita lupa kepada sejarah? Kita mesti mengambil iktibar daripada tiap kejadian yang berlaku di dalam sejarah. Sebab itu kita berhati-hati dan teliti kerana kita kasih dan sayang rakyat dan negara kita.

Pendekatan berkenaan dengan ISA atau OSA bukan itu menjadi asas pemerintahan kita tetapi di masa yang tertentu kita perlu bagi mengawal dan menjaga kebaikan negara. Jadi ia tanggungjawab bersama, Yang Berhormat, bukan satu tanggungjawab kepada kerajaan sahaja tetapi semua pihak perlu memainkan peranan bagi membolehkan negara kita aman dan stabil, kerana aman dan stabillah negara kita maka kita mencapai kejayaan pada hari ini.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Menteri. Mengenai dengan kita dikawal oleh undang-undang yang begitu drastik sekali iaitu ISA dan OSA bukankah benar bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri ini selalu disalahgunakan dan perlu dibatalkan. Saya ambil contoh,

misalnya mahkamah telah membebaskan seorang yang telah diambil tindakan menurut Akta ISA, kemudian ditangkap lagi atas sebab ISA juga.

Yang keduanya mengenai OSA, bukankah menjadi hak rakyat untuk mendapat maklumat di dalam pentadbiran yang transparency. Tetapi oleh sebab adanya OSA ini banyak maklumat yang perlu bukan sahaja untuk peribadi tetapi untuk pembangunan tidak dapat diperolehi oleh kerana ada menteri-menteri yang takut sesuatu itu didedahkan. Mungkin merunsingkan kepada menteri itu sendiri ataupun apa tindakan kerajaan?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Soalannya tidak ada, susah saya. Berkenaan ISA saya mengatakan ini pendekatan falsafah tetapi jangan kita menggambarkan bahawa kita tidak ada kebebasan. Kebebasan ini mempunyai peraturan, mempunyai perkara yang diterima oleh Yang Berhormat dari Tanjong bahawa tidak ada kebebasan yang mutlak. Satu kebebasan itu perlu terkawal mempunyai peraturan. Yang ada pada Tanjong mungkin pendekatannya berbeza, kita menganggap bahawa peraturan yang telah diwujudkan dibawah ISA selama ini telah menjamin keselamatan dan menjamin kestabilan dan membolehkan kita untuk hidup dengan aman dan sejahtera untuk membangunkan negara. Yang Berhormat juga adalah produk kepada keamanan dan kesejahteraan negara. Jadi jangan kita nafikan. OSA ini kalau betul ada maklumat-maklumat yang Yang Berhormat dari Tuaran perlukan berkenaan pembangunan bukan mempunyai maksud yang tersembunyi, yang diperlukan untuk tujuan kebaikan rakyat, beritahu kepada kita dan kita boleh keluarkan maklumat-maklumat tersebut dan beberapa maklumat data-data dan angka yang dibentangkan, Yang Berhormat tidak baca.....

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya bagi contoh, Majlis Daerah Tuaran tiga bulan sudah tidak membayar gaji kakitangan, lebih kurang enam bulan tidak membayar EPF untuk kakitangan tetapi atas sebab ada OSA kita tidak mendapat maklumat itu. Jadi adakah ini boleh membentuk kerajaan yang transparency ataupun to sweep the problem under the carpet?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya ucapkan tahniah, ada OSA macam mana Yang Berhormat tahu? Ini macam mana? Bermakna Yang Berhormat pun tidak betul!

Tuan Yunof Edward Maringking: Dia mahu bagi takut saya.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Mengapa takut? Sebagai Ahli Yang Berhormat kita tidak mansuhkan Yang Berhormat Tuaran, akan tetap ada tetapi kena bertanggungjawab, kena jujur dan ikhlas di dalam menjalankan tugas Yang Berhormat. Ini bukan soal score points, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ia adalah soal kita sendiri kena telus. Parti PBS ini semasa dia memerintah bukan main teruk dan zalim. Jangan bercakap, kita mempunyai bukti, kita ada semua segalanya yang menunjukkan bahawa apa yang dicakap oleh Yang Berhormat tidak diamalkan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Tadi Yang Berhormat Menteri berkata bahawa saya ada kata saya setuju, bahawa tidak ada kebebasan yang mutlak dan apabila kita membelakan dan memajukan hak asasi kita bukan mahu absolute liberty atau licence. Tetapi ini tidak bererti bahawa segala undang-undang atau kawalan-kawalan atau peraturan-peraturan yang mengawal kebebasan itu boleh disamakan sebagai satu manifestasi hak asasi. Semacam freedom of speech assembly. Ada cukup undang-undang sama ada deformation atau sedition yang ada kenapa mahu perlu sama ada ISA atau OSA. Sebenarnya dalam satu negara yang mahu menjadikan satu masyarakat bermaklumat (information society), apa yang kita patut adakan ialah memansuhkan OSA dan mengadakan freedom of information act di mana kita menganggap maklumat sebagai satu hak asasi. Selain daripada kategori-kategori seperti keselamatan, privacy kita dapat menerima erti bahawa kita tidak mengambil pendirian bahawa ada kebebasan yang mutlak tetapi bukan OSA, ISA dan undang-undang draconian yang lain.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soal pendekatan. Misalnya, Yang Berhormat bercakap mengenai rights to information punya akta. Berkenaan dengan rights to information, akta ini sedang

dibincang di peringkat rantau dan peringkat antarabangsa, setakat mana boleh diadakan, bagaimana hendak diadakan undang-undang ini. Yang Berhormat tahukah kebanyakan negara Barat tidak menandatangani dan meratifikasikan berkenaan undang-undang yang melibatkan soal apartheid. Ini negara-negara yang Yang Berhormat gunakan sebagai contoh .

Jadi, saya mengatakan tidak semua daripada kita boleh bersetuju dengan pendekatan yang kita lakukan. Pendekatan kerajaan adalah iaitu hak individu semestinya tertakluk kepada hak masyarakat, hak individu tertakluk kepada kepentingan komuniti, hak individu tertakluk kepada kepentingan negara secara keseluruhan dan kita menganggap bahawa akta-akta ini yang digunakan sebagai peraturan bukan digunakan sebagai amalan biasa, berguna untuk negara kita. Ini tidak bermakna undang-undang ini tidak langsung akan dilihat, disemak, dikaji semula tetapi buat masa ini, inilah kedudukannya yang kita fikir penting dan perlu.

Tuan Lim Kit Siang:*[Bangun]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat akan ulangkan.... *[Disampuk]*

Tuan Lim Kit Siang:...yang timbul daripada penjelasan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kalau ada soalan yang pendek, boleh, tidak usah buat ucapan.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi, nampaknya Yang Berhormat Menteri mahu memberikan satu gambaran bahawa ini adalah satu contest antara hak individu dan hak kemasyarakatan atau hak maklumat bukan untuk hak individu tetapi untuk kepentingan masyarakat. Ini bukan satu antithesis, itu ialah satu complimentary supplementary dan tidak patut dibezakan, diasingkan sebegitu. Dan tadi Yang Berhormat sebut mengenai konvensi apartheid, apabila saya sebut mengenai hak

maklumat, mengapa Yang Berhormat Menteri mengalih daripada isu itu. Hak maklumat, adakah kita mahu menghormati, menerima hak maklumat ?.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, hendak menunjukkan contoh-contoh yang dibaca, yang dibuat, yang menganggap negara asing itu buat elok dan betul, adalah tidak elok dan tidak betul juga. Ada perkara-perkara yang mereka lakukan, Yang Berhormat langsung tidak mengambil kira tetapi Yang Berhormat mengambil pendekatan untuk mencari apa yang Yang Berhormat anggap negara kita tidak buat. Apa yang saya katakan ialah, segala konvensyen dan treaty hak asasi ini, tiap-tiap negara mengambil pendekatan yang tersendiri, mengambil berpuluh-puluh tahun untuk meratifikasi atau menandatangani. Ini tidak bermakna pengamalan hak asasi sebenar tidak berlaku di dalam negara itu.

Saya ingin mengatakan bahawa, dan saya sudah memberi jawapan, saya memberi jawapan bahawa pendekatan kita ialah kita tidak meletakkan kepentingan individu di atas segala kepentingan. Kebebasan individu itu penting, mustahak tetapi jika ia bercanggah dengan kepentingan masyarakat, kita mengambil pendekatan yang berbeza. OSA tidak digunakan dengan sewenang-wenangnya, ISA tidak digunakan dengan sewenang-wenangnya, begitu juga akta-akta tertentu.[*Disampuk*] Itu Yang Berhormat kata. Walau apapun yang saya kata, Yang Berhormat akan kata ada. [*Disampuk*]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula beralih kepada ...

Tuan R. Karpal Singh: [*Bangun*]

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: **Yang Berhormat dari Jelutong pula hendak bercakap.**

Tuan R. Karpal Singh: Adakah Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sedar, ada beberapa kes di bawah ISA di mana permohonan *habeas corpus* ada dibuat. Ada beratus-ratus yang dibebaskan oleh mahkamah termasuk Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan. Dan apabila beliau dibebaskan, dia ditangkap semula. Adakah itu satu pendirian yang baik oleh

kerajaan? Sewenang-wenangnya seperti mana yang dicakap tadi. Bolehkah memberi penjelasan, mengapa tidak menghormati keputusan mahkamah?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, soalnya bukan tidak menghormati mahkamah. Kes-kes *habeas corpus* yang dilepaskan mengikut permohonan *habeas corpus*, menunjukkan ini menafikan Yang Berhormat dari Tanjong cakap bahawa mahkamah irrelevant, rules of law tidak ada. Apa yang mahkamah irrelevant dan rules of law tidak ada? Ia menunjukkan bahawa mahkamah bergerak dan Yang Berhormat boleh mencari makan. *[Disampuk] [Ketawa]*.

Tuan R. Karpal Singh:*[Bangun]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:Duduk dulu. Saya belum jawab lagi soalan.

Tuan R. Karpal Singh: Jawab sekarang, jangan lari daripada isu.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan diarahkah oleh Yang Berhormat dari Jelutong. Saya akan jawab kalau dia pandai adab. *[Disampuk]* Ini kalau tidak pandai adab, saya tidak perlu jawab. I will answer you as an honourable member of Parliament, but I will not answer you if you do not know how to conduct yourself.....

Tuan R. Karpal Singh: Jawab!

Tuan Yang di-Pertua: Jangan buat kacau.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: ...dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Hak kerajaan untuk memutuskan sama ada ancaman kepada keselamatan masih terus wujud dan hadir di dalam sesuatu situasi. Jika ia mengambil tindakan, itu adalah tindakan yang dibuat melalui peruntukan undang-undang dan ianya tidak bertentangan dengan undang-undang. Oleh itu, ia tidak menjadi satu perkara yang salah. Mahkamah membuat keputusan mengikut undang-undang dan bidang kuasa pihak pentadbiran juga mengikut undang-undang.

Tuan Lim Kit Siang: Okay, kita idak menentang undang-undang tetapi melanggar hak asasi.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti, nanti, saya akan bercakap. You are confused, dengan izin. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Tidak menentang undang-undang tetapi menentang hak asasi.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Apa dia? Saya akan bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Itu mustahak.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Apa dia?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak menentang undang-undang tetapi melanggar hak asasi

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Menentang undang-undang, melanggar hak asasi, you are confused, dengan dengan izin,. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Lim Kit Siang: Awak tidak faham, mana boleh bentang rang undang-undang ini. Kalau Yang Berhormat boleh confused, bagaimana?. Mana ada kelayakan...

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang: Tidak faham perbezaan antara rang undang-undang dan hak asasi...

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya hendak bercakap

...

Tuan Lim Kit Siang: Tidak faham antara undang-undang dan hak asasi...

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya hendak bercakap dia sudah tidak ada modal, dia kata saya tidak layak ...

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, you confuse.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Dia tidak ada modal, dia kata saya tidak layak. Kalau saya tidak layak, dia lebih tidak layak Yang Berhormat untuk berhujah dengan saya.

Tuan Lim Kit Siang: Isunya undang-undang dan hak asasi, dua perkara yang berbeza, tentu faham, setujukah?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sit down, please.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Bersetujukah?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Bermakna kalau Yang Berhormat ...

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Itu mustahak, kalau kita mahu berdebate di sini, kita perlu faham.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kalau kita hendak berbahas Yang Berhormat, biar dengar saya bercakap.....

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya mengatakan bahawa kita ...

Tuan Lim Kit Siang: Undang-undang satu dan hak asasi adalah lain.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kita percaya hak asasi diamalkan di negara ini, bermakna saya tidak bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat. Itu juga hak asasi. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat setuju bahawa apa yang mengikut undang-undang tetapi melanggar hak asasi. Adakah konsep ini diterima atau tidak menerima?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya tidak terima.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak terima, itulah.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak terima...itu masalahlah, sebab itu rang undang-undang ini akan menjadi salah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu masalahnya, Yang Berhormat tidak mendengar.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, kalau begini kita tidak dapat menghabiskan perbahasan. Kita tidak boleh menghabiskan rang undang-undang ini. Bila hendak habis?.

Oleh yang demikian, tidak patutlah. Kita bincangkan mengikut peraturan mesyuarat, biarlah sekiranya yang berucap tidak memberi jalan, tidak memberi jalanlah. Kalau tidak, kita tidak dapat menghabiskan mesyuarat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya meminta maaf kerana mengambil masa Dewan ini dan saya akan sentiasa patuh dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Di sini saya suka menjelaskan Tuan Yang di-Pertua bahawa sebagaimana mengikut pandangan tradisional, definisi hak manusia terhadap kepada civil and political rights, dengan izin iaitu termasuk rights to life, liberty and security , the right not to be discriminated against on the basis of race, colour, sex, language, religion, social class or political opinion. Kebebasan untuk kita bergerak, hak untuk kita mengundi, kebebasan bercakap dan lain-lainnya. Semua intipati ini terkandung di dalam Perlembagaan kita, pada Artikel 5 sehingga Artikel 13.

Bagaimanapun, pandangan tradisional ini, pandangan yang mengatakan ia semata-mata terhadap kepada perkara-perkara tersebut telah dicabar kerana sesetengah pihak telah menyatakan bahawa definisi ini terlalu terhad ataupun sempit dan adalah perlu definisi ini lebih multidiventional dan pendekatannya secara holistic.

Oleh itu, economic, social dan cultural rights dengan izin, termasuk hak for adequate standard of living, the rights to education, the rights to work and to pay, and the rights to minorities to enjoy their own culture religion and language, dengan izin, diliputi di dalam definisi ini. Oleh kerana itu, kerajaan berpendapat

bahawa segala tindakan kita dan peruntukan-peruntukan di dalam undang-undang memenuhi hasrat dan cita-cita sebagaimana yang terkandung dalam Prinsip Paris dan juga terkandung dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Marang ada menyebutkan bahawa perkara hak asasi ini adalah perkara yang dianjurkan oleh Islam. Oleh itu saya berharap bahawa Yang Berhormat daripada PAS akan sentiasa bukan sahaja menganjurkan apa yang terkandung di dalam Al-Quran dan Sunnah Rasul tetapi mengamalkan segala kebaikan dan mengelakkan daripada fitnah dan tohmahan yang dilakukan di setiap masa. Ahli-ahli Yang Berhormat daripada PAS selalunya mengatakan sesuatu tetapi mereka tidak mempunyai tabiat untuk membuat sesuatu mengikut apa yang mereka katakan dan dituntut oleh agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara tetapi saya hendak pendekkan sahaja, hanya beberapa perkara saya ingin sentuh yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Tuaran tadi dan saya sudah mengatakan bahawa apakah yang dimaksudkan dengan tanggungjawab langsung dengan Parlimen. Pada pandangan saya, apabila laporan kita dikemukakan di Parlimen ini sekali lagi membuka peluang untuk kita membincang dan membahaskan dan membuat pertanyaan dan persoalan berkenaan perkara-perkara dan isu-isu yang ditimbulkan. Jika perlu, Fasal 21(3), suruhanjaya boleh mengemukakan laporan khas kepada Parlimen dengan apa-apa perkara tertentu yang dirujuk laporannya dan tindakan yang diambil berkenaan perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jelutong mengatakan bahawa mengapakah Menteri Luar yang membentangkan rang undang-undang ini. Kita tidak tertakluk kepada arahan supaya Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri yang membentangkan rang undang-undang. Cabinet system memberikan kita tanggungjawab sesiapa juga ahli menteri boleh membentangkan rang undang-undang dan dia tidak salah dari sisi undang-undang dan tidak salah juga dari sisi peraturan. Menteri yang bertanggungjawab kepada persoalan hak asasi adalah

Menteri Luar Negeri oleh kerana soal-soal hak asasi mempunyai dimensi antarabangsa. Iaitu kalau hendak tanya mengikut yang itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat dari Rompin tidur. Tak boleh, ini hak-hak asasi ini macam mana boleh tidur? *[Ketawa]* Beliau mesti sedar untuk membincangkan hal yang begitu penting di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat, saya pun tidak tahulah Yang Berhormat cuba hendak mematuhi kepada arahan daripada Pengerusi tetapi bolehkah Yang Berhormat luangkan lebih masa untuk orang-orang seperti saya untuk menyoal iaitu membuat penjelasan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu bukan saya punya kuasa. Kalau saya beri jalan, Tuan Yang di-Pertua kata dia boleh bersoal, saya tidak ada masalah, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah Yang Berhormat sedar apa yang terkandung di dalam Perlembagaan yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat ialah daripada Perkara 5 sehingga Perkara 13. Saya telah pun menyebutkannya minggu yang lepas bahawa ada beberapa perkara seperti slavery, pengabdian dan juga forced labour tidak wujud lagi di Malaysia tetapi pada mulanya Yang Berhormat berkata wujud tetapi selepas itu dia sedar dan berkata, salah. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa skop itu salah? Adakah Yang Berhormat sedar bahawa skop itu sempit, walaupun ada nilai-nilai sejagat di dalamnya tetapi tidak begitu luas.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong. Nampaknya Yang Berhormat lebih munasabah daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong

Tuan Lim Kit Siang: Point of order.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti dulu, sabar. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: 12(3). Mungkin Yang Berhormat Menteri....

Tuan Yang di-Pertua: 12(3)

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Mungkin Yang Berhormat Menteri mahu cepat-cepat habis oleh kerana 12(3)...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu hak saya Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya tahu. Tuan Yang di-Pertua boleh melanjutkan masa mesyuarat selepas pukul 5.30 petang atau selepas masa yang ditetapkan oleh majlis Mesyuarat setakat yang tidak melebihi 15 minit untuk menamatkan perkara yang patut diselesaikan pada hari yang berkenaan juga. Saya rasa, kalau satu perkara yang patut diselesaikan mungkin perlu satu usul, ini tidak ada ditunjukkan dalam Peraturan Mesyuarat bahawa rang undang-undang ini patut diselesaikan. Oleh kerana apa yang dibahaskan oleh satu hari setengah di mana ramai Ahli Parlimen berucap dan point-point ini mustahak. Kita mahu tunjuk kepada rakyat, kepada negara bahawa kita serius dalam perkara hak asasi dan dalam perkara usul mahu menubuhkan Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia Malaysia.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri dan saya percaya Yang Berhormat Menteri rela untuk memberi jawapan-jawapan kepada point-point bukan sahaja kepada pihak pembangkang. Saya percaya ada point-point walaupun tidak ada point yang berguna daripada Barisan Nasional. Saya percaya ada dan patutlah ada jawapan yang serius. Saya harap Tuan Yang di-Pertua pun bersetuju.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh tidak Yang Berhormat habis dalam 15 minit?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Tuan M. Kulasegaran: Point of order, point of order.

Tuan Lim Hock Seng: Ucapan penangguhan, ucapan penangguhan ini.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kacau, kacau.

Tuan M. Kulasegaran: Alamak.

USUL
WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

*Arahan Pengeluaran Cek Kepada Semua
SRJK(C) dan SMJK*

5.31 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi notis mengenai Ucapan Penangguhan ini iaitu Kementerian Pendidikan mengeluarkan arahan kepada semua SRJK(C) dan SMJK bahawa semua cek hanya boleh ditandatangani oleh anggota pentadbiran sekolah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan ucapan ini pada hari tamat iaitu pada 22 Julai 1999 ini dan selepas itu pada 13 Julai 1999, pihak sekolah telah menerima satu surat iaitu satu arahan di mana arahan tersebut telah ditangguhkan dan bukan dibatalkan. Surat Yang Berhormat dari Kementerian Pendidikan bertarikh 29 Jun 1999 telah dikeluarkan tetapi diterima hanya pada 13 Julai 1999. Saya telah semak perkara ini dengan sekolah dan isi kandungan surat adalah ditangguhkan dan bukan dibatalkan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan boleh jelaskan.

5.32 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, arahan yang dikeluarkan adalah kepada semua sekolah yang mendapat peruntukan dari kerajaan dan bukan khusus untuk SRJK(C) dan SMJK sahaja. Perlu dijelaskan bahawa arahan tersebut dibuat berasaskan kepada Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972), Arahan Perbendaharaan dan Peraturan-Peraturan Kewangan yang memerlukan supaya semua cek dalam akaun-akaun kerajaan ditandatangani oleh pegawai. Namun demikian, memandangkan kedudukan SRJK(C) dan SMJK yang mempunyai Lembaga Pengelola sendiri serta punca kewangan sendiri, Kementerian Pendidikan akan mengkaji semula kedudukan dan telah menangguhkan penguatkuasaan Surat Pekeliling tersebut pada 29 Jun 1999.

Akta Pekerja 1955 Perlu Dipinda

5.33 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Akta Pekerja 1955 yang digunakan tidak mengikut aliran dan tuntutan semasa. Kuantum pampasan yang diperuntukkan masih lagi tidak dikemaskini dan masih mengikut skala tahun 1980. Nilai award yang diperuntukkan tidak lagi menggambarkan nilai wang (money value) sebenar. Sebagai contohnya seorang pekerja estet yang bekerja selama 20 tahun hanya dihadkan kurang dari RM10,000 sebagai pampasan semasa diberhentikan kerja. Nilai RM10,000 ini adalah mengikut skala 1980, jika dibandingkan dengan nilai wang sekarang amatlah rendah. Kenaikan kos hidup, peningkatan kadar inflasi (nilai wang dan kuasa beli wang yang turun) mesti diambil kira.

Ketika negara sedang menuju ke alaf baru dan ketika negara ghairah memupuk kesedaran berhubung hak asasi kemanusiaan, pekerja-pekerja yang menjadi aset dan tunggak pembangunan negara tidak dilindungi oleh satu undang-undang yang setimpal dengan edaran masa.

Akta Pekerja sepatutnya melindungi hak-hak pekerja dan dengan alasan itu ia perlu mencerminkan kehendak dan tuntutan pekerja zaman moden. Kerajaan perlulah mengambil langkah drastik untuk mengemaskinikan Akta yang lapuk ini. Antara bahagian-bahagian yang harus dipinda adalah:

1. peruntukan-peruntukan khas untuk melindungi hak asasi wanita;
2. hak-hak dan perlindungan pekerja asing;
3. mempertingkatkan kecekapan dan taraf pegawai-pegawai di Jabatan Buruh; dan
4. meningkatkan award pampasan kepada pekerja dan satu akta/peruntukan supaya pekerja yang menuntut pampasan tidak menjadi pemiutang tanpa sekuriti (unsecured creditors).

Jabatan Buruh dan pejabat-pejabat tempatan harus mengambil langkah positif untuk mendidik para pekerja tentang hak-hak mereka dan peranan Jabatan ini. Ia penting agar para pekerja di alaf baru ini bukan sahaja dilindungi oleh satu peruntukan Akta Pekerja yang menyeluruh tetapi juga arif tentang hak mereka dan boleh menuntut keadilan melalui saluran sah yang disediakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kerja 1955 merupakan Undang-undang Buruh yang utama untuk menentukan dan mengawal hubungan di antara majikan dan pekerja di sektor swasta.

Semenjak Akta Kerja 1955 mula berkuatkuasa pada 1 Jun 1957, ia telah dipinda beberapa kali selaras dengan perubahan masa dan keadaan. Tujuan pindaan kepada akta ini adalah untuk meningkatkan kualiti perhubungan perusahaan dan produktiviti buruh, membangunkan sistem waktu bekerja anjal dan flexi time, menggalakkan wanita dan tenaga kerja di luar bandar memasuki pasaran buruh serta membangunkan sistem upah yang berasaskan produktiviti.

Pindaan terakhir sebelum ini adalah pada tahun 1989. Memandangkan keadaan semasa memerlukan akta ini dipinda sekali lagi bagi tujuan memantapkan peranannya dalam pembangunan ekonomi negara, maka ianya dipinda sekali lagi pada tahun 1998 khususnya untuk memberi dimensi baru daripada satu akta yang berorientasikan perlindungan ataupun protection oriented kepada satu akta yang berorientasikan pembangunan ataupun development oriented.

Sebelum ini, Akta Kerja 1955 hanya dapat memberi perlindungan yang terhad kepada pekerja-pekerja apabila majikan jatuh muflis. Kunjungan ke atas tuntutan pekerja yang mengatasi tuntutan pemiutang bercagar atau secured creditor hanya terhad kepada gaji sebagaimana yang ditafsirkan di bawah akta ini. Dengan pindaan baru itu, apabila majikan jatuh muflis dan pekerja diberhentikan, faedah-faedah statutori selain seperti faedah penamatan kerja, bayaran cuti tahunan, bayaran cuti sakit, bayaran cuti am dan bayaran elaun bersalin juga diberi keutamaan yang mengatasi hutang bercagar tanpa membebankan majikan dari segi implikasi cost.

Dengan kata lain, kebimbangan pihak pekerja daripada segi mendapat faedah-faedah statutori, mengenai faedah-faedah pemberhentian pekerja tidak perlu ditimbulkan lagi.

Pada ketika ini, bagi pekerja yang diberhentikan kerja dan konsep perkhidmatannya tidak memperuntukkan faedah-faedah pemberhentian kerja, ia akan diliputi di bawah Peraturan-peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan dan Berhenti Kerja Sementara) 1980. Dalam hal ini, setiap pekerja yang diberhentikan akan dibayar faedah penamatan kerja minimum seperti berikut:

- (a) upah untuk seluruh hari bagi tiap-tiap tahun penggajian bagi tempoh kerja yang kurang daripada 2 tahun;
- (b) upah untuk 15 hari bagi tiap-tiap tahun penggajian bagi tempoh kerja selama 2 tahun atau lebih tetapi kurang daripada 5 tahun;

- (c) upah untuk 20 hari bagi tiap-tiap tahun penggajian bagi tempoh kerja 5 tahun atau lebih; dan
- (d) bagi tempoh yang tidak genap setahun upah yang perlu dibayar dikira mengikut genap bulan yang hampir sekali.

Bagaimanapun, bagi pekerja-pekerja di bawah kontrak perkhidmatannya diperuntukkan faedah penamatan kerja, mereka akan menerima faedah penamatan kerja seperti yang terkandung dalam konteks perkhidmatannya dengan syarat faedahnya adalah lebih baik daripada peruntukan minimum Peraturan-peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan dan Berhenti Kerja Sementara)1980. Misalnya, sesetengah majikan ada yang membayar kadar bayaran di antara 1.25 hingga 1.75 bulan gaji bagi setiap tahun bekerja dengan majikan berkenaan dan sekiranya layak mereka juga mendapat faedah-faedah lain seperti:

- (a) gaji ganti notis sekiranya pihak majikan gagal memberi notis pemberhentian kerja yang sewajarnya kepada pekerja;
- (b) contractual bonus, sekiranya diperuntukkan;
- (c) bayaran sebagai ganti cuti tahunan yang belum diambil dan lain-lain faedah seperti yang dinyatakan di dalam kontrak perkhidmatan atau perjanjian bersama.

Dalam hal ini, kerajaan memang sedar bahawa faedah-faedah penamatan kerja perlu dipinda tetapi dengan mengambil kira kebajikan pekerja, kemampuan dan kepentingan pihak majikan serta pertubuhan ekonomi semasa. Sebagai contohnya, jika pampasan penamatan kerja terlalu tinggi, kementerian ini khawatir majikan sektor perladangan/estet tidak mampu membayar tuntutan tersebut kerana hasil ladang atau estet adalah bergantung kepada cuaca hujan atau panas, harga hasil pengeluarannya, (sebagai contohnya, getah, kelapa sawit) yang tidak stabil serta kos pengeluaran yang tinggi yang akhirnya akan menjejaskan daya saing sektor tersebut dengan sektor-sektor ekonomi yang lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.40 petang.

19 Julai 1999

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato’ Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ ***Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)***
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ ***Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)***
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Te nom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah
: Riduan bin Rahmat

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
: Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor
: Ramlah binti Mohd. Yusuff
: Miskiah binti Hassan
: Rosnani binti Ahmad
: Noor Effarizan binti Mat Satib
: Nurziana binti Ismail
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh
: Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

.....

Kandungan